05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN BLOG SEBAGAI PLATFORM PENULISAN KARANGAN OLEH PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU

LEE HOOI CHING

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI
YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MULTIMEDIA)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2011

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

02.03.2011 LEE HOOI CHING

M20072000703

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

© Lee Hooi Ching 2011
All Rights Reserved

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia Dr. Nor Hasbiah bt Ubaidullah atas bimbingan, panduan dan teguran yang membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Saya amat berterima kasih kepada Dr. Nor Hasbiah atas kesabaran beliau dalam memberikan bimbingan dan membantu saya mengenal pasti kesalahan dan kesilapan dalam penulisan tesis saya. Keprihatinan dan kesabaran beliau amat saya hargai dan sanjungi. Terima kasih Dr. Hasbiah.

Dalam mengejar impian ini, pelbagai cabaran dan dugaan telah ditempuh. Selain mengikuti kelas, saya perlu membawa bapa saya ke hospital untuk mendapatkan rawatan kerana beliau telah diserang sejenis penyakit kulit yang jarang ditemui. Saya juga terpaksa berpisah dengan anak saya Ethan Yeoh yang pada masa itu baru berusia 7 bulan. Anak saya mempunyai masalah alahan yang serius dan merupakan seorang pesakit asma. Berat hati saya menyerahkan tugas menjaga dan mendidik anak kepada kakak (Pn. Lee Hooi Geok) dan abang ipar saya (En. Ng Kean Leng). Sukacita ingin saya ucapkan terima kasih kepada kakak dan abang ipar atas kesudian mereka menjaga anak saya. Bantuan mereka telah membolehkan saya dan suami menumpukan perhatian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana.

Kepada anak saya Ethan Yeoh Chin Shuen, terima kasih kerana berkelakuan baik semasa di bawah penjagaan emak saudara dan berharap Ethan berasa bangga dengan pencapaian dan mengikut jejak langkah papa dan mamamu.

Akhir sekali, kepada suami (En. Yeoh Phee Kim) yang telah mendapat ijazahnya pada Majlis Konvokesyen Oktober 2010. Terima kasih kerana menemani saya dalam mengejar impian dan cita-cita. Terima kasih kerana sokongan dan bantuan yang diberikan. Bersama-sama kita memulakan pengajian ini dan kini kita berjaya menamatkan pengajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abstrak

Kemunculan teknologi Web 2.0 telah mengubah corak penggunaan internet. Tanpa perlu pengetahuan dan kemahiran teknikal, sesiapa sahaja yang mempunyai akses internet boleh menyampaikan pandangan mereka dalam web. Satu aplikasi popular teknologi Web 2.0 ialah blog dan ciri asas blog adalah untuk penulisan. Di Barat, banyak kajian telah dijalankan tentang penggunaan blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan penggunaan blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia terutamanya dalam bidang penulisan karangan Bahasa Melayu tidak lagi diterokai. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan menggunakan model ADDIE dalam membangunkan blog sebagai platform untuk penulisan karangan Bahasa Melayu dan meninjau persepsi pelajar tentang penulisan karangan dan penggunaan blog dalam penulisan serta menguji keberkesanannya. Kajian ini berbentuk kajian kuasi eksperimental dengan sampel kajian terdiri daripada 84 orang pelajar bukan Melayu. Instrumen kajian ialah borang soal selidik dan set ujian penulisan karangan. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan persepsi pelajar-pelajar tentang penulisan karangan dari aspek kemahiran bahasa, masalah penulisan dan pendapat tentang penulisan, tetapi persepsi pelajar-pelajar tentang kepentingan penulisan karangan tidak banyak berbeza sebelum dan selepas kajian. Ujian-*t* untuk dua kumpulan sampel tidak bersandaran (*Independent Samples Test*) mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian markah karangan pelajar dan kemahiran menulis selepas penggunaan blog dalam penulisan. Min markah karangan bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi secara signifikan ($p<0.05$) dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan blog mampu meningkatkan pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis pelajar. Oleh itu, pembangunan blog sebagai platform penulisan karangan pelajar wajar diintegrasikan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BLOG DEVELOPMENT AS A COMPOSITION WRITING PLATFORM FOR NON-MALAY STUDENTS

ABSTRACT

The emergence of Web 2.0 technology has not only changed the pattern of Internet use, it has also created new environments for learning, teaching and assessment. One of the popular applications of Web 2.0 technology is blogging. Effectiveness of the use of blogs in teaching and learning in Malaysia is less studied. Therefore, this study aimed to develop a blog as a platform for Malay essay writing and test its effectiveness in improving essay writing skills and achievements using ADDIE model. This quasi-experimental study with stratified sampling consisted of 84 non-Malay students. The research instruments used are questionnaire and essay writing test set. Findings from the survey questionnaire revealed that students have different perception on writing skills, problems associated with essay writing, and students' view on Malay essay writing but their perception concerning the importance of writing don't show much differences before and after the use of blogs in writing Malay essays. While there was significant difference in achievement scores of students' essays and writing skills in the Independent Samples Test. The treatment group score was significally higher ($p<0.05$) than the control group. Overall research findings indicated that the use of blogs can improve achievement scores and student's writing skills. Therefore, the development of blogs as a platform for essay writing should be integrated by teachers in the process of teaching and learning of Malay essay writing in school.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

SENARAI JADUAL ix

SENARAI RAJAH x

SENARAI SINGKATAN xii

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB

1. PENGENALAN

1.1. Pendahuluan 1
1.2. Latar Belakang Kajian 4
1.3. Pernyataan Masalah 8
1.4. Objektif Kajian 12
1.5. Persoalan Kajian 13
1.6. Hipotesis Kajian 14
1.7. Kepentingan Kajian 14
1.8. Batasan Kajian 21
1.9. Skop Kajian 21
1.10. Kerangka Konseptual 23
1.11. Definisi Operasional 30
1.12. Rumusan 31

2. TINJAUAN LITERATUR

2.1. Pendahuluan 32
2.2. Perkaitan Teori Pengajaran dan Pembelajaran dengan Penggunaan Blog
2.2.1. Teori Konstruktivisme 35
2.2.2. Teori Pembelajaran Bahasa Kedua 42
2.2.3. Teori Pembelajaran Multimedia 47

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3.1. Definisi Multimedia..... 47
2.2.3.2. Teori Pembelajaran Multimedia..... . 49
2.3. Penulisan, Penulisan Karangan dengan Komputer dan Penulisan dalam Bahasa Kedua..... 51
2.4. Teknologi Web 1.0 dan Web 2.0 58
2.5. Blog..... . 62
2.5.1. Definisi dan Kegunaan Blog 62
2.5.2. Perkembangan Blog..... .. 70
2.5.3. Blog dan Remaja..... 76
2.4.4. Penggunaan Blog di Malaysia..... 78
2.6. Penggunaan Blog dalam Pendidikan..... 80
2.7. Penggunaan Blog dalam Penulisan..... 84
2.8. Sorotan Kajian Lepas..... 91
2.9. Rumusan..... 103

3. METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pendahuluan 104
3.2. Reka Bentuk Kajian 105
3.3. Sampel dan Pensampelan..... 106
3.4. Instrumen Kajian..... 108
3.5. Prosedur Pengumpulan Data 110
3.6. Prosedur Penganalisisan Data 111
3.7. Rumusan..... 113

4. PEMBANGUNAN

4.1. Pendahuluan 115
4.2. Fasa Analisis..... 116
4.3. Fasa Reka Bentuk 120
4.4. Fasa Pembangunan..... 121
4.5. Fasa Pelaksanaan 125
4.6. Fasa Penilaian 126
4.7. Rumusan..... 126

5. DAPATAN KAJIAN

5.1. Pendahuluan..... 128
5.2. Dapatan Kajian Blog yang Beralamat http://smkyukkwan.blogspot.com 130
5.3. Kajian Berhubung dengan Persepsi Pelajar tentang Penulisan Karangan..... 142
5.3.1. Penggunaan Bahasa 142
5.3.2. Kepentingan Penulisan..... 145
5.3.3. Masalah Yang Dihadapi 148
5.3.4. Komen tentang Penulisan Karangan..... 151

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5. Persepsi Pelajar tentang Penggunaan Blog dalam Penulisan Karangan 154
5.4. Keberkesanan Penggunaan Blog dalam Penulisan Karangan 161
5.4.1.Penilaian Keberkesanan Penggunaan Blog terhadap Pencapaian Markah Karangan 162
5.4.2. Penilaian Keberkesanan Penggunaan Blog terhadap Kemahiran Menulis Pelajar 165
5.5. Rumusan 170

6. RINGKASAN, PERBINCANGAN DAN PENUTUP

6.1. Pendahuluan 173
6.2. Ringkasan dan Perbincangan Dapatan 173
6.2.1. Pembangunan Blog 176
6.2.2. Pengujian Keberkesanan Penggunaan Blog 180
6.2.2.1. Pencapaian Markah Karangan 180
6.2.2.2. Kemahiran Menulis Pelajar 182
6.3. Implikasi Dapatan Kajian 183
6.3.1. Guru 184
6.3.2. Pelajar 186
6.4. Cadangan Kajian Lanjutan 187
6.5. Penutup 189

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. RUJUKAN 193

8. LAMPIRAN

Lampiran A: Contoh Borang Soal Selidik 212
Lampiran B: Kesahan Alat Kajian 216
Lampiran C: Contoh Penulisan Pelajar dalam Blog 217
Lampiran D: Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Universiti 222
Lampiran E: Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM 223
Lampiran F: Panduan Pembinaan Blog dengan Blogger.com: Langkah demi Langkah 224
Lampiran G: Senarai Markah Karangan Pelajar Kumpulan Kawalan dan Rawatan Pra dan Pasca Kajian 230
Lampiran H: Contoh Pengesahan Permarkahan Karangan Pelajar 231

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimental Ujian Pra dan Ujian Pasca	105
3.2	Sampel Pelajar Pra Kajian	107
3.3	Dimensi/Konstruk dan Item-item Soal Selidik	109
5.1	Bilangan Sampel Pelajar Pasca Kajian	130
5.2	Pandangan tentang Penggunaan Aplikasi Catatan atau Komen	133
5.3	Contoh Tajuk Penulisan Pelajar yang Bernama Amelia (sebahagian...)	138
5.4	Contoh Tajuk Penulisan Pelajar yang Bernama Eternal	139
5.5	Pandangan Pelajar tentang Penggunaan Komputer	141
5.6	Taburan Konstruk dan Bilangan Soalan dalam Borang Soal Selidik	142
5.7	Pengggunaan Bahasa	143
5.8	Kepentingan Penulisan	146
5.9	Masalah Yang Dihadapi	151
5.10	Komen tentang Penulisan Karangan	153
5.11	Persepsi Pelajar tentang Penulisan Karangan Menggunakan Blog	154
5.12	Penilaian Pencapaian Min Markah Karangan Pelajar (Pra-Kajian)	163
5.13	Penilaian Pencapaian Min Markah Karangan Pelajar (Pasca-Kajian)	165
5.14	Penilaian Kemahiran Menulis Pelajar (Pra-Kajian)	166
5.15	Penilaian Kemahiran Menulis Pelajar (Pasca-Kajian)	168

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konseptual	29
2.1	Perbandingan Web 1.0 dengan Web 2.0	61
2.2	Bilangan Blog dalam Internet dari Tahun 2003 - 2007	72
2.3	Bahasa yang Digunakan dalam Blog Seluruh Dunia 2005	73
2.4	Bahasa yang Digunakan dlaam Blog Seluruh Dunia 2006	74
2.5	Sepuluh Bahasa Terbanyak Digunakan dalam Laman Web	75
2.6	Aktiviti dalam Talian & Komunikasi oleh Penulis Blog Remaja	78
2.7	Bilangan Blog yang Berdaftar dengan http://blogmalaysia.com	79
2.8	Senarai Blog yang Berdaftar dengan http://sopo-sentral.blogspot.com	80
2.9	Penggunaan Blog dalam Penulisan Jurnal	90
3.1	Paparan Contoh Kaedah Rawak Mudah	108
4.1	Model ADDIE	116
4.2	Contoh Laman Blog http://karanganbm.blogspot.com	118
4.3	Anatomi Blog	123
4.4	Laman Blogger.com	124
4.5	Contoh Paparan Blog SMK Yuk Kwan Batu Gajah Perak	125
5.1	Paparan Aplikasi Komen dalam Blog	131
5.2	Paparan Interaksi Antara Pelajar Kumpulan Rawatan dan Antara Pelajar dengan Pengunjung Blog Melalui Aplikasi Komen	132
5.3	Contoh Blog Pelajar-Pelajar Kumpulan Rawatan	134

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Contoh Isi Kandungan Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan dalam Blog http://smkyukkwan.blogspot.com 135

5.5 Teknik Pengembangan Isi Karangan..... 136

5.6 Kemahiran Menyambung Ayat dan Pemerenggangan Karangan 137

5.7 Kesalahan Ejaan 137

5.8 Pautan ke Laman Pembelajaran Bahasa Melayu 139

5.9 Arkib dan Kategori..... 140

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

CAI	Computer Assisted Instruction
CAL	Computer Assisted Learning
CALICO	Computer Assisted Language Instruction Consortium
CALL	Computer Assisted Language Learning
CBT	Computer Based Training
CGI	Computer Graphics Interface
CMC	Computer Mediated Communication
CMS	Computer Management System
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
HTML	Hyper Text Markup Language
ICT	Information and Communication Technology
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
MBA	Master of Business Adminstration
MMU	Multimedia University
NETS	National Educational Technology Standard
OUM	Open University Malaysia
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
RMIT	The Royal Melbourne Institute of Technology
RSS	Really Simple Synadication
SAT	Scholastic Aptitude Test
SMS	Short Message Service
SPSS	Statistical Package for Social Science

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESL	Teaching English as Second Language
UNITAR	Universiti Tuanku Abdul Rahman
URL	Uniform Resources Locator
WYSIWYG	What You See Is What You Get
XML	Extensible Markup Language

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penulisan merupakan salah satu kaedah komunikasi yang luas digunakan sebelum perkembangan teknologi dan alat komunikasi seperti telefon pada 1875 dan radio pada 1901 serta komputer dan internet pada masa kini. Walaupun kita dapat melihat dan berkomunikasi dengan sesiapa sahaja di dunia ini melalui sidang video yang membolehkan kita melihat pendengar kita, penulisan masih merupakan medium komunikasi yang penting. Sesuatu urusan atau urus niaga yang telah dipersetujui melalui perbualan telefon atau melalui sidang video masih perlu disahkan melalui penulisan tentang apa yang telah dipersetujui untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham. Sama ada kita menulis dengan pen dan kertas atau menggunakan papan kekunci komputer, mesin taip atau media elektronik yang lain, penulisan adalah sebagai rekod, bukti dan pengesahan tentang apa yang telah diucapkan, ditulis dan dipersetujui. Oleh itu, seseorang itu perlu menguasai kemahiran menulis agar dapat berkomunikasi dalam bentuk teks dengan tepat, jelas dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkembangan teknologi Web 2.0 menyediakan platform yang pelbagai untuk sesiapa sahaja berkomunikasi dengan menggunakan aplikasi Web 2.0. Perkongsian dan komunikasi antara pengguna web menjadi mudah dan efisien. Seperti kata John Thompson "*if Web 1.0 was a read-only medium, today's Web 2.0 is read/write.* Teknologi Web 2.0 telah menyediakan dan meningkatkan perkongsian, kolaborasi dan komunikasi pengguna web. Perkembangan teknologi Web 2.0 juga memberi impak dan mempengaruhi dunia pendidikan seperti kata Bartlett (2005) bahawa "*education may not be a location anymore – it will be an activity –discretely embedded in the lifestyles of our learners*"(*p.9*).

Pengguna teknologi Web 2.0 tidak lagi menjadi pengguna yang pasif seperti hanya mendapatkan maklumat atau membaca berita di laman web. Teknologi Web 2.0 membolehkan pengguna internet menjadi penyumbang dan berkolaborasi dengan komuniti dalam internet yang luas dan tanpa sempadan. Peluang untuk menulis terbentang luas hasil perkembangan teknologi Web 2.0, pelbagai platform tersedia seperti Facebook, Twitter, Blog, MySpace, Friendster, dan lain-lain. Sesiapa sahaja dapat menulis dan berpeluang untuk menulis dalam laman sesawang.

Tinjauan yang dibuat pada tahun 2006 oleh PEW Internet & America Life *Project* mendapati makin banyak remaja membina blog berbanding dengan tinjauan yang dibuat pada 2004. 59% remaja yang melayari internet setiap hari membaca blog berbanding dengan hanya 39% remaja melayari intenet beberapa kali seminggu. 40% remaja berumur 12-14 membaca blog dan 58% remaja berumur 15-17 adalah pembaca blog. Memandangkan makin banyak remaja yang menggunakan blog, blog wajar diaplikasikan dan diintegrasikan proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Clyde (2005) *Weblogs have a number of applications in education, and particularly in the school context. There are a number of authoritative educational weblogs that can be used as sources of information and provide professional development material for teachers (p.43).* Pembangunan blog dengan menggunakan perkhidmatan percuma yang ditawarkan boleh dimanfaatkan oleh guru untuk mengasah dan melatih pelajar khususnya dalam aspek penulisan bagi memenuhi keperluan sosial yang lebih luas daripada hanya memfokuskan topik tertentu dan yang berkaitan untuk lulus dalam peperiksaan semata-mata. Walaupun blog telah banyak digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di negara Barat, keberkesanan dan kesesuaiannya dintegrasikan dalam sistem pendidikan negara perlu diteroka dan diuji.

Blog merupakan satu platform dan satu medium yang boleh diaplikasi dan diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai platform, blog menyediakan satu ruang untuk pelajar-pelajar menghantar kerja rumah mereka, tugasan atau hasil penulisan. Hal ini membolehkan pelajar melihat dan menilai sendiri kemajuan dan pencapaian mereka serta membuat refleksi. Guru pula dapat membantu pelajar dengan menyediakan pautan ke laman-laman yang berguna untuk membantu pelajar dalam pembelajaran. Sebagai medium, blog digunakan untuk memudahkan interaksi, komunikasi dan kolaborasi antara guru dengan pelajar juga dengan pengguna internet di seluruh dunia tanpa kekangan masa dan ruang.

Martindale dan Wiley (2005) mengatakan bahawa blog dalam instruksi akan memberi pelajar peluang yang tidak pernah wujud sebelum ini. Peluang untuk berkomunikasi, berinteraksi, berkolaborasi serta peluang untuk menulis kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembaca dan peluang untuk memaparkan hasil kerja mereka kepada pembaca lain selain guru. Kemahiran khusus tidak diperlukan untuk membina laman web dalam blog. Oleh sebab itu, pengguna internet di mana-mana sahaja boleh menghasilkan kandungan dalam talian seperti yang dinyatakan oleh Maloney (2007).

Read (2006) menjelaskan bahawa motivasi akan memupuk minat yang bertukar menjadi pengalaman menulis secara efektif. Dalam kajiannya, Read telah menganalisis 6 blog remaja dengan menggunakan Hierarki Keperluan Maslow. Beliau menyatakan bahawa dengan menganalisis 6 laman blog remaja, beliau mendapati bahawa proses penulisan dalam blog membantu pelajar menjadi penulis dan meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi, terutama kepada mereka yang memang berasa keberatan untuk menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Semua orang mempunyai keupayaan untuk menulis. Kemahiran menulis boleh diajar dan guru dapat membantu pelajar menjadi penulis yang lebih baik. Pada tahun 1987, Kementerian Pelajaran memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSM Bahasa Melayu memberi tumpuan pada empat kemahiran iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Kemahiran menulis merangkumi kemahiran dalam penulisan karangan. Penulisan karangan pula melibatkan ketepatan memberikan takrifan tajuk, persembahan isi atau buah fikiran, penggunaan bahasa yang tepat dan gramatis, pengolahan, penyampaian dan kemampuan membuat pemerengganan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamaruddin (1988) mengatakan bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajar di sekolah mengambil kira tiga kemahiran yang utama iaitu lisan, bacaan dan penulisan. Pengajaran lisan dan bacaan tidak begitu menimbulkan masalah kerana bahan-bahan teks untuk pengajaran tersebut telah sedia ada dan murid-murid hanya perlu membuat rujukan sahaja. Sebaliknya, dalam penulisan, guru menghadapi masalah kerana murid-murid perlu menampilkan idea sendiri dengan bantuan guru dan murid tidak pula berusaha untuk menulis karangan dengan baik.

Banyak kajian telah dijalankan tentang masalah penulisan karangan oleh pelajar-pelajar bukan Melayu. Kebanyakan kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar bukan Melayu menghadapi masalah pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan penulisan karangan (Suthanthiradevi, 2002). Pelajar-pelajar bukan Melayu didapati tidak berminat dalam pembelajaran bahasa Melayu dan penulisan karangan (Chin, 2000; Habibah, Abdul Rashid dan Yahaya, 2003; Zamri dan Mohamed 2006). Pelajar-pelajar bukan Melayu juga didapati melakukan banyak kesalahan bahasa semasa menulis karangan (Luginy@Rosliah, 2001; Tan, 2004; Samsudin, 2004).

Begitu juga kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Rahimi (2006) mengatakan bahawa kebanyakan kajian yang telah dijalankan menjurus kepada penilaian aspek reka bentuk, persembahan, isi kandungan dan sebagainya terhadap bahan atau secara tepatnya laman web yang dihasilkan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Tidak banyak kajian berkaitan penghasilan bahan berasaskan sumber sedia ada di internet dilakukan. Kajian ini sebenarnya berkait rapat dengan aspek pedagogi, reka bentuk pengajaran sistematik serta teori-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teori pembelajaran yang merupakan tunjang pengajaran dan pembelajaran yang tersedia dengan banyaknya di dalam talian (*online*). Hal ini bertujuan agar kita boleh mengoptimumkan internet untuk pendidikan terutama melibatkan pengajaran dan pembelajaran bidang atau mata pelajaran yang penting seperti pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing.

Yancey (2004) mengatakan bahawa pada masa kini salah satu bahagian utama pengajaran penulisan adalah membantu penulis mencapai kelancaran dan kemahiran dalam menggunakan pelbagai teknologi. Perkembangan Web 2.0 dan blog menyediakan pelbagai alat atau aplikasi yang boleh digunakan untuk tujuan penulisan karangan dan memenuhi tuntutan reka bentuk instruksional untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Richardson (2006) blog adalah satu alat konstruktif untuk pembelajaran, pesertanya membina ilmu pengetahuan, berkongsi idea, dan membina dan menambahbaik hasil kerja masing-masing. Akhirnya, blog mengajarkan pelajar kemahiran abad ke-21 yang diperlukan dalam ekonomi. Pelajar membina pengetahuan, berinteraksi sesama mereka untuk meninjau idea, mengaplikasikan pengetahuan baharu dengan menyelesaikan masalah dalam situasi baharu serta membandingkan pengetahuan asal dengan pengetahuan baharu dan merenung kembali proses pembelajaran yang menyebabkan perubahan kepada idea mereka. Proses pembelajaran sebegini merupakan proses pengajaran konstruktivis (Zol, 2000). Pendapat ini sama dengan pendapat yang dikemukakan oleh Davis (2006);

> *Students are creating meanings that make sense to them because they are constructing them, not having pieces delivered to them that they just repeat. Blogging has helped me view each of my students as constructors of knowledge*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

who need frequent opportunities to be involved in the process of creating meaning (p. 1).

Selain itu, Ferdig dan Trammell (2004) mengatakan bahawa *blogging enables users to exchange ideas and to share experiences; blogs can be an ideal forum for social constructivist learning.* Terdapat beberapa aplikasi yang membolehkan pendidik untuk memulakan proses interaksi sosial berbentuk penulisan dalam talian, salah satunya ialah blog. Tan et al., (2005) mengatakan bahawa kebanyakan pedagogi penggunaan blog adalah berdasarkan teori Vygostky iaitu melalui interaksi sosial dengan penggunaan bahasa. Melalui interaksi sosial yang ditawarkan dalam blog pendidikan, pelajar diberi peluang untuk belajar menyampaikan idea. Ferdig dan Trammell (2004) pula mengatakan bahawa teori dan penyelidikan terkini dalam pendidikan telah menunjukkan kepentingan interaksi sosial dalam pengajaran dan pembelajaran. Daripada teori pembelajaran Vygotsky (1978), pendidik mementingkan proses "pembinaan pengetahuan" pelajar dan mencadangkan "pembinaan makna" diperoleh melalui penggunaan bahasa dalam proses interaksi sosial sepanjang masa. Selain itu, proses penerbitan juga menawarkan peluang untuk aktiviti maklum balas yang dapat membimbing pelajar dalam pembinaan pengetahuan.

Blog merupakan alat pengajaran dan pembelajaran yang berguna kerana menyediakan ruang untuk pelajar membuat refleksi dan menyatakan pemikiran dan pemahaman mereka. Di samping itu, interaksi sosial berlaku antara pelajar dengan guru, pelajar dengan rakan sebaya dan kemungkinan besar dengan penutur jati Bahasa Melayu serta sesiapa sahaja yang berminat dengan topik penulisan pelajar melalui aplikasi komen dalam blog. Aplikasi komen dalam blog memberi peluang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulis blog untuk mendapatkan maklum balas dan berpotensi membimbing pelajar dalam pencarian idea baharu. Blog juga menyediakan pautan yang membantu pelajar memahami perhubungan atau perkaitan, konteks asas pengetahuan, pembinaan pengetahuan dan pembinaan makna.

Sebanyak 130 markah diperuntukkan dalam Kertas 1 Bahasa Melayu SPM iaitu penulisan karangan. Pelajar dikehendaki menulis 2 buah karangan, Bahagian A: Karangan Berpandu (30 markah) dengan panjang karangan tidak kurang daripada 250 patah perkataan dan Bahagian B: Karangan Biasa (100 markah) dengan panjang karangan tidak kurang daripada 350 patah perkataan. Memandangkan penulisan karangan menyumbangkan markah yang banyak dalam peperiksaan Bahasa Melayu SPM, jadi adalah penting untuk pelajar menguasai kemahiran menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Seseorang itu dikatakan buta huruf apabila tidak menguasai Kemahiran 3M iaitu Membaca, Mengira dan Menulis. Kemahiran menulis merupakan antara kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh semua orang di dunia ini. Banyak kajian mendapati pelajar menghadapi masalah dalam penulisan terutamanya penulisan karangan. Applebee et al., (1986) Laporan *The National Assessment of Educational Progress (NAEP)* Amerika menunjukkan tidak sampai satu perlima penulisan pelajar berada pada tahap memuaskan. Pada 2002, NAEP melaporkan bahawa hanya 21-34 peratus pelajar mencapai tahap kecekapan dalam penulisan. Laporan Kementerian Pelajaran New Zealand mendapati "*the writing skills of many secondary school students are no*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

better than that of many primary school students" (p.27), Hawthorne (2007). Laporan-laporan tersebut jelas menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam penulisan.

Pengaruh bahasa ibunda menyebabkan pelajar bukan Melayu menghadapi masalah semasa menulis dalam bahasa yang tidak sama dengan bahasa ibunda. Qi (2007) mendapati masalah yang sama berlaku kepada pelajar Cina ketika belajar Bahasa Inggeris. Pelajar cenderung memikirkannya dalam bahasa Cina, kemudian mereka akan tulis apa yang difikirkan ke dalam bahasa Inggeris, kata demi kata, ayat demi ayat.

Pelajar bukan Melayu didapati kurang berpeluang mempraktikkan atau menggunakan bahasa yang dipelajari. Ishak (2003) mengatakan bahawa kanak-kanak cenderung menggunakan satu bahasa sahaja. Contohnya, kanak-kanak Cina lebih cenderung menggunakan bahasa Cina daripada Bahasa Melayu ketika berada di rumah dan berinteraksi dengan ahli keluarganya. Pilihan itu dibuat walaupun mereka dapat menggunakan dua bahasa tetapi hakikatnya keupayaan sebenar dalam menggunakan bahasa tambahan adalah terhad. Pelajar didapati menghadapi masalah untuk mempraktikkan kemahiran bahasa yang dipelajari di sekolah disebabkan tidak ada satu platform yang membolehkan mereka menggunakan kemahiran bahasa yang telah dipelajari. Menurut Campbell (2004) sebaik sahaja pelajar meninggalkan bilik darjah, mereka memasuki semula dunia yang penuh dengan penutur bahasa pertama mereka, menyebabkan peluang untuk menggunakan apa yang telah dipelajari oleh mereka terhad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar bukan Melayu juga didapati tidak berminat dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan penulisan karangan Bahasa Melayu. Chin (2000) mendapati lebih daripada 70% pelajar Cina tidak berminat untuk membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Tay (2003) mendapati 87% masalah pembelajaran Bahasa Melayu oleh pelajar ialah pengaruh bahasa ibunda/dialek dan 84.8% pelajar tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu. Habibah, Abdul Rashid dan Yahaya (2003) dan Zamri dan Mohamed (2006), pelajar-pelajar bukan Melayu didapati tidak berminat dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan penulisan karangan.

Ishak (2003) mengatakan bahawa pencapaian pelajar yang lemah di sekolah jenis kebangsaan dalam lapangan akademik mungkin disebabkan mereka tidak dapat menguasai bahasa kebangsaan dengan baik. Kanak-kanak menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan dua tuntutan yang berbeza iaitu tuntutan bahasa sekolah dan tuntutan bahasa pertama kerana bahasa sekolah sama sekali berbeza dengan bahasa luar sekolah. Masalah ini berterusan hingga kini kerana ramai penduduk Malaysia yang mempunyai ijazah dan diploma tidak boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik (Roselan, 2003).

Oleh yang demikian, pendekatan baharu perlu dikenal pasti dalam membantu pelajar-pelajar bukan Melayu menguasai Bahasa Melayu terutamanya dalam aspek penulisan. Penggunaan blog yang menyediakan ciri-ciri yang pada dasarnya sesuai untuk menyokong aktiviti penulisan wajar dikaji dari segi keberkesanan dalam membantu pelajar terutamanya pelajar-pelajar bukan Melayu dalam penguasaan Bahasa Melayu. Goodwin-Jones (2003) mengatakan bahawa internet memperkenalkan pelbagai terminologi yang telah digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

emel, ruang sembang, forum, Wikipedia, dan yang paling baharu, blog. Manakala Lowe (2004) pula menegaskan bahawa blog boleh dengan mudah menggantikan kelas konvensional yang menggunakan cetakan jurnal peribadi. Misalnya, alat percuma seperti *Blogger.com* boleh digunakan untuk penulisan peribadi atau penulisan ekspresif. Pelajar bebas memilih sama ada untuk menjadikan laman mereka milik peribadi atau untuk bacaan awam atau sekadar bertukar alamat URL (*Uniform Resources Locator*) dengan rakan-rakan, keluarga atau guru. Blog boleh digunakan sebagai platform bagi pelajar untuk mengembangkan kemampuan menulis atas kehendak pelajar sendiri.

Tan et al., (2009) telah menjalankan kajian tentang kegiatan dalam talian (*online activities*) oleh remaja di kawasan bandar di Malaysia mendapati bahawa secara keseluruhannya remaja di kawasan bandar cenderung kepada aktiviti hiburan daripada hal-hal atau isu-isu yang lebih serius seperti membuat aduan tentang hal-ehwal negara. Penulisan blog oleh remaja di kawasan bandar pula adalah lebih tentang hal peribadi. Barnes et al., (2007) mendapati generasi internet atau '*Net Generation*' pada masa mereka mencecah umur 21 tahun, generasi internet ini telah menghabiskan

- 10,000 jam main permainan video
- 200,000 emel
- 20,000 jam menonton televisyen
- 10.000 jam menggunakan telefon bimbit dan
- Kurang daripada 5000 jam membaca (Bonamici et al., 2005)

Ini bermakna penggunaan blog untuk tujuan pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran penulisan bahasa kedua wajar diperkenalkan kepada pelajar-pelajar agar mereka dapat menggunakan blog secara berkesan untuk tujuan menimba ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan blog bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam Bahasa Melayu dan seterusnya mengkaji keberkesanan penggunaan blog terhadap pencapaian markah karangan pelajar-pelajar bukan Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan

i) Membangunkan blog untuk digunakan dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu.

ii) mengetahui persepsi pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Penggunaan blog dalam penulisan selepas menggunakan blog

b. Penulisan karangan Bahasa Melayu sebelum dan selepas menggunakan blog

iii) Mengkaji keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan terhadap pelajar-pelajar bukan Melayu dalam beberapa aspek seperti berikut:

a. Mengenal pasti pencapaian pelajar-pelajar bukan Melayu sebelum dan selepas menggunakan blog dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

b. Mengkaji sama ada terdapat peningkatan kemahiran menulis pelajar-pelajar bukan Melayu (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

betul) apabila menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar-pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, maka persoalan kajian adalah seperti berikut:

i) Apakah ciri dan elemen blog yang sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dalam Bahasa Melayu.

ii) Apakah persepsi pelajar tentang penggunaan blog dalam penulisan

iii) Adakah terdapat perbezaan persepsi pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu sebelum dan selepas menggunakan blog.

iv) Adakah terdapat perbezaan pencapaian markah karangan pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

v) Adakah terdapat perbezaan kemahiran menulis pelajar (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

1.6.1 Hipotesis Alternatif

H_{A1}: Terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan blog dalam pencapaian markah karangan pelajar-pelajar bukan Melayu yang menggunakan blog daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

H_{A2}: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menulis (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) pelajar yang menggunakan blog daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

1.6.2 Hipotesis Nol

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{01}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian markah karangan pelajar yang menggunakan blog daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

H_{02}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menulis (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) pelajar yang menggunakan blog daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam membantu pelajar menjawab soalan peperiksaan berbentuk esei. Penulisan dan kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu amat penting kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelulusan dalam Bahasa Melayu menjamin pelajar mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar-pelajar tidak layak mendapat Sijil SPM jika mereka gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kemahiran menulis amat penting untuk menjawab soalan peperiksaan bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, malah hampir kesemua mata pelajaran sebelum pelaksanaan PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) terutama ketika menjawab soalan jenis esei. Kemahiran menulis semakin penting pada peringkat pengajian tinggi. Ackerman (2006) menyatakan bahawa pelajar, tidak kira jantina atau tahap kebolehan mereka, pelajar perlu melihat bahawa penulisan adalah satu alat untuk menyampaikan pendapat individu tentang sesuatu subjek, dan penulisan adalah ampuh.

Kajian yang dijalankan menunjukkan penggunaan blog berjaya meningkatkan pencapaian dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar dan kaedah ini boleh disarankan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Blog merupakan satu platform baharu untuk pelajar-pelajar menulis karangan selain karangan yang diberikan oleh guru. Selain menyediakan pelajar untuk menghadapi corak penulisan akademik dan kemahiran menulis yang lebih rumit pada masa akan datang, menerusi blog yang dibangunkan pelajar dapat menyampaikan idea, pendapat dan berkomunikasi secara berkesan dengan penulisan. Ackerman (2006) mengatakan bahawa dengan pengintegrasian blog dalam penulisan, penulisan boleh berlaku menjangkau waktu di sekolah kerana kebanyakan pelajar boleh menulis pada masa lapang mereka. Jika pelajar mempunyai capaian internet, mereka mempunyai peluang untuk memperoleh maklumat yang lebih dan menyelenggara bahan rujukan yang diperoleh di kawasan sekolah. Zaini (2007) mengatakan bahawa seseorang ilmuan menjadi tersohor disebabkan sumbangan yang tersurat dalam bentuk penulisan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dinilai rakan sepakaran kemudian diterbitkan. Kita mengenali Al-Ghazali, Ibnu Sina, Gelileo, da Vinci serta Einstein kerana sumbangan kesarjanaan mereka menerusi penulisan bermutu tinggi.

Di samping itu, penulisan karangan dengan menggunakan menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu semasa dalam talian. Pelajar-pelajar digalakkan menggunakan bahasa yang dipelajari di dalam bilik darjah untuk menjalankan aktiviti di luar bilik darjah. Blog yang dibangunkan berfungsi sebagai satu platform bagi menggalakkan pelajar-pelajar sama ada pelajar Melayu atau pelajar bukan Melayu menggunakan Bahasa Melayu semasa melayari internet. Hal ini kerana daripada kajian tentang aktiviti yang dilakukan oleh remaja di kawasan bandar di Malaysia ketika dalam talian (*online*) oleh Tan dan Ng (2009) mendapati bahawa semasa melayari internet, 77.06% pelajar menggunakan bahasa Inggeris, 8.16% menggunakan Bahasa Melayu dan 14.72% menggunakan bahasa Cina. Kebanyakan aktiviti yang dilakukan oleh pelajar semasa melayari internet cenderung kepada hiburan daripada isu kritikal dan serius seperti pendapat dan aduan tentang isu semasa yang berlaku di negara.

Carpeton (2006) dalam Prakata "*The National Commisison on Writing*" yang bertajuk Words *Have No Borders: Students Voices on Immigration, Language and Culture* mengatakan bahawa:

> *In "The Neglected 'R": The Need for Writing Revolution," the report issued by the Commission in 2003, we stated: "if students are to make knowledge their own, they must struggle with the details, wrestle with the*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *facts, and rework raw information and dimly understood concepts into language they can communicate to someone else. In short, if students are to learn, they must write (p.3).*

Blog merupakan satu aplikasi dalam internet yang begitu mudah untuk digunakan, tanpa perlu ada pengetahuan dan kemahiran mereka cipta laman web, sesiapa sahaja mampu menggunakan blog. Oleh itu, tidak ada alasan oleh guru-guru yang mengatakan bahawa mereka tidak tahu. Ray Clifford dalam ucap utamanya di CALICO (*The Computer Assisted Language Instruction Consortium*) tahun 1987 mengatakan bahawa *Technology will not replace teachers, but teachers who use technology will replace teachers who don't.*

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Penulisan karangan dalam blog juga penting kerana berupaya menggalakkan pelajar membaca lebih banyak bahan bacaan dalam bahasa yang dipelajari. Campbell (1998) mengatakan bahawa beliau selalu memberitahu pelajar-pelajarnya bahawa penulisan adalah seperti membuat senaman, lebih banyak senaman yang dibuat, seseorang itu akan makin mudah untuk melakukan senaman dan makin mahir dalam melakukan senaman. Yang (2009) mengatakan bahawa penggunaan blog memberikan motivasi kepada pembacaan dalam bahasa selain bahasa ibunda melalui ciri interaktif yang ada pada blog. Seseorang itu boleh membaca dan memberikan komen terhadap apa yang dibaca dan mengadakan perbincangan, mencari pengguna internet yang mempunyai minat yang sama dan mengekalkan perbezaan individu. Dengan memberikan respon, seseorang itu boleh mendapatkan maklum balas daripada pembaca lain dalam dunia siber. Blog juga dapat menyediakan peluang untuk pelajar membaca bahan yang diminati oleh mereka dan menulis sesuatu yang benar-benar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ingin ditulis oleh mereka, menentukan teks yang digunakan oleh mereka sendiri dalam pembelajaran bahasa dan menggabungkan teks untuk perbincangan peribadi yang memberangsangkan.

Penggunaan blog dalam penulisan juga penting kerana membentuk komuniti pembelajaran kecil yang terdiri daripada rakan sebaya pelajar, guru dan pengunjung blog pelajar. Pelajar dapat belajar daripada rakan sebaya mereka, guru dan pengunjung blog yang memberikan komen dan pandangan. Memandangkan blog menyediakan peluang dan ruang untuk pelajar menggunakan bahasa yang dipelajari, dan membenarkan orang ramai untuk bertukar maklumat tanpa kekangan masa dan ruang, meluaskan pengetahuan, dan pada masa yang sama memenuhi tuntutan peribadi dan minat. Dalam pembelajaran bahasa, blog boleh digunakan oleh guru bahasa untuk menyoal pelajar, berkongsi pandangan, dan menggalakkan pelajar untuk membincangkan isu-isu tertentu dan menyatakan perkara yang diminati oleh mereka (Yang, 2009). Efimova dan Fiedler (2003) mengatakan bahawa blog adalah seperti satu komuniti pembelajaran yang kecil. Sebagai contoh, pelajar yang berminat untuk membaca karya yang dihasilkan oleh Sasterawan A boleh mengumpulkan maklumat berkaitan dengan hasil karya Sasterawan ini dan membuat penyusunan untuk berkongsi maklumat ini dengan pembaca yang mempunyai minat yang sama. Dengan ini, satu komuniti global yang berminat terhadap hasil karya Sasterawan A dibentuk dalam blog.

Kebanyakan pelajar bukan Melayu didapati kurang menggunakan bahasa yang dipelajari walaupun sebenarnya mereka berupaya berbuat demikian. Oleh itu, penggunaan blog dalam penulisan karangan Bahasa Melayu mampu menyediakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ruang dan peluang untuk pelajar menggunakan Bahasa Melayu bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu malah di luar waktu pengajaran dan pembelajaran.

Secara kesimpulannya, blog boleh dijadikan sebagai kelas bahasa maya. Orang ramai dari seluruh dunia boleh berkongsi pendapat dan menyatakan idea mereka dengan menggunakan bahasa yang difahami bersama. Guru bahasa boleh menggunakan blog sebagai forum perbincangan untuk meningkatkan masa dan peluang pelajar mempelajari bahasa sasaran atau bahasa yang dipelajari. Witte (2007) mengatakan bahawa mana-mana remaja dalam dunia ini yang mempunyai komputer akan terus menjadi sebahagian daripada komuniti global, sama ada dengan bimbingan guru atau sekolah, menggunakan blog untuk berkongsi penulisan mereka dengan dunia. Oleh sebab itu, adalah penting untuk guru-guru mengintegrasikan blog dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan supaya dapat memberi panduan kepada pelajar dalam menggunakan blog untuk pembelajaran.

Kajian ini dapat memberikan pendedahan kepada guru-guru Bahasa Melayu yang didapati masih kurang bersedia untuk mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Laman web, blog, ruang sembang, forum dan ruang perbincangan yang terdapat di internet juga memberikan ruang interaktif kepada guru dan pelajar sekiranya mereka menghadapi pelbagai masalah dalam aktiviti seharian mereka. Pengguna Internet boleh mewujudkan satu ruang untuk menjalin hubungan komuniti yang lebih mesra dan besar walaupun mereka tidak bersemuka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga menyumbang kepada satu keadaan yang membenarkan berlakunya hubungan maya yang kadang kala lebih digemari kerana perasaan malu yang wujud dalam hubungan secara bersemuka. Malah, hasil dapatan mana-mana pembangunan laman web mendapati ruang sembang, forum dan ruang perbincangan amat digemari oleh pelajar kerana mereka dapat mengemukakan idea dan pendapat tanpa perlu bersua muka, (Sham et al., 2008). Yahya (2005) mengatakan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa itu kerana pengajaran tersebut mampu memudahkan persediaan pengajaran guru serta dapat meningkatkan daya pemahaman pelajar. Sebagai contoh, pengajaran komputer menggunakan pemprosesan perkataan dapat membantu pelajar menguasai kemahiran menulis karangan dengan lebih baik lagi. Penggunaan perisian yang berkaitan juga menyediakan latihan mengarang yang banyak memudahkan pelajar menguasainya, terutama untuk mengedit karangan tersebut.

Di samping itu, penggunaan bahan yang terdapat dalam internet juga membantu pelajar mengakses maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang diberikan oleh guru. Dengan cara tersebut, pelajar akan lebih bersifat tidak terlalu bergantung kepada guru dengan bahan pembelajaran yang terhad. Situasi pembelajaran yang menggunakan bahan melalui teknologi maklumat dan komunikasi mampu menjadikan pengajaran dan pembelajaran penulisan lebih berkesan. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Yahya (2003) dalam Yahya (2005) yang menunjukkan bahawa pelajar meminati pelajaran Bahasa Melayu dan mempunyai kemudahan internet di rumah mengaku bahawa keberkesanan penggunaan internet dapat meningkatkan kemahiran Bahasa Melayu. Dapatan juga menunjukkan faktor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendedahan terhadap kemudahan internet dapat memberikan sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar bukan Melayu yang mendapat gred A, B dan C (iaitu 100 orang pelajar) dalam peperiksaan PMR 2008. Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar di SMK Yuk Kwan Batu Gajah, Perak. Pelajar-pelajar ini dipilih sebagai sampel kajian kerana penyelidik merupakan guru Bahasa Melayu di sekolah ini. Kajian ini hanya meninjau pandangan pelajar-pelajar bukan Melayu tentang penulisan karangan Bahasa Melayu dan penggunaan blog dalam penulisan karangan serta menguji keberkesanan blog dalam meningkatkan pencapaian markah penulisan karangan pelajar dan kemahiran menulis seperti yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah.

1.9 Skop Kajian

Skop kajian meliputi dua bahagian. Bahagian pertama ialah pembangunan blog dengan menggunakan perkhidmatan pembinaan blog yang ditawarkan secara percuma di internet iaitu *Blogger.com*. Pembangunan blog ini menggunakan model pembangunan ADDIE. Satu blog utama dibina sebagai platform untuk guru dan pelajar-pelajar berinteraksi, sementara itu, pelajar-pelajar diajar untuk membina blog sendiri tetapi tertakluk kepada penyeliaan dan kawalan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian kedua merupakan tinjauan untuk mengetahui pandangan pelajar tentang penulisan karangan Bahasa Melayu dan penggunaan blog dalam penulisan karangan serta menguji keberkesanan penggunaan blog sebagai platform dalam penulisan karangan dari segi pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis. Aspek ini diberi tumpuan dalam kajian kerana daripada tinjauan literatur didapati bahawa pencapaian pelajar mampu meningkat dengan penggunaan blog begitu juga dengan kemahiran menulis. Seramai 100 orang pelajar Tingkatan 4 yang mendapat keputusan gred A, B dan C dalam peperiksaan PMR 2008 dipilih daripada jumlah keseluruhan 203 orang pelajar Tingkatan 4. Pelajar yang mendapat gred A, B dan C dipilih untuk memastikan kajian dapat dilaksanakan tanpa ganggu masalah disiplin dan menjamin komunikasi dapat berlaku dengan baik kerana kebanyakan pelajar yang mendapat gred D dan E didapati tidak mampu berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

100 orang pelajar dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu satu kumpulan kawalan (menggunakan kaedah konvensional) dan satu kumpulan rawatan (menggunakan blog dalam penulisan karangan). Ujian pra dijalankan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan blog bermula. Markah ujian pra pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dicatat, begitu juga dengan kemahiran menulis pelajar (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) dicatat. Borang soal selidik digunakan juga untuk mengetahui pandangan pelajar tentang penulisan karangan Bahasa Melayu dan penggunaan blog dalam penulisan karangan. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik hanya dianalisis secara deskriptif dan untuk melihat perbezaan pendapat dan pandangan pelajar tentang penulisan dan penulisan karangan dengan menggunakan blog. Perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) 15.0 digunakan untuk membuat analisis data kajian. Data kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipersembahkan dalam bentuk deskriptif dan inferens untuk meninjau persepsi dan keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan.

1.10 Kerangka Konseptual

Blog berpotensi digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Blog menawarkan pelbagai aplikasi yang sesuai digunakan untuk tujuan pembelajaran. Blog boleh dijadikan tempat pengumpulan sumber pendidikan, satu ruang untuk mendapatkan informasi secara berkesan, satu ruang untuk guru memberikan maklumat secara dalam talian dan tugasan yang berkait dengan sumber yang berkenaan kepada pelajar dan satu platform untuk mempamerkan hasil kerja pelajar (Ray, 2006; Coutinho, 2007).

Berpandukan Teori Pembelajaran Konstruktivisme, Teori Pembelajaran Multimedia dan Teori Pembelajaran Bahasa Kedua Krashen, blog dibangunkan sebagai satu platform penulisan karangan. Pembangunan blog dilakukan dengan menggunakan model ADDIE.

Pada fasa Analisis, analisis melibatkan tinjauan terhadap aplikasi-aplikasi yang ditawarkan oleh perkhidmatan pembinaan blog. 7 prinisp dalam teori pembelajaran multimedia dijadikan sandaran dan elemen multimedia yang ditawarkan dianalisis agar pembelajaran berasaskan multimedia dapat dijalankan. Menurut Peterson et al., (2006) elemen multimedia adalah unsur yang kritikal dalam pembelajaran bahasa. Manakala menurut Butler-Pascoe, (1997) *Multimedia utilises a multi-sensory*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

collection of elements and the combination of the different media is seen as a strength, as each of these deliver a message in a particular way and can elicit communicative language. Multimedia also facilitates simultaneous practise of several skills, e.g. listening, reading, speaking and writing (p.22).

Analisis tentang latar belakang pelajar, keupayaan pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu dan pengetahuan pelajar tentang aplikasi blog dilakukan agar input dan isi kandungan yang sesuai boleh dimuatkan dalam blog untuk membantu pelajar dalam pembelajaran. Pelajar bukan Melayu mempelajari Bahasa Melayu yang bukan merupakan bahasa ibunda mereka memerlukan input yang banyak agar dapat mempelajari bahasa kedua yang lebih berkesan seperti yang dikemukakan dalam teori pembelajaran bahasa kedua Krashen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada fasa Reka bentuk pula, aplikasi yang sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan menggunakan blog disenaraikan dan direka letaknya dalam blog. Reka bentuk yang digunakan adalah berdasarkan teori pembelajaran konstruktivisme. Oleh sebab itu, pelajar diajar membina blog mereka dengan memasukkan aplikasi yang telah dikenal pasti perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan dengan blog. Menurut teori pembelajaran konstruktivisme, pelajar perlu membina sesuatu pengetahuan itu mengikut pengalaman masing-masing. Pembelajaran terhasil daripada usaha pelajar itu sendiri dan guru tidak boleh belajar untuk pelajar. Di samping itu, pelajar perlu terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti pemgajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Blog merupakan salah satu aplikasi web yang muncul selaras dengan perkembangan teknologi Web 2.0. Alexander (2006) mengatakan bahawa "*Within this context the next generation technologies known under the "web 2.0" name are considered as an opportunity for innovation in teaching and learning*"(p.2). Menurut Steve Kaufmann, dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, tanggungjawab untuk belajar bahasa itu terletak pada pelajar bukan guru. Guru hanya sebagai pembimbing, sumber dan tempat pelajar mendapatkan penerangan apabila mereka menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa. Hal ini selaras dengan teori pembelajaran konstruktivisme yang menekankan bahawa cara terbaik pelajar belajar adalah apabila mereka secara aktif membina ilmu pengetahuan sendiri. Pembelajaran bahasa kedua akan lebih berkesan jika pelajar menggunakan bahasa tersebut dalam konteks sosial yang sebenar, seperti yang dinyatakan oleh teori sosial konstruktivisme.

A social constructivist view of learning considers that students learn best when they construct their interpretations on a subject and communicate their recently acquired knowledge to others (p.257) (Gray et al., 2001).

Pada fasa Pembangunan pula, elemen-elemen yang direka bentuk dibangunkan seperti aplikasi komen atau catatan, pembilang pengunjung blog, dan pautan ke laman pembelajaran Bahasa Melayu. Manakala pada fasa Pelaksanaan, panduan pembinaan blog langkah demi langkah diedarkan kepada para pelajar dan memastikan pelajar-pelajar memasukkan elemen atau aplikasi yang diperlukan dalam blog mereka. Selain menulis karangan berdasarkan tajuk yang diberikan, pelajar diberi kebebasan untuk memilih topik penulisan mereka sendiri tetapi diselia oleh guru. Graves dalam bukunya *Writing: Teacher and Children at Work (2003)* menyokong bahawa pelajar perlu memilih kebanyakan topik penulisannya, mendapat maklum balas yang tetap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada guru dan rakan sebaya, kerap menulis, "menerbitkan" hasil penulisan mereka dalam beberapa bentuk, melatih pemikiran meta kognitif semasa pelajar meniru cara untuk menulis dalam genre tertentu, mengumpulkan koleksi penulisan mereka untuk menghasilkan satu sejarah penulisan diri.

Kajian ini telah memilih perkhidmatan blog secara percuma yang ditawarkan oleh *Blogger.com* kerana langkah-langkah pendaftaran dan aplikasinya yang mesra pengguna dan disarankan oleh pendidik-pendidik yang telah menggunakan blog untuk tujuan pendidikan. (Bartlett-Bragg, 2003; Campbell, 2005; Huette, 2006; Ettenson, 2007; Bachand, 2009).

Pembelajaran bahasa berbantukan komputer dalam pengajaran bahasa mempunyai asas yang kuat berdasarkan teori pembelajaran bahasa dan pemerolehan bahasa kedua seperti Teori Pemerolehan Bahasa Kedua Krashen. Teori Pemerolehan Bahasa Kedua Krashen mengemukakan 5 hipotesis tentang pemerolehan bahasa kedua iaitu hipotesis pemerolehan dan pembelajaran, hipotesis turutan semulajadi, hipotesis monitor, hipotesis input dan hipotesis tapisan afektif. Di antara kelima-lima hipotesis tersebut, hipotesis monitor dan hipotesis tapisan afektif berkait rapat. Hipotesis monitor berfungsi sebagai penapis atau penyunting dalam percakapan atau penulisan yang cuba dilakukan oleh pelajar bahasa kedua. Hipotesis tapisan afektif pula mengatakan bahawa faktor afektif seperti sikap, motivasi dan personaliti banyak mempengaruhi pemprosesan input bahasa dalam diri pelajar. Dengan kata lain, setiap pelajar yang mempelajari bahasa mempunyai mekanisme monitor yang dipengaruhi oleh perasaan, sikap dan persepsinya sendiri. Pelajar yang runsing tidak mungkin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat belajar dengan baik walaupun apa yang didengarnya atau dipelajarinya itu mudah difahami.

Pelajar juga tidak dapat menghasilkan percakapan atau penulisan yang baik sekiranya mempunyai persepsi bahawa bahasanya lemah, menyangka dirinya akan diketawakan oleh orang lain (Nazri et al., 2002). Sikap negatif dan penolakan berterusan mengukuhkan tapisan afektif iaitu penghalang psikologi dalam kalangan para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua, sekaligus menggagalkan pembelajaran bahasa tersebut.

Berdasarkan teori ini, kewujudan suatu persekitaran yang kaya dengan input bahasa serta suasana yang tidak tertekan dianggap perlu bagi menjayakan proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa. Perkara ini dapat dicapai dengan penggunaan blog sebagai medium, platform yang boleh membantu pembelajaran bahasa dalam suasana pelajar tidak berasa tertekan kerana mereka tidak perlu bersemuka dan melihat reaksi serta berasa malu untuk mengemukakan pandangan atau memberikan komen. Pelajar dapat membaiki kesilapan dan belajar daripada rakan sebaya dan guru. Beberapa kajian telah mendapati pelajar lebih aktif dalam penulisan blog jika mereka menganggap blog yang dibina itu miliknya dan bukan hanya sebagai alat yang dibina untuk kelas (Bachand, 2009). Hal ini dikukuhkan oleh dapatan kajian yang dibuat oleh Lowe dan Williams (2004) bahawa pelajar mereka yang pendiam dan tidak terlibat dalam perbincangan bersemuka, melibatkan diri dalam perbincangan dalam blog.

Persekitaran yang kaya dengan input bahasa penting bagi memastikan pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu berinteraksi dalam bahasa tersebut, penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

blog membolehkan pelajar mengumpulkan pautan yang berkaitan dengan pembelajaran Bahasa Melayu seperti Portal Pendidikan Utasan iaitu tutur.com.my, khazanahmelayu.mmu.net.my, karyanet, DBP yang kaya dengan input bahasa. Pelajar juga berpeluang berinteraksi dengan penutur jati Bahasa Melayu.


Pada fasa Penilaian pula, ciri dan elemen blog yang sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dinilai. Penilaian juga dilakukan dengan meminta pelajar-pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan memberikan pandangan atau persepsi mereka tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan di samping persepsi mereka tentang penulisan karangan Bahasa Melayu.

Penggunaan blog sebagai platform penulisan karangan diuji untuk melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis pelajar sebelum dan selepas menggunakan blog.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Definisi Operasional

i. Pembangunan – merujuk kepada pembangunan blog dengan berpandukan model ADDIE

ii. Platform – merujuk kepada satu tempat atau ruang untuk penulisan karangan dalam talian

iii. Penulisan Karangan- merupakan aktiviti menulis karangan yang panjangnya 350 patah perkataan

iv. Pelajar-Pelajar Bukan Melayu – pelajar-pelajar yang bahasa ibundanya bukan Bahasa Melayu

v. Weblog atau blog –satu laman web (percuma dan berbayar) dalam internet yang membolehkan sesiapa sahaja menerbitkan hasil penulisan tanpa menguasai ilmu pengaturcaraan.

vi. Bahasa Melayu- Mata Pelajaran Bahasa Melayu mengikut sukatan pelajaran Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia

vii. Kemahiran menulis - keupayaan murid menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas.

viii. Karangan- karangan bahan rangsangan dan karangan biasa dengan panjang 350 patah perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ix. Ejaan –kaedah dan cara menulis perkataan dengan huruf mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu

x. Pelajar – pelajar bukan Melayu yang mendapat keputusan A,B dan C dalam peperiksaan PMR 2008

xi. Markah karangan – merujuk kepada markah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 350 patah perkataan.

xii. Pandangan – merujuk kepada pandangan pelajar tentang 4 aspek penulisan karangan Bahasa Melayu yang telah ditetapkan seperti dalam borang Soal Selidik iaitu kemahiran bahasa, kepentingan penulisan, masalah penulisan dan pendapat tentang penulisan karangan Bahasa Melayu

xiii. Penulisan – merupakan hasil karya bebas pelajar yang melibatkan pelbagai topik yang diminati oleh mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang masalah yang menjadi fokus kajian yang dijalankan seperti kepentingan penulisan dan perkembangan teknologi kini yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa terutamanya aspek penulisan. Objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian telah dinyatakan secara terperinci dan teliti untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah atas, iaitu tingkatan empat dan lima dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu lisan, bacaan, penulisan dan tatabahasa. Penulisan karangan adalah satu komponen yang sangat penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Penulisan karangan melibatkan ketepatan memberikan takrifan tajuk, persembahan isi atau buah fikiran, penggunaan bahasa yang tepat serta gramatis, pengolahan, penyampaian dan kemampuan membuat pemerengganan (Abdullah, 1996; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000)

Bab ini membincangkan tinjauan literatur yang merangkumi teori dan aspek-aspek yang dikaji dalam kajian. Teori Konstruktivisme, Teori Pembelajaran Bahasa Kedua dan Teori Pembelajaran Multimedia juga dinyatakan dalam bab ini dan perkaitannya dengan penggunaan blog dalam penulisan karangan. Seterusnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

justifikasi penggunaan blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu turut dibincangkan.

Menulis merupakan kemahiran yang amat penting kerana kemahiran ini melibatkan penggunaan simbol-simbol bahasa untuk berkomunikasi. Salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar bahasa kedua adalah kemampuan untuk menulis dengan baik dalam bahasa yang dipelajari. Kemampuan untuk menulis dengan baik sememangnya tidak dikuasai secara semula jadi. Penulisan merupakan satu kemahiran yang perlu dipelajari.

Penguasaan kemahiran menulis merupakan satu proses yang berlaku berterusan. Bermula dengan mempelajari cara menulis huruf hingga ke penyampaian idea dan pandangan dengan penggunaan kata, ayat dan wacana yang tepat dan menarik. Proses ini sememangnya bukan mudah dan melibatkan proses yang memakan jangka masa yang panjang.

Blog pula merupakan satu platform dalam laman web yang membolehkan sesiapa sahaja menyampaikan pandangan, pendapat dan idea sama ada secara bertulis atau melalui penggunaan audio dan video serta grafik. Peluang dan kebebasan untuk menulis ini harus dimanfaatkan. Lebih-lebih lagi jika menulis dalam bahasa kedua yang sedang dipelajari. Menurut Nadzrah dan Kemboja (2009) mengajar Bahasa Inggeris kepada penutur bukan Bahasa Inggeris adalah satu tugas yang mencabar. Dalam kelas Bahasa Inggeris, pembelajaran selalu berkait dengan kecekapan, tatabahasa, tugasan, latihan, dan aktiviti latih tubi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa sebagai aktiviti pendidikan yang terpisah daripada masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, cara pelajar diajar adalah terbatas kepada aspek pengetahuan. Allum (2002) mendapati bahawa akibatnya pelajar didapati kurang bermotivasi dan kurang berminat untuk belajar bahasa. Paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa diperlukan untuk menggalakkan pelajar menguasai dan meningkatkan kemahiran penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing dalam konteks sosial (Vygotsky, 1978), yang mempengaruhi sifat dan kualiti pembelajaran bahasa.

Pelajar mendapat kemahiran daripada bimbingan dan maklumat yang diperoleh daripada buku dan diajar di dalam kelas. Maklumat yang diterima ditapis oleh pihak berkuasa dan diajar di dalam bilik darjah. Kini, dengan ledakan isi kandungan digital, sekolah mesti mengajar kemahiran yang sama tetapi memasukkan kemampuan untuk mengumpul, menilai, mengesahkan, memahami dan mewujudkan maklumat daripada pelbagai sumber dalam pelbagai bentuk, (Fryer, 2005). Model Literasi Zaman Perindustrian (Membaca, Menulis dan Mengira) diambil alih oleh Model Zaman Maklumat yang menekankan pendedahan kepada maklumat, penggunaan maklumat, ekspresi idea dan konteks etika (Warlick, 2005).

Mekanisme ini adalah fokus penggunaan maklumat dan pemerolehan pengetahuan, dan generasi pada masa kini telah didefinisikan sebagai '*digital natives'* (Kvaik, 2005). Generasi muda ini melihat komputer dan internet bukan sebagai 'alat' seperti yang ditafsirkan oleh pengguna lama, tetapi sebagai asas cara generasi ini berkomunikasi (Faris-Berg, 2005). Mereka telah menjadi penguatkuasa, kerap mengatasi kemahiran dan jangkaan guru-guru mereka (Levin, 2005). Alat berasaskan laman web ini adalah alat tambahan semasa dalam bidang teknologi pendidikan. Berdasarkan kepercayaan bahawa individu berbeza dari segi kecekapan melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkaitan yang dibuat (Siemens, 2004), alat-alat ini atau ‘literasi baharu’ membentuk asas evolusi internet pada masa kini.

2.2 Perkaitan Teori Pengajaran dan Pembelajaran dengan Penggunaan Blog

2.2.1 Teori Konstruktivisme

Konstruktivisime merupakan proses pembelajaran yang menjelaskan cara pengetahuan disusun dalam minda manusia. Unsur-unsur konstruktivisme telah lama dipraktikkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran terutamanya apabila peralihan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada peringkat sekolah menengah.

Mengikut kefahaman konstruktivisme, ilmu pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada guru kepada pelajar dalam bentuk yang serba sempurna. Pelajar perlu membina sesuatu pengetahuan itu mengikut pengalaman masing-masing. Pembelajaran terhasil daripada usaha pelajar itu sendiri dan guru tidak boleh belajar untuk pelajar. Untuk membantu murid membina konsep atau pengetahuan baharu, guru harus mengambil kira struktur kognitif sedia ada pada pelajar mereka. Apabila maklumat baharu telah disesuaikan dan diserap untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat pelajar, barulah kerangka baharu tentang sesuatu bentuk ilmu pengetahuan dapat dibina oleh pelajar. Proses ini dinamakan konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa orang ahli konstruktivisme yang terkemuka berpendapat bahawa pembelajaran yang bermakna itu bermula dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pelajar. Pelajar perlu terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bruner (1966) dalam Tuncer (2009) menyatakan bahawa teori instruksional perlu menekankan empat aspek utama iaitu: i) kecenderungan terhadap pembelajaran. ii) cara pengetahuan distrukturkan agar mudah dipelajari oleh pelajar. iii) urutan paling efektif dalam mempersembahkan bahan pembelajaran. iv) sifat dan jangka masa ganjaran dan hukuman. v) kaedah baik untuk menstrukturkan pengetahuan sepatutnya yang memudahkan, menjana pendapat-pendapat baharu, dan meningkatkan manipulasi maklumat.

Selain itu, Bruner juga menyatakan bahawa bahasa merupakan alat yang paling penting dalam pertumbuhan kognitif. Dalam bilik darjah, Wood (1999) dalam Tuncer (2009) mencadangkan bahawa guru-guru boleh membimbing (*scaffold*) pembelajaran pelajar dalam pelbagai cara: memberi perhatian kepada yang relevan dan berkait, menggunakan strategi-strategi yang berkesan, mengingati keseluruhan tugas dan matlamat, pujian adalah penting, menyediakan aktiviti-aktiviti yang berfokus, menggalakkan ulang kaji, jelas tentang organisasi, model dan menyediakan aktiviti separuh-penuh (*part-whole*). Cameron (2002) dalam Tuncer (2009) mengatakan bahawa rutin dan pembelajaran bahasa berlaku setiap hari dalam bilik darjah menyediakan peluang untuk perkembangan bahasa, membenarkan kanak-kanak untuk secara aktif memahami bahasa baharu daripada pengalaman dan menyediakan ruang untuk pertumbuhan bahasa. Rutin akan menyediakan banyak kemungkinan untuk kemahiran bahasa berkembang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuncer (2009) menyenaraikan beberapa prinsip berdasarkan kepercayaan bahawa pembelajaran terdiri daripada individu yang membina makna seperti berikut:

1. Pembelajaran adalah proses yang aktif
2. Manusia belajar untuk belajar semasa mereka belajar
3. Tindakan membina makna ialah minda.
4. Pembelajaran melibatkan bahasa
5. Pembelajaran adalah aktiviti sosial
6. Pembelajaran adalah kontekstual
7. Seseorang itu perlu pengetahuan untuk belajar
8. Belajar mengambil masa.

Kajian Ferdig dan Trammel (2004), menggambarkan bahawa teori pembelajaran Vygotsky (1978) penting dalam menilai penggunaan blog dalam pendidikan. Mereka berpendapat bahawa sifat semula jadi pembinaan pengetahuan adalah "diskursif" (tanpa susunan) dan paling baik dilakukan berasaskan komen dan kesegeraan yang terdapat dalam sistem blog. Mereka juga menyatakan bahawa terdapat kecenderungan yang semula jadi untuk membuat refleksi dan analisis oleh pelajar apabila terdapat sistem memberi maklum balas yang diintegrasikan dalam antara muka blog. Di samping itu juga, pembelajaran konteksual melalui pautan hiperteks ke bahan lain menggalakkan kunjungan semula ke laman pembelajaran tertentu dan mengulang kaji konsep yang telah dipelajari dan mengkayakan pengalaman belajar. Berbanding dengan fourm perbincangan secara *asynchronous* (tidak serentak) seperti *newsgroups* dan papan buletin, Fredig dan Trammel (2004) berpendapat bahawa blog lebih berjaya dalam menggalakkan interaktif yang berbentuk perbualan; satu cara interaksi yang lebih kondusif dalam mengeratkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan guru dengan murid, pembelajaran adalah secara aktif, mewujudkan pemikiran aras tinggi, dan pengajaran dan pembelajaran lebih fleksibel dan adalah lebih bersifat umum.

Seitzinger (2006) mengatakan adalah mustahil untuk menjadi pelajar yang pasif apabila membaca komen dalam blog dan membalas komen orang lain dalam blog. Aktiviti ini memaksa pelajar untuk terlibat dalam kemahiran kognitif tinggi. Seseorang itu tidak boleh hanya melayari, seseorang itu perlu membuat refleksi, membentuk pendapat tentang apa yang dibaca, kemudian menyatakan pendapat tersebut secara berkesan; dalam erti kata lain menjadi pelajar yang aktif.

Dalam penulisan karangan menggunakan blog, pelajar perlu menentukan apa yang ingin ditulis, bahasa yang ingin digunakan. Mereka secara terpaksa perlu memberikan perhatian kepada pelbagai aspek topik penulisannya. Oleh sebab itu, pelajar perlu menjadi aktif dalam menentukan isi kandungan penulisan karangannya, kosa kata, pengolahan dan pemerengganan karangan yang sesuai. Pelajar juga harus memikirkan gaya penulisannya kerana hasil penulisannya bukan hanya dibaca oleh guru tetapi rakan sebaya dan pengguna internet yang lain. Hal ini sesungguhnya akan menjadikan pelajar berfikir dengan lebih kritikal dalam pemilihan topik penulisan; tentang bahasa yang digunakan dan tentang cara dan gaya penulisan yang sesuai.

Teori pembelajaran konstruktif menyatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses sosial. Konsep hubungan sosial dalam talian dan berhubung dengan rakan sebaya, guru dan pakar merupakan satu elemen yang menarik dalam pembelajaran konstruktivisme. Di Universiti Southern Queensland, mereka melaporkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"kehadiran sosial" boleh "mempengaruhi" kualiti dan kuantiti interaksi, keghairahan, dan penglibatan, tetapi mereka mendapati bahawa secara keseluruhannya adalah tidak begitu sukar untuk menjalin hubungan dalam talian daripada di dalam bilik darjah (Seitzinger, 2006).

Dalam penulisan karangan dengan blog, pelajar berupaya untuk berinteraksi bukan sahaja dengan guru, rakan sebaya, rakan-rakan lain di sekolah, tetapi merentasi ruang dan sempadan. Dalam proses interaksi sosial ini, sebenarnya, pelajar belajar bukan sahaja tentang topik penulisannya tetapi tentang cara berinteraksi dalam talian kerana pembaca karangannya bukan hanya terdiri daripada gurunya seorang seperti yang berlaku dalam kaedah penulisan karangan konvensional.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Pembelajaran tidak berlaku secara spontan atau dalam sekelip mata, pelajar perlu mengambil masa untuk membina ilmu pengetahuannya sedikit demi sedikit melalui pengetahuan sedia ada yang dimiliki. Pembelajaran yang bermakna memerlukan kita untuk melihat kembali idea-idea, membuat refleksi dan mencubanya, bermain dengannya dan menggunakannya. Untuk belajar menulis, pelajar perlu menulis, membuat refleksi terhadap apa yang telah ditulis. Blog, boleh dijadikan satu platform tambahan yang melengkapi penulisan di dalam bilik darjah. Dalam persekitaran blog, pelajar belajar mengikut kemampuan mereka sendiri, membina ilmu pengetahuan sendiri melalui interaksi dengan orang lain dan melihat kembali hasil penulisan diri mereka dan membuat refleksi. Untuk belajar, pelajar memerlukan masa untuk melakukannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penerbitan blog secara terbuka di dalam laman web boleh menyediakan situasi sebenar *(authenticity*) untuk tugasan pembelajaran. Charles Lowe dan Terra Williams menggunakan blog dalam kelas penulisan mereka. Mereka mendapati bahawa perkhidmatan penulisan blog menawarkan alat kognitif yang berguna dengan memudahkan penciptaan, membentuk format, dan memuatnaikkan bahan, mengalihkan perhatian pelajar untuk tugasan sebenar. Mereka juga mendapati bahawa kelebihan tambahan blog adalah dengan menghantar tugsan dalam laman web mewujudkan wacana sebenar, dan memaksa pelajar untuk berfikir dengan lebih teliti tentang pengucapan yang dilakukan. Mereka mendapati blog berpotensi untuk mendekati pembaca sebenar, ditambah dengan maklum balas yang diterima, telah mempengaruhi kemahiran menulis pelajar secara positif. (Seitzinger, 2006)

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Dalam kaedah konvensional, penyemakan kesalahan dalam hasil penulisan hanya dibetulkan oleh guru. Cara ini memakan masa guru dan mungkin tidak begitu digemari oleh pelajar kalau mereka melihat hasil penulisan mereka penuh dengan dakwa merah. Bryne (1988) lebih suka menggunakan prosedur atau cara “nombor tiga” yang membenarkan pelajar untuk mengenal pasti kesilapan mereka mengikut satu senarai simbol yang telah direka untuk tujuan pembetulan. Kata Bryne, menggunakan senarai seperti ini, anda membolehkan pelajar, secara individu, dalam pasangan atau dalam kumpulan kecil, untuk mengenal pasti kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh mereka. Kalau mereka tidak dapat berbuat demikian, mereka patut meminta bantuan anda. Pendekatan ini tentu menjadikan pelajar lebih peka terhadap kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan keputusannya pelajar mempelajari sesuatu daripadanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, pembelajaran konstruktif menggalakkan pelajar untuk pembelajaran yang bermakna dan berguna melalui pembelajaran aktif, manipulatif, konstruktif dan reflektif. Pembelajaran konstruktif juga bersifat situasi sebenar (*authentic*), mencabar, koperatif, kolaborasi, berniat dan melibatkan perbincangan. Dalam persekitaran bilik darjah, pelajar membina makna dan mengembangkan idea melalui interaksi dengan rakan sebaya dan guru-guru yang menyediakan persekitaran untuk menggunakan dan membina bahasa dan pengetahuan baharu dalam pelbagai situasi. (Jones dan Brader-Araje, 2002). Oleh itu, blog sebagai platform penulisan karangan boleh menyediakan persekitaran yang kondusif dan konstruktif kepada pelajar-pelajar dalam pembelajaran bahasa. Penulisan dengan blog dapat memberikan kesedaran tentang keperluan pembelajaran mereka sendiri, mereka boleh mengakses hasil penulisan mereka semasa menulis blog. Mereka juga akan menjadi lebih berhati-hati dengan kemampuan menulis yang dimiliki mereka. Pelajar akan menggunakan pengetahuan sedia ada mereka untuk berkongsi dengan rakan-rakan dalam blog dan membina pengetahuan baharu daripada hasil perbincangan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar membina pengetahuan baharu dan membina semula pengetahuan sedia ada mereka, cara ini membayangkan perspektif pembelajaran secara konstruktif.

Chin dan Zhu (2006) mengatakan bahawa dalam konstruktivisme, semua sumber patut digunakan untuk menyokong “pembelajaran” bukan “pengajaran”. Kesemua sumber patut digunakan untuk membantu pelajar untuk meneroka dan membina pengetahuan mereka, dan memenuhi pembinaan pengetahuan yang bermakna dalam proses pembelajaran motivasi-kendiri dan arah kendiri, bukan hanya untuk mencapai objektif pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Teori Pembelajaran Bahasa Kedua

> *Second" language will normally stand as a cover term for any language other than the first language learned by a given learner or group of learners (p.1).*
>
> (Smith, 1994)

Menurut Kamarudin (1998) bahasa pertama ialah bahasa yang mula-mula sekali dikuasai oleh seseorang sejak dia masih kanak-kanak iaitu sebelum dia mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua. Bahasa pertama ini sering juga disebut bahasa kandung atau bahasa ibunda. Manakala bahasa kedua ialah bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang di samping bahasa kandung yang diperoleh. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu. Dalam penguasaan bahasa kedua, Kamarudin (1998) mengatakan bahawa berbeza dengan pemelajaran bahasa pertama, penguasaan bahasa kedua bukanlah didapati melalui pemerolehan tetapi dikuasai melalui pemelajaran. Ini dilakukan dalam keadaan yang formal, memerlukan banyak latihan dan pengulangan hingga menjadi sesuatu tabiat.

Teori pembelajaran bahasa kedua memberi gambaran tentang pendekatan, kaedah dan teknik pembelajaran bahasa kedua yang efektif. Kajian dalam pembelajaran bahasa kedua cuba membina pengetahuan tentang penggunaan bahasa oleh kanak-kanak dan orang dewasa yang sudah menguasai bahasa pertamanya. Salah satu teori pembelajaran bahasa kedua yang popular ialah Teori Pembelajaran Bahasa Kedua Stephen Krashen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Pembelajaran Bahasa Kedua yang dikemukakan oleh Stephen Krashen (1988) mengatakan bahawa pemerolehan atau pembelajaran bahasa tidak berlaku semalaman sama ada bahasa pertama atau bahasa kedua. Pemerolehan bahasa berlaku secara perlahan-lahan, dan kemahiran bertutur muncul lebih lambat daripada kemahiran mendengar walaupun keadaan adalah sempurna untuk bertutur. Oleh itu, kaedah yang paling baik adalah membekalkan "*comprehensible input*" atau input yang mudah difahami dalam keadaan tahap kebimbangan adalah paling sedikit. Kaedah ini tidak memaksa pengujaran dalam bahasa kedua, tetapi membenarkan pelajar menghasilkan ujaran apabila sudah "bersedia", perlu diingatkan bahawa peningkatan datang daripada memberikan input yang mudah difahami dan secara komunikatif, dan bukan secara paksaan dan membetulkan ujaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Stephen Krashen mengemukakan 5 hipotesis dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu Hipotesis Pemerolehan-Pembelajaran (*Acquisition –Learning Hypo*thesis), Hipotesis Aturan Tabii (*The Natural Order Hypothesis*), Hipotesis Monitor (*The Monitor Hypothesis*), Hipotesis Input (*The Input Hypothesis*) dan Hipotesis Turas Afektif (*The Affective Filter Hypothesis*).

Hipotesis Pemerolehan-Pembelajaran (*Acquisition-Learning Hypothesis*)

Seorang dewasa mempunyai dua cara untuk belajar bahasa iaitu pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa. Pemerolehan bahasa adalah secara tidak sedar manakala pembelajaran bahasa adalah secara sedar dengan belajar hukum atau rumus tatabahasa, dan sedar akan pembelajaran bahasa tersebut, dan berkebolehan bertutur dalam bahasa tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis Aturan Tabii (*Natural Order Hypothesis*)

Hipotesis ini menyatakan bahawa pemerolehan struktur tatabahasa oleh pelajar bahasa kedua berlaku secara tabii (natural) yang boleh diramalkan. Sesuatu bahasa yang dipelajari, sesetengah struktur tatabahasa diperoleh lebih awal daripada yang lain, tanpa mengira bahasa pertama seseorang penutur. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermaksud bahawa tatabahasa perlu diajar dalam pemerolehan secara aturan tabii.

Hipotesis Monitor (*Monitor Hypothesis*)

Menurut Krashen (1981) konsep pemantau *(monitor)* hanya melibatkan pembelajaran (*learning)* bukan pemerolehan *(acquisition).* Monitor berfungsi sebagai alat pemantau pertuturan *(output)* dan bertujuan membaiki ujaran yang dihasilkan. Hanya pemantau yang digunakan secara optimum sahaja akan dapat meningkatkan tahap kompetensi komunikasi seseorang pelajar bahasa kedua. Individu yang berlainan menggunakan monitor mereka dengan cara yang berbeza, dengan kadar kejayaan yang berbeza.

Guru-guru patut mensasarkan untuk melahirkan pengguna optimum “Monitor” yang menggunakan “Monitor” (Monitor yang berfungsi sebagai alat pemantau pertuturan (*output*) dan bertujuan membaiki ujaran yang dihasilkan) apabila perlu dan apabila tidak mengganggu komunikasi. Pelajar tidak menggunakan pengetahuan tatabahasa mereka secara sedar semasa dalam pertuturan biasa, tetapi akan menggunakan “Monitor” atau pemantauan dalam penulisan dan ujaran yang dirancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis Input *(Input Hypothesis)*

Hipotesis ini menjelaskan bagaimana seseorang menguasai kelancaran bahasa. Pelajar bahasa kedua dianggap mengalami suatu perkembangan dari tahap i (kompetensi sekarang) menuju ke tahap i + 1 apabila pelajar itu sudah memahami input yang bermakna i + 1 iaitu melebihi kebolehan pelajar pada tahap semasa. Hipotesis Input hanya berkaitan dengan pemerolehan bahasa daripada pembelajaran bahasa.

Persekitaran bahasa memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa kedua seseorang murid kerana persekitaran bahasa menentukan input bahasa yang diperoleh seseorang pelajar. Keadaan sedemikian dialami oleh pelajar-pelajar Cina dan India yang mempelajari Bahasa Melayu. Persekitaran bahasa pelajar-pelajar Cina dan India masih dipenuhi dengan bahasa ibunda mereka. Hal ini amat jelas berlaku pada peringkat sekolah rendah kerana pelajar berketurunan Cina, kebanyakannya dihantar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan pelajar India ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan India. Persekitaran bahasa bagi pelajar Cina masih didominasi oleh bahasa ibunda apabila berada pada peringkat sekolah menengah. Jadi input bahasa yang diperoleh pelajar masih dikuasai oleh bahasa ibunda.

Blog menyediakan persekitaran bahasa kedua kepada pelajar-pelajar bukan Melayu untuk belajar Bahasa Melayu. Input bahasa yang diperoleh adalah dalam bahasa kedua kerana apabila berkomunikasi dalam blog, pelajar akan menggunakan Bahasa Melayu daripada menggunakan Bahasa Cina jika berada di dalam bilik darjah. Di dalam bilik darjah, pelajar cenderung menggunakan bahasa ibunda apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkomunikasi dengan rakan sebaya yang merupakan suku kaum yang sama. Pada masa pelajaran bahasa Melayu sedang diajar oleh guru, penggunaan bahasa ibunda masih berleluasa (Farid dan Ajid, 1981).

Hipotesis Turas Afektif (*Affective Filter Hypothesis*)

Motivasi, keyakinan diri dan kebimbangan mempengaruhi pemerolehan bahasa. Krashen mendakwa bahasa pelajar yang bermotivasi tinggi, berkeyakinan diri, mempunyai imej diri yang baik, dan mempunyai tahap kebimbangan yang rendah akan lebih berjaya dalam pemerolehan bahasa kedua.

Persoalannya adakah pengajaran dalam bilik darjah membantu pemerolehan bahasa? Pengajaran dalam bilik darjah membantu apabila menyediakan input komprehensible (*comprehensional input*) yang diperlukan oleh pelajar-pelajar yang belum berada pada tahap itu. Pelbagai kajian telah dilakukan untuk membuat perbandingan jumlah kecekapan bahasa dan jumlah pendedahan kepada bahasa tersebut sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah, umur pelajar, dan akulturasi pelajar. Hasil kajian adalah konsisten dengan hipotesis pemerolehan di atas iaitu semakin banyak input komprehensif diterima seseorang dalam keadaan tekanan rendah, kecekapan bahasa yang diperoleh adalah lebih. Menurut Mat Daud, Mat Daud, dan Abu Kassim (2005) dalam kajian mereka mendapati bahawa pencapaian penulisan pelajar adalah berkait dengan faktor kebimbangan yang disebabkan oleh kurang kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Hal ini mungkin disebabkan secara umumnya pelajar adalah pasif dan menganggap bahawa tugas mereka adalah untuk menerima ilmu yang disajikan kepada mereka dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Krashen (1984) menyatakan bahawa menulis dalam bahasa kedua, walau bagaimanapun, menghadapi cabaran tambahan kerana pelajar-pelajar menulis teks dalam bahasa yang belum dikuasai sepenuhnya. Beliau juga mengatakan bahawa sangat sedikit yang diketahui tentang menulis dalam bahasa kedua, walaupun adanya sejumlah besar penerbitan tentangnya.

2.2.3 Teori Pembelajaran Multimedia

2.2.3.1 Definisi Multimedia

Multimedia boleh ditafsirkan dengan pelbagai cara bergantung kepada perspektif seseorang. Kebiasaanya, definisi Multimedia meliputi yang tercatat di bawah:

-Multimedia adalah penggunaan pelbagai bentuk media dalam sesuatu persembahan (Schwartz dan Beichner, 1999)

-Multimedia adalah kombinasi penggunaan beberapa media seperti filem, slide, muzik, dan pencahayaan, terutamanya untuk tujuan pendidikan atau hiburan (Brooks, 1997)

-Multimedia adalah maklumat dalam bentuk grafik, audio, video atau filem. Dokumen Multimedia mengandungi satu elemen media selain teks (Greenlaw dan Hepp, 1999)

-Multimedia meliputi program komputer termasuk teks bersama dengan sekurang-kurangnya satu daripada yang berikut: audio atau bunyi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kompleks, muzik, video, gambar, grafik 3D, animasi, atau grafik berilutrasi tinggi. (Maddux et al., 2001)

Persamaan definisi yang diberikan ini adalah melibatkan pengintegrasian lebih daripada satu medium ke dalam sesuatu bentuk komunikasi. Kini, Multimedia merujuk kepada pengintegrasian media seperti teks, bunyi, grafik, animasi, video, imej, dan peragaan ruang dalam sistem komputer, (Von Wodtke, 1993; Jonassen, 2000).

Penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan telah menyebabkan kemunculan beberapa istilah yang menunjukkan cara teknologi digunakan. Sebagai contoh, istilah-istilah ini adalah seperti *Computer Assisted Instruction* atau Instruksi Berbantukan Komputer (CAI), *Computer Assisted Learning* atau Pembelajaran Berbantukan Komputer (CAL), *Computer Based Traninig* atau Latihan Berbantukan Komputer (CBT), dan *Computer Assisted Language Learning* atau Pembelajaran Bahasa Berbantukan Komputer (CALL). Istilah CALL meliputi pengintegrasian teknologi khusus iaitu teknologi komputer bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Pada masa kini, pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa banyak melibatkan penggunaan elemen multimedia dan penggunaan sumber dalam Internet. Elemen multimedia meliputi penggabungan teks, gambar, suara, animasi dan video sebagai bahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa manakala sumber dalam Internet merupakan pelbagai bentuk maklumat yang terdapat dalam laman-laman web yang boleh digunakan untuk tujuan pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran bahasa. Maklumat-maklumat ini ada sebahagiannya dipersembahkan dalam bentuk multimedia dengan menggabungkan elemen teks, gambar, suara, animasi dan video yang telah dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, tidak semua elemen multimedia sesuai digunakan serentak dalam penyampaian bahan pembelajaran dan pengajaran. Kombinasi elemen multimedia tertentu secara berkesan dan sesuai mampu menyampaikan bahan pembelajaran dengan cara terbaik.

2.2.3.2 Teori Pembelajaran Multimedia

Mayer (2001) dan Clark dan Mayer (2003) mengutarakan 7 prinisp menggunakan elemen multimedia dalam sesuatu persembahan. Teori Pembelajaran Multimedia oleh Mayer ini diasaskan oleh tiga unsur utama dalam kerangkanya iaitu teori dua kod (Pavio, 1986), teori pembelajaran aktif (Baddeley, 1992) dan teori bebanan kognitif (Chandler dan Sweller, 1991). Teori dua kod menerangkan dua cara yang terbina di dalam akalnya; iaitu yang pertama dengan menggunakan cara mengekod maklumat dalam bentuk suara. Manakala, teori pembelajaran aktif menjelaskan bahawa akal seseorang itu berfikir secara aktif ketika proses pembelajaran berlaku. Seterusnya, teori bebanan kognitif merumuskan bahawa keupayaan akal seseorang itu dalam satu masa adalah terbatas untuk menganalisis maklumat. Kajian menunjukkan bahawa maklumat yang dapat diingati oleh memori seseorang dalam satu-satu masa adalah dalam lingkungan 5-10 perkataan sahaja. Berdasarkan ketiga-tiga teori tersebut terbinalah teori pembelajaran multimedia yang berasaskan 7 prinsip seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Prinsip multimedia, iaitu pembelajaran akan lebih efektif jika perkataan dan gambar dipersembahkan seiringan berbanding dengan persembahan dengan hanya menggunakan perkataan sahaja.
- Prinsip imbangan spatial, iaitu pembelajaran akan lebih efektif jika perkataan dan gambar dipersembahkan berdekatan antara satu sama lain berbanding dengan persembahan yang dijarakkan antara kedua-dua elemen tersebut.
- Prinsip imbangan masa, iaitu pembelajaran akan lebih efektif jika perkataan dan gambar dipersembahkan serentak berbanding dengan persembahan yang mendahulukan salah satu elemen atau perkataan dan gambar dipersembahkan secara berasingan.
- Prinsip perkaitan, iaitu pembelajaran akan lebih efektif jika unsur-unsur seperti perkataan, gambar, dan suara yang tiada kaitan dengan tajuk persembahan dikeluarkan berbanding dengan memasukkan unsur-unsur tersebut dalam persembahan.
- Prinsip modaliti, iaitu pembelajaran akan lebih efektif melalui persembahan animasi dan cerita dalam bentuk suara berbanding dengan persembahan animasi dan cerita dalam bentuk teks yang tertera.
- Prinsip ulangan, iaitu pembelajaran akan lebih efektif melalui persembahan animasi dan cerita dalam bentuk suara berbanding dengan persembahan animasi, cerita suara dan cerita dalam bentuk teks tertera.
- Prinsip perbezaan individu, iaitu pembelajaran melalui multimedia adalah lebih efektif kepada pelajar yang berkebolehan spatial tinggi berbanding dengan pelajar yang berkebolehan spatial rendah, juga lebih efektif kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang berpengetahuan rendah berbanding pelajar yang berpengetahuan tinggi.

Mayer (2003) menyokong kuat penggunaan multimedia sebagai alat pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Menurut Mayer (2003), *"the promise of multimedia learning is that teachers can tap the power of visual and verbal forms of expression in the service of promoting student understanding."* Menurut Reeves (1998), "multimedia boleh merangsang lebih daripada satu deria pada suatu masa tertentu, dengan itu, lebih menarik perhatian dan tumpuan akan lebih bertahan lama dan inilah yang akan menghidupkan pembelajaran pelajar. Multimedia juga alat pembelajaran yang efektif kerana multimedia membolehkan pengguna melibatkan diri dan terlibat dengan isi kandungan dalam aplikasi (Kim dan Gilman, 2008). Liaw (2001) menyokong bahawa aplikasi berasaskan hypermedia adalah *non-linear* dan membenarkan pelajar untuk meneroka maklumat mengikut cara mereka tersendiri, menjadikannya lebih hebat daripada media konvensional kerana mensimulasikan keadaan sebenar kehidupan pelajar.

2.3 Penulisan, Penulisan Karangan dengan Komputer dan Penulisan dalam Bahasa Kedua

Menulis karangan ialah satu proses pemilihan, mencantum, menyusun atur dan mengembangkan buah fikiran dalam bentuk ayat yang berkesan, berperenggan dan dalam unit wacana yang lebih panjang. Karangan menurut Kamus Dewan (1996, 577) membawa maksud ciptaan atau rekaan. Menurut Za'ba (1952) yang dipetik oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamaruddin (1998), karangan adalah hasil daripada kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkaian kata-kata dan seterusnya untuk dijadikan ayat. Beliau menegaskan bahawa sesebuah karangan mengandungi ayat-ayat yang telah digubah atau disusun untuk dijadikan cerita, laporan, penerangan dan sebagainya. Sementara pendapat Lado (1964), Broto (1974), Bullock (1975) dan Ishak (1979) yang dipetik dalam Kamaruddin (1988) mengatakan bahawa karangan bukanlah sekadar hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata dan ayat biasa sahaja, tetapi merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia (pengarang atau penulis) melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa (Kamaruddin, 1998) Aspek yang paling penting dalam gerak kerja penulisan ialah menulis karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulisan karangan merupakan tingkat tertinggi kemahiran berbahasa iaitu kemahiran bahasa tulisan. Sebahagian besar daripada pendidikan formal memerlukan aktiviti-aktiviti menulis dan mengarang dalam menyampaikan maklumat, pendapat, idea, fakta dan sebagainya. Mengarang penting dalam kehidupan seharian bagi melicinkan perhubungan formal dalam bentuk surat-menyurat, pernyataan, laporan, perasaan dan aktiviti penulisan yang lain sama ada dalam bentuk penulisan kreatif dan ilmiah (Kamaruddin, 1988).

Karangan adalah satu pelajaran yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Menengah. Penulisan karangan melibatkan kemahiran menulis. Kemahiran menulis merupakan tingkat tertinggi kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar. Kemahiran menulis dalam Sukatan Pelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Melayu merujuk kepada keupayaan murid menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas.

Huraian Sukatan Pelajaran, mencatatkan 2 elemen utama yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu iaitu penggunaan dan kemahiran bahasa. Penggunaan bahasa dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu merangkumi tiga bidang utama iaitu bidang interpersonal, bidang maklumat dan bidang estetik, manakala kemahiran bahasa pula meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daley (2003) mengatakan bahawa tidak sekali-kali pelajar boleh dianggap berpelajaran atau terpelajar dengan hanya menguasai pembacaan dan penulisan. Keupayaan untuk berunding dalam menjalani kehidupan dengan menggabungkan kata dengan gambar, audio dan video untuk menyatakan pemikiran akan dikatakan sebagai pelajar yang berpelajaran atau terpelajar.

Isahak (1979) berpendapat kemahiran menulis (karangan) adalah mustahak dalam kegiatan-kegiatan pendidikan formal kerana kebanyakan jawapan dalam ujian dan peperiksaan rasmi memerlukan pengucapan idea, pendapat, fakta dan lain-lainnya disampaikan melalui kemahiran bahasa tulisan yang sifat bahasanya adalah formal. Mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajar di sekolah mengambil kira tiga kemahiran yang utama iaitu lisan, bacaan dan penulisan. Pengajaran lisan dan bacaan tidak begitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menimbulkan masalah kerana bahan-bahan teks untuk pengajaran tersebut telah sedia ada dan murid-murid hanya perlu membuat rujukan sahaja. Sebaliknya dalam penulisan, guru menghadapi masalah kerana murid-murid perlu menampilkan idea sendiri dengan bantuan guru dan murid tidak pula berusaha untuk menulis karangan dengan baik, (Kamaruddin, 1988).

Abdullah (1980) mengatakan bahawa mungkin salah satu masalah yang besar ialah, Bahasa Melayu yang diajar itu amat formal dan tidak ada kegunaan atau persamaannya dengan bahasa yang digunakan hari-hari, sehingga murid-murid terpaksa mempelajari satu dialek yang berlainan yang tidak boleh mereka tuturkan di luar kelas. Mahzan (2007) menyatakan bahawa pendidikan bahasa dan kesusasteraan Melayu di sekolah hari ini perlu menyiapkan pelajar dengan kemahiran mereka bentuk bahan yang bukan sahaja dalam bentuk penulisan karangan yang lengkap dan gramatis semata-mata, mereka perlu mempunyai daya kreativiti bagi menjadikan maklumat yang disampaikan dapat menarik minat pembaca. Di samping itu, menguasai kemahiran menulis, pelajar perlu dilatih supaya dapat membina bentuk grafik, visual 3 dimensi, dan kesan audio bagi melengkapi bahan berbentuk penulisan tersebut.

Zaitul (2005) mengatakan bahawa seseorang yang berhasrat mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan cemerlang perlu didedahkan kepada persekitaran Bahasa Melayu, meliputi semua yang didengar dan dilihat oleh mereka dalam bahasa itu agar dapat memberikan pengalaman sebenar. Persekitaran itu mungkin mengandungi pelbagai situasi, seperti berbual di perhentian bas, membaca iklan di papan kenyataan dan membaca buku di perpustakaan. Bagi beliau, mempelajari Bahasa Melayu memang mudah, tetapi menguasainya susah. Untuk mengatasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah ini, disyorkan supaya pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua mengambil kira beberapa prinsip seperti berikut:

i. Pengetahuan tatabahasa mestilah diterapkan secara langsung (sedar) sama ada secara induktif atau deduktif. Dengan cara ini, seseorang dapat menggunakan tatabahasa untuk membentuk ayat yang lebih gramatis. Dengan cara ini juga, dia mempunyai kemampuan membuat ayat-ayat serta mempunyai asas tatabahasa secara semula jadi.

ii. Pengajaran harus disertai oleh latihan supaya aspek bahasa yang diajarkan mantap dalam fikiran. Selain itu, penekanan yang lebih harus diberikan kepada aspek penulisan dan bacaan berbanding dengan aspek lain

iii. Pengajaran Bahasa Melayu haruslah menitikberatkan aspek makna di samping struktur ayat dan unsur tatabahasa

iv. Guru perlu menggalakkan pelajar menggunakan kreativiti mereka untuk membuat ayat baharu berdasarkan isi pelajaran dan aspek bahasa yang telah diajar. Hal ini demikian kerana penguasaan bahasa berkaitan rapat dengan kebolehan pelajar mencuba serta menggunakan unsur Bahasa Melayu baharu. Dengan adanya usaha ini, Bahasa Melayu menjadi mudah dipelajari dan mudah juga dikuasai.

Pelajar-pelajar mempunyai idea untuk penulisan, tetapi tidak dapat disampaikan dengan baik dan jelas oleh sebab mereka lemah dalam aspek konvensi penulisan. Antara kelemahan konvensi penulisan yang ketara ialah masalah berkaitan dengan: (1) penggunaan tanda baca (contoh: koma, noktah, penghubung kata); (2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membezakan huruf besar dengan huruf kecil; (3) mengeja perkataan berimbuhan; dan (4) membuat perenggan.

Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan pelajar yang bahasa ibundanya Bahasa Melayu memperoleh skor yang lebih tinggi daripada kumpulan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kumpulan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda juga mendapat skor yang lebih tinggi daripada kumpulan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dari segi organisasi idea. Seterusnya, pelajar yang bahasa ibundanya Bahasa Melayu mendapat skor yang lebih baik daripada kumpulan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua untuk dimensi suara, pilihan perkataan, kelancaran ayat dan konvensi.(Faridah, Nooreiny & Raja Mohd Fauzi, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, pelajar cuba untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka menghadapi apa yang dinyatakan oleh Feronha (2006) sebagai *lonely-ranger syndrome* iaitu pelajar mempunyai presepsi bahawa mereka adalah bersendirian dalam usaha untuk membaiki kemahiran menulis mereka. Hulbert (2005) mengatakan bahawa dengan penulisan, seseorang yang menulis banyak, akan menjadi lebih baik dalam penulisan. Tidak ada ganti kepada latihan menulis. Walaupun sesetengah orang dilahirkan dengan bakat menulis daripada mereka yang tidak, tetapi kebanyakan orang boleh menjadi penulis yang lebih baik sekadar melalui latihan. Bernstein (2004) juga mengatakan bahawa kerap menulis meningkatkan penulisan, memupuk tabiat menulis dengan kerap adalah langkah pertama yang begitu penting. Begitu juga dengan pandangan Risinger (1987) bahawa majoriti guru percaya bahawa pelajar yang menulis banyak, menulis dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

McGroarty (1997) melihat bahawa pembelajaran bahasa kedua bukan sekadar menguasai beberapa komponen kemahiran seperti tatabahasa, perbendaharaan kata dan struktur ayat bahkan lebih daripada itu kerana bahasa adalah satu ciri asas kepada identiti dan sistem sosial. Oleh hal yang demikian, situasi sebenar penggunaan bahasa yang dipelajari harus disediakan agar pelajar dapat mengetahui dan memahami penggunaan bahasa yang sebenarnya bukan yang direka untuk tujuan pembelajaran di dalam kelas. Little dan Deritt (1989) menyatakan bahawa langkah ini akan lebih mendekatkan pelajar kepada bahasa yang dipelajari dan pengetahuan yang diperoleh di dalam kelas. Mereka akan lebih bermotivasi untuk belajar kerana menyedari apa yang dipelajari adalah bahasa sebenar yang digunakan oleh penutur jatinya. Mereka akan bersemangat untuk mengamalkannya di dalam situasi sebenar di luar. Keadaan ini merapatkan jurang di antara bilik darjah dan dunia sebenar. Gavin (2000*)* mengatakan bahawa terdapat pelbagai peluang untuk menerbitkan hasil penulisan mereka di laman web. Hal ini bukan sahaja memberikan pelajar kepuasan yang besar dan bangga akan hasil kerja mereka, malahan juga mendorong mereka untuk meluangkan lebih masa terhadap persembahan dan ketepatan penulisan mereka dan lain-lain.

Selain itu, pelajar juga boleh memperoleh maklumat yang disalurkan melalui internet sebagai sumber tambahan (Gandhi, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Teknologi Web 1.0 dan Web 2.0

Perkembangan teknologi dari Web 1.0 ke Web 2.0 telah mengubah corak penggunaan laman web oleh pengguna internet secara keseluruhannya. Kehadiran Web 2.0 telah membuka peluang kepada pengguna internet untuk menyampaikan pandangan dan pendapat secara mudah dan cepat tanpa perlu mempelajari bahasa pengaturcaraan atau HTML, XML dan lain-lain. Kemunculan Web 2.0 telah menyediakan pelbagai aplikasi yang boleh digunakan oleh pengguna internet yang tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang bahasa pengaturcaraan antaranya ialah *Weblog, RSS, Screen Casting atau Video Blogging, Podcasting, Social Bookmarking, Tagging*.

Aplikasi-aplikasi ini telah mengubah cara kandungan (*content)* dihantar. Secara tradisi, kandungan dihantar melalui model penghantaran (*Transmission Model*) iaitu pihak atasan akan menulis kurikulum, mengorganisasikan apa yang patut diajar, dan memilih sumber-sumber. Semua ini akan dihantar ke sekolah dan guru yang akan mengajar kandungan pengetahuan ini kepada pelajar. Kemudian, pelajar akan diminta untuk mengambil peperiksaan untuk mengukur keberkesanan penyampaian kandungan dilakukan. Dalam model penghantaran pembelajaran (*Transmission Model of learning*) sumber adalah disahkan, berpusat, standard dan dihantar dengan cara dari atas ke bawah (*top-down method*).

Kemunculan Web 2.0 dengan aplikasi-aplikasi yang disediakan telah mengubah model penghantar kandungan. Brown dan Hagel (2005) telah menamakan cara sumber digerakkan ini sebagai *pushed* yang telah mengubah cara kandungan dihantar. Kita sedang mengalami anjakan kepada satu model baharu yang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membentuk semula kebanyakan aspek kehidupan kita, termasuk cara kita mengenal pasti diri kita, menyertai sesuatu dengan orang lain, berkomunikasi dengan orang lain, pengerakan sumber dan belajar. (Brown dan Hagel, 2005) Teknologi ini yang disebut sebagai "Web 2.0". Web 2.0 membenarkan pengguna untuk mendapatkan informasi yang diingini daripada laman web dengan mudah.

Apabila jaringan bermula dan laman web pertama diterbitkan, ia dilakukan dengan cara atas-bawah (*top-down manner*). Juruteknik yang boleh mengemudi protokol pelayan yang kompleks dan menggunakan bahasa HTML hanya beberapa orang dan hanya mereka yang boleh menerbitkan informasi di laman web. Pereka kandungan perlu mengkaji pembina laman web dengan terlebih dahulu memahami aspek teknikal sains komputer agar dapat menggunakan laman web pada masa itu. Banyak inovasi seperti direktori-direktori, skrip CGI, dan perisian WYSIWYG dicipta untuk membolehkan lebih interaktif dalam web. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada kandungan masih dihasilkan dengan cara atas-bawah (*top-down manner*).

Dengan kemunculan teknologi baharu, laman web sekarang berubah ke satu ruang yang penuh interaktif. Teknologi ini membuang kekangan teknikal dan memberikan antara muka yang mesra pengguna untuk interaksi dalam laman web. Kawalan terhadap kandungan telah terpancar dan orang ramai dalam rangkaian boleh berkolaborasi, mencipta, menerbitkan, melanggan, dan berkongsi maklumat. Dengan Web 2.0 orang ramai dapat terlibat dalam mencipta kandungan.

Walaupun telah wujud model penglibatan baharu, masih terdapat pengguna yang pasif yang hanya mendapatkan maklumat. Walau bagaimanapun, kini, terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dua jenis pengguna laman web: peserta utama dan peserta sekunder. Peserta utama boleh dikategorikan sebagai pakar. Mereka menyediakan maklumat dan mengayakan laman web. Mereka betul-betul berhubung melalui teknologi web baharu ini. Mereka menyediakan, berinteraksi, berkongsi, mencipta dan mengubah pengetahuan dan idea. Hinchcliffe (2005) mengatakan bahawa Web 2.0 adalah lebih daripada sekadar teknologi baharu. Peserta sekunder sebaliknya melibatkan diri dalam laman web untuk mencari maklumat dan berunding, sekali-sekala melalui aktiviti seperti emel, membuat *ranking*, maklum balas, atau melengkapkan borang. Web 2.0 bergantung sepenuhnya kepada peserta utama untuk keaktifannya, tetapi semua pengguna boleh memanfaatkan dan melibatkan diri bergantung kepada keperluan yang ditetapkan oleh diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kualiti maklumat yang dikongsi boleh dipertikaikan kerana kebanyakan maklumat direka oleh amatur bukan profesional yang terlatih, Masalah lain juga akan timbul apabila maklumat dikumpulkan. Ahli komuniti boleh mengambil maklumat itu, memilih apa yang penting kepada mereka dan mengedarnya dalam jaringan. Hal ini akan mengakibatkan pemeriksaan, satu bentuk penapisan idea (Siemens, 2005). Kemungkinan apa yang paling menakutkan pihak sekolah adalah kebanyakan kandungan baharu ini tidak secara rasmi diiktiraf sebagai yang boleh dipercayai. Secara tradisi, proses penerbitan melibatkan editor dan pemeriksaan fakta untuk memberikan jaminan bahawa semua maklumat yang dicetak telah disahkan dan dinilai. Dengan Web 2.0, sesiapa sahaja yang mempunyai talian internet dapat menghasilkan kandungan dan menyampaikan maklumat dalam laman web. Oleh sebab itu, pengguna perlu tahu dan mengawal apa jenis kandungan yang diterima oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka dan bertanggungjawab untuk menilai dan mengesahkan kandungan tersebut sendiri.

Asmus et al., (2005) mengatakan bahawa pada masa depan, persekitaran pembelajaran secara maya mungkin merupakan cara pembelajaran ditadbir atau diuruskan. Persekitaran pembelajaran terdiri daripada kombinasi blog, portfolio dalam talian, sistem pengurusan kandungan (CMS), wiki dan sistem penanda buku sosial (*social book marking*) diikat bersama melalui langganan dan *syndication*.



Rajah 2.1: Perbandingan Web 1.0 dengan Web 2.0

Rajah 2.1 menunjukkan perbezaan antara Web 1.0 dan Web 2.0. Web 1.0 menggunakan atas-bawah (*top-down*) atau model "*pushed*" dalam penyaluran kandungan. Sebaliknya, Web 2.0 menggunakan Web sebagai "platform" dengan penggabungan teknologi-teknologi yang muncul seperti blog, wiki, RSS dan *Social bookmarking* untuk menghasilkan kandungan selain perhubungan antara pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemunculan Web 2.0 telah mengubah secara keseluruhan cara penggunaan internet. Web 1.0 hanya melibatkan pengguna mendapatkan maklumat untuk kegunaan. Web 2.0 membawa erti bahawa pengguna laman web juga merupakan penyumbang kepada laman web. Dalam pendidikan, implikasinya ialah pendidik dan pelajar mempunyai keupayaan untuk menghasilkan isi kandungan dalam laman web. Mereka boleh menyumbang kepada laman web tanpa memerlukan kemahiran teknologi yang khas, hanya pemprosesan kata yang asas dan melayari laman web. Dengan hanya berbekalkan sedikit pengetahuan tentang bunyi dan video, guru dan pelajar-pelajar boleh menghasilkan isi kandungan dalam bentuk multimedia dalam laman web.

Rosen dan Nelson (2008) secara ringkasnya mengatakan bahawa Web 2.0 merupakan fasa penggunaan internet yang seterusnya. Fasa pertama, Web 1.0 fokus kepada persembahan maklumat. Fasa seterusnya, Web 2.0 membolehkan persembahan dan penglibatan.

2.5 Blog

2.5.1 Definisi dan Kegunaan Blog

Snider (2007) menakrifkan blog atau weblog seperti berikut:

> *Weblogs are independent Web sites usually operated by a single person or by a small group of people. They serve as frequently updated forums to discuss whatever the blogger wants to discuss. Unmonitored, each blogger is*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

author, editor and publisher, beholden solely to his or her own whims and desires (p. 2).

Weblog atau blog merupakan laman jurnal peribadi atau laman yang mudah dibina dengan menggunakan antaramuka grafik pengguna atau GUI (*Graphical User Interface*) yang disediakan dalam perisian blog tanpa memerlukan sebarang pengetahuan dalam bahasa pengaturcaraan atau kepakaran teknikal. Menurut Blood (2002b:12) Weblog paling tepat didefinisikan sebagai "satu laman web yang kerap dikemaskini, dengan bahan baharu diposkan pada bahagian atas laman." Embrey (2002) dalam *Teacher Librarian* Disember 2002 mendefinisikan Weblog adalah penggabungan antara sebuah diari, laman web dan komuniti dalam talian. Weblog atau secara singkat blog bermula sebagai laman web yang menyenaraikan pautan pada nota kaki sesuatu laman web ke laman web yang lain yang mengandungi kandungan yang menarik, melucukan, menimbulkan rasa ingin tahu, dan atau secara umumnya kandungan yang menakjubkan oleh penulis blog (Lankshear dan Knobel, 2003).

Godwin (2003) *A weblog (or blog) is a web-based space for writing where all the writing and editing of information is managed through a web browser and is immediately and publicly available on the Internet (p.23).*

Ciri umum sebuah laman blog adalah mengandungi "satu laman utama yang diakses oleh masyarakat dunia, disusun dalam bentuk kedudukan kronologi yang terbalik, mengandungi pautan ke blog atau laman web lain, dan ditulis oleh seorang penulis," (Holtz, 2006). Secara teknikal, blog juga dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kandungan atau singkatannya CMS (*Content Management Systems*). Sebagai CMS,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

blog membenarkan penulis menerbitkan dan menguruskan kandungan pada laman tertentu tanpa keperluan untuk berdepan dengan kod program (Tan et al., 2005). Menurut Huffaker (2005), ciri-ciri dalam blog telah mewujudkan satu platform CMC (*Computer Mediated Communication*) yang cukup baik untuk mengekspresi diri.

Menurut Armstrong et al., (2004), weblog atau blog merupakan satu ruangan berasaskan web untuk penulisan dan penyuntingan maklumat melalui penggunaan pelayar web (*web browser*) dan boleh dilakukan dengan mudah dan cepat serta terpapar untuk bacaan umum dalam laman web. Satu laman blog dikendalikan atau ditadbir oleh seorang individu yang menyusun senarai pautan (*links*) ke bahan atau laman yang diminati atau disukai oleh individu tersebut dari semasa ke semasa dengan maklumat dan lidah pengarang. Pengguna boleh dengan mudah dan cepat meletakkan kata-kata dan pemikiran mereka ke dalam laman blog mereka hanya melalui salah satu daripada pelbagai perisian blog yang ada.

Menurut Wang (2008) blog boleh dikatakan sebagai jurnal dalam talian (*online journal*), dan blog adalah mudah untuk dikendalikan. *Blogger* menghantar pos dalam aplikasi blog dan menyimpan pos tersebut. Penulisan blog tidak memerlukan bahasa pengaturcaraan atau pengetahuan tentang pelayan (*server*) oleh *blogger*. Pos yang ditulis boleh meliputi teks, pautan, gambar, atau komponen multimedia. Isi kandungan tersedia dalam talian dan pengguna yang melanggan blog tersebut akan dimaklumkan tentang pos baharu ini. Pengunjung boleh membaca dan menghantar komen mereka. Kebanyakan blog adalah berbentuk teks, tetapi terdapat juga blog audio, blog video dan blog gambar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Blog boleh menjadi satu sumber yang dikemaskini dan bertambah secara berterusan untuk suatu tempoh masa dengan jumlah hasil penulisan dan isi kandungan yang lain yang terkumpul. Maklumat yang tersimpan diarkibkan dan boleh diperoleh dengan menggunakan kalendar yang akan menandakan catatan-catatan yang telah ditulis. Terdapat laman blog yang mempunyai enjin carian teks yang boleh membantu pembaca mencari bahan yang diminati. Blog begitu mudah untuk digunakan kerana pengguna boleh menerbitkan hasil penulisan tanpa menggunakan sebarang kod pengaturcaraan, tidak perlu memasang perisian pelayan (*server*) dalam komputer pengguna, pengguna mempunyai kawalan luas dalam menentukan rupa bentuk dan operasi blognya, apa jua yang diedit oleh pengguna di dalam blognya boleh segera dikemaskinikan dan diterbitkan serta dibaca oleh pengguna lain. Seperti laman web yang lain, blog dengan mudah boleh dipaut (*link)* dan dinavigasi (*navigated*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Blog sudah menjadi satu alat komunikasi berasaskan laman web, dengan anggaran jumlah penggunanya melebihi satu juta (Bryant, 2003). Blog merupakan evolusi daripada senarai emel dan komuniti pesanan ringkas yang bertujuan untuk memberitahu pembaca berdasarkan bahan yang diminati oleh penulis, berita, dan informasi peribadi. Blog adalah lebih daripada itu; dengan blog jumlah pembacanya lebih luas, tidak diketahui, atau terdiri daripada mereka yang bersedia untuk memberikan kritikan dan pandangan kepada penulis blog. Blog menyediakan satu platform kepada penggunanya peluang yang jarang diperoleh untuk bertindak sebagai penyebar maklumat. Apa yang lebih penting ialah peluang untuk menyuarakan pandangan peribadi seseorang untuk tatapan umum dengan bilangan pembaca yang begitu luas adalah begitu mengujakan dan kadang-kadang merupakan pengalaman yang begitu *cathartic* (Jacobs, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar blog John Hiler menggambarkan blog sebagai "teknologi gangguan terbaharu (*latest disruptive technology*)", aplikasi pembunuh (*killer application*) yang mempunyai kemampuan untuk melibatkan orang dalam kegiatan kolaboratif, 'berkongsi pengetahuan, refleksi dan perdebatan daripada teknologi yang kompleks dan mahal (Hiler, 2002).

Weblog atau singkatannya blog merupakan suatu bentuk jurnal yang kerap dikemaskini oleh penulis blog dengan tujuan tertentu. Blog merupakan salah satu produk hasil daripada perkembangan teknologi Web 2.0. Blog semakin popular dan mendapat perhatian daripada pengguna internet. Terdapat pelbagai jenis blog yang ada dalam laman web antaranya blog peribadi, blog komersial, blog persoalan, *vlog* (blog video), *linklog* (blog pautan), *photoblog* (blog gambar), *moblog* (blogs mobile), blog politik, blog percutian, blog fesyen, dan banyak lagi. Masing-masing dengan cirinya yang tertentu. Apa yang menjadikan pembinaan blog begitu menarik adalah pengguna boleh membinanya tanpa perlu membuat bayaran jika menggunakan perkhidmatan perisian pembinaan blog yang percuma yang dihoskan oleh beberapa buah syarikat perisian blog di internet seperti *Blogger.com, LiveJournal, MySpace, WordPress.com* dan lain-lain lagi.

Apa yang menarik tentang blog ialah fleksibilitinya. Blog memenuhi pelbagai keperluan pengguna dan pelbagai kategori pengguna dan tidak ada peraturan yang menyatakan bahawa sesebuah blog harus dimiliki atau dikendalikan oleh seorang individu. Terdapat blog kumpulan, blog keluarga, blog komuniti, blog korporat, dan terdapat blog yang ditentukan jenisnya berdasarkan kandungannya. Contoh blog ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

blog peperangan (Perang Iraq), blog perpustakaan dan blog pendidikan: - satu jenis blog yang mula muncul dalam dunia pendidikan.

Sejumlah universiti di seluruh dunia telah mula menggunakan blog termasuklah Universiti Iowa, Universiti Rice dan Universiti Havard. Rancangan untuk menggunakan blog juga dilaksanakan di Universiti Stanford dan Universiti RMIT di Melbourne.

> *Blogs have been widely used in universities such as Harvard and MIT as a "vibrant link between the students, teachers and the university" (p.12)*
>
> (Satish dan Kaila, 2005)

Edublog atau blog pendidikan merupakan blog yang ditulis untuk tujuan pendidikan. Termasuklah blog yang ditulis oleh guru atau untuk guru, blog yang dibina untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau blog yang ditulis tentang polisi pendidikan.

Weblogging atau *blogging*, adalah tapak penulisan untuk seseorang penulis atau satu kumpulan penulis yang menerbitkan penulisan mereka dalam laman web yang memaparkan penulisan dalam bentuk susunan kronologi terbalik. Blog boleh dibaca oleh sesiapa sahaja yang ada talian internet, walaupun penulis blog boleh menjadikan blognya dibaca oleh mereka yang telah diberikan kata laluan.

> *Most bloggers set up their blogs to allow their readers to leave comments, and they also link to other blogs they like. These features encourage social networking and community building (p.17).*
>
> (Boiling, 2006; Huffaker, 2006)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ratliff (2004) membuat analisis lanjut tentang jenis dan tujuan penggunaan blog pendidikan atau *educational blogging*. Katanya, jika objektif anda adalah untuk membina komuniti untuk pembelajaran, blog boleh membantu anda mencapai objektif dengan memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk berkongsi penulisan dengan pelajar lain di dalam kelas, mereka juga berpeluang untuk memberikan komen kepada penulisan rakan mereka. Weblog juga alat yang berguna untuk mengajar pelajar menulis untuk pembaca tertentu, disebabkan blog adalah terbuka, mereka akan bertemu dengan pembaca yang bukan sahaja hanya guru dan rakan lain di dalam kelas tetapi juga pembaca di luar bilik darjah yang memberikan komen. Jika objektif anda untuk membantu pelajar mensintesis maklumat dan membuat perkaitan melalui penulisan, weblog boleh membantu anda mencapai objektif ini dengan membenarkan pelajar untuk mengambil kesempatan yang ada dalam laman web. Perisian blog menjadikannya mudah untuk pelajar mencipta bahan dalam web tanpa mengetahui bahasa HTML, mencari artikel dalam talian yang berkait dengan topik perbincangan di dalam kelas, dan dengan mudah berkongsi dengan rakan lain. Hasil pengalaman saya, penulisan blog menggalakkan pemikiran secara bersekutu (*associative thinking*).

William dan Jacobs (2004) mengatakan bahawa sebagai alat pengurusan pengetahuan (*knowledge management tool*), *blogs provide the potential for relatively undifferentiated articles of information passing through an organisation to be contextualised in a manner that adds value, thus generating 'knowledge' from mere 'information'(p.233).*

Berdasarkan tinjauan literatur yang berkaitan (Godwin-Jones, 2003; Ackerman, 2006; Ray, 2006), blog mempunyai potensi untuk digunakan sebagai medium

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sokongan untuk komunikasi, alat kolaborasi, dan sumber pengajaran dalam bidang pendidikan (Tekinarslan, 2008). Ackerman (2006) mengatakan bahawa mengedit, dan menggunakan aplikasi komen dalam blog adalah terbukti berguna kepada pelajar.

Dieu (2004) mengatakan bahawa penulisan blog menyediakan pelajar satu peluang untuk memaksimumkan pendedahan secara berfokus kepada bahasa dalam situasi baharu, kolaborasi antara rakan sebaya, dan berhubung dengan pakar. Pelajar bukan sahaja ditawarkan dengan satu hub mudah untuk informasi berkaitan dengan kursus yang diambil, tetapi disediakan dengan ruang digital yang membolehkan pertukaran secara interaktif antara ahli dalam komuniti pembelajaran. Tambahan pula, untuk latihan membaca dan menulis, blog juga membenarkan pelajar berkongsi pandangan dan idea yang mencetuskan perbincangan serta membolehkan pelajar menggunakan bahasa yang dalam situasi yang sebenar, merangsang dan mencabar mereka serta melengkapi pengalaman mereka di dalam bilik darjah.

Penggunaan web log atau blog telah membolehkan orang biasa mengakses penerbitan dalam internet. Blog bermanfaat kerana boleh memotivasikan pelajar untuk menghasilkan kerja mereka yang terbaik dan menyediakan peluang yang cukup baik untuk pelajar membaca dan menulis (Crie, 2004). Untuk kepastian, pelajar dan remaja khususnya mendapat pesanan bahawa menghasilkan isi kandungan dalam laman web tidak kompleks. 57% remaja yang menggunakan internet telah menghasilkan isi kandungan dalam laman web. Remaja juga membaca blog, dan mereka yang merupakan penulis blog cenderung untuk melakukan aktiviti-aktiviti lain dalam talian. (*Pew Internet & American Life Project*, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua kategori perisian blog: perkhidmatan hos dan aplikasi yang dipasang. Perkhidmatan hos merujuk kepada laman web yang memberikan akses kepada semua yang diperlukan untuk membina sebuah blog. Mereka yang menggunakan perkhidmatan hos tidak memerlukan pengetahuan tentang HTML dan pelayan-pelayan web. Perkhidmatan hos yang paling dikenali ramai ialah Blogger (http://www.blogger.com) dan Live Journal (http://www.livejounrnal. com). *Blogger* merupakan sumber percuma dan mudah digunakan serta menawarkan pelbagai peringkat kawalan komen. Aplikasi yang dipasang merujuk kepada perisian yang diperoleh daripada penyedia dan dipasang dalam laman web sendiri. Mereka yang menggunakan aplikasi yang dipasang perlu mempunyai pengetahuan tentang aplikasi teknologi. Antara aplikasi populasi yang dipasang ialah *WordPress* (http://www.wordpress.org) dan *Six Apart's Movable Type* (http://www.moveabletype.org) (Wang, 2008)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Perkembangan Blog

Asal-usul yang tepat tentang blog atau juga dikenali sebagai weblog tidak begitu jelas. Barger (1997) sering dikaitkan sebagai orang yang pertama menggunakan perkataan blog dengan penggunaan perkataan "weblog" atau blog. Singkatannya blog digunakan pada tahun 1999 oleh Merholz (2002). Menulis blog dikenali sebagai "*blogging*" dan perkataan "*blogsphere*" merujuk kepada kesemua blog di dalam internet (Ferdig dan Trammell, 2004).


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat pertikaian tentang asal usul blog, tetapi mengikut Blood (2000), frasa 'web log' pertama kali digunakan oleh Barger (1997) dan versi singkatnya ‘blog’digunakan oleh Merholz pada tahun 1999 (Merholz, 2002). Perkataan ‘Blogging’ pula merupakan satu fenomena penulisan atau penggunaan blog mula meningkat selepas tahun ini, dan satu ledakan pertambahan jumlah blog berlaku apabila terdapat aplikasi blog percuma yang ditawarkan kepada pengguna internet pada pertengahan tahun 1999, yang paling ketara apabila tawaran penggunaan blog secara percuma oleh *Blogger.com*. Penulisan blog bermula pada tahun 1992 dengan laman web pertama oleh (Berners-Lee, 1992), diikuti oleh *Netscape's laman "What's New!"* untuk pengguna *web browser* yang baharu pada tahun 1993. Walau bagaimanapun, kedua-duanya tidak mencerminkan pengertian tentang blog pada masa kini. *Scripting News* (blog Dave Winer), dan *Slashdot* (kedua-duanya bermula pada tahun 1997) merupakan pelopor blog yang utama, (Wiliams dan Jacobs, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2 Bilangan Blog dalam Internet dari Tahun 2003-2007


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Statistik bilangan blog di internet dari Tahun 2003 hingga 2007 dan 2008

Pertumbuhan blog adalah begitu memberangsangkan, dari tahun 2003 hingga tahun 2007 terdapat 70 juta weblog dikesan oleh Technorati. Setiap hari, sebanyak 120,000 buah blog dibina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 2.3 Bahasa yang Digunakan dalam Blog Seluruh Dunia 2005

Pada tahun 2005, sebanyak 31% blog yang dikesan menggunakan bahasa Jepun dalam blog, bahasa Inggeris dan bahasa Cina adalah 25%. Manakala Bahasa Melayu adalah antara 5% daripada kategori bahasa-bahasa lain yang digunakan dalam blog. Bilangan blog yang ditulis dalam Bahasa Melayu amat kecil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.4 Bahasa yang Digunakan dalam Blog Seluruh Dunia 2006

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2006, Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun merupakan bahasa yang banyak sekali digunakan dalam penulisan blog. Penulisan blog dalam Bahasa Melayu masih berada dalam 5% bagi kategori bahasa-bahasa lain. Bilangannya masih berada dalam jumlah yang kecil.

Menurut Nisah (2009) dari segi penggunaan bahasa, berdasarkan bancian pada tahun 2007 oleh Technorati, didapati bahawa blog yang paling banyak ditulis dalam bahasa Jepun (37%) dan diikuti oleh blog dalam Bahasa Inggeris (36%). Jumlah yang terkecil ialah blog dalam bahasa Jerman dan Parsi iaitu masing-masing sebanyak 1%. Sementara blog dalam bahasa Melayu hanya berkongsi dengan blog bahasa-bahasa lain dalam baki 5%, dan jumlahnya tentu sekali tidak sampai 1% sebagaimana yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dicapai oleh blog dalam bahasa Jerman dan Parsi. Berdasarkan maklumat yang terdapat Internet World Stat (http://www.internetworldstats.com) pula, sehingga bulan Mac 2009, bahasa Inggeris berada dalam urutan pertama dalam senarai sepuluh bahasa tertinggi yang digunakan di dalam laman web seluruh dunia. Seterusnya diikuti oleh bahasa Cina, Sepanyol, Jepun dan Perancis, manakala bahasa Korea berada pada urutan kesepuluh. Bahasa Melayu belum lagi mampu untuk tersenarai dalam senarai tersebut. Walau bagaimanapun, dalam laman web tersebut dinyatakan bahawa sehingga awal tahun 2009 di Malaysia terdapat hampir 17 juta pengguna internet.

Top Ten Languages Used in the Web
(Number of Internet Users by Language)

TOP TEN LANGUAGES IN THE INTERNET	Internet Users by Language	Internet Penetration by Language	Growth in Internet (2000 - 2009)	Internet Users % of Total	World Population for this Language (2009 Estimate)
English	478,442,379	37.9 %	237.0 %	27.6 %	1,263,830,976
Chinese	383,650,713	27.9 %	1,087.7 %	22.1 %	1,373,859,774
Spanish	136,524,063	33.2 %	650.9 %	7.9 %	411,631,985
Japanese	95,979,000	75.5 %	103.9 %	5.5 %	127,078,679
French	78,972,116	18.6 %	547.4 %	4.6 %	425,622,855
Portuguese	73,052,600	29.5 %	864.3 %	4.2 %	247,223,493
German	64,593,535	67.0 %	133.2 %	3.7 %	96,389,702
Arabic	50,422,300	17.3 %	1,907.9 %	2.9 %	291,798,743
Russian	45,250,000	32.3 %	1,359.7 %	2.6 %	140,041,247
Korean	37,475,800	52.7 %	96.8 %	2.2 %	71,174,317
TOP 10 LANGUAGES	1,444,362,506	32.5 %	363.5 %	83.3 %	4,448,651,771
Rest of the Languages	289,631,235	12.5 %	487.1 %	16.7 %	2,319,153,437
WORLD TOTAL	1,733,993,741	25.6 %	380.3 %	100.0 %	6,767,805,208

Rajah 2.5: Sepuluh Bahasa Terbanyak yang Digunakan dalam Laman Web

Menurut Hilton dan Hale (2001), teknologi komputer adalah sebahagian daripada budaya moden masa kini, mungkin teknologi komputer boleh menjadi penyelesaian akhir penyuburan semula bahasa termasuk beberapa penggunaan teknologi komputer seperti:

1) Pembangunan bahan-bahan dan penerbitan buku kendiri

2) Kamus *online*, tatabahasa dan beberapa rujukan penting bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3) Kurikulum multimedia untuk pedagogi bahasa

4) Rangkaian (termasuk emel, *online newsgroup*, blog) dan

5) Dokumentasi

Dengan ledakan perkembangan teknologi pada hari ini, internet telah menjadi sumber yang berharga kepada rakyat di seluruh dunia dalam pembelajaran bahasa. Terdapat laman web dan bog yang mempromosikan pembelajaran bahasa minoriti. Beberapa contoh di Malaysia ialah:

i. Bahasa Telegu, di laman www.telugu.com.my/links.htm

ii. Bahasa Hokkien Pulau Pinang di laman www.penanghokkien.com dan www.chineselanguage.org

iii. Bahasa Hakka di blog http://raymondcno.blogspot.com/2007/08/learning-hakka-language-lesson-1.html

Laman-laman dan blog ini juga mengajar pengguna aspek sebutan. Pengguna boleh mendengar sebutan yang betul dengan klik pada butang yang berkenaan. Pengguna-pengguna juga boleh mengadakan perbincangan dengan menggunakan bahasa minoriti. (Maya, 2009).

2.5.3 Blog dan Remaja

Kebanyakan tinjauan menunjukkan terdapat sebahagian besar populasi blog dimiliki oleh remaja. *Perseus Development Corporation* (2003) sebagai contoh mendapati blog

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didominasi oleh remaja, dengan 52% daripada keseluruhan blog dibina dan diselenggara oleh remaja yang berumur antara 13-19 tahun. Mereka juga mendapati bahawa 56% daripada jumlah blog adalah penulis blog remaja perempuan dan 44% adalah remaja lelaki, Herring et al., (2003) dalam Huffaker (2005). Kajian yang lebih kurang sama dengan memilih secara rawak mudah 203 blog mendapati bahawa 54% adalah penulisan oleh lelaki dan 46% oleh perempuan dan 40% penulis blog adalah di bawah umur 20 tahun. Herring et al., (2004a) dalam Huffaker (2005).

Kajian yang lebih terkini dengan memilih 358 blog secara rawak mudah mendapati 52% penulis blog lelaki dan 48% perempuan dengan 29% daripadanya berumur kurang daripada 20 tahun. Herring et al., (2004b) dalam Huffaker (2005). Banci blog (*BlogCensus*) memilih secara rawak 490,000 blog, mendapati 40% dimiliki remaja lelaki dan 36% oleh remaja perempuan dan yang lain tidak dapat dikenal pasti jantinanya, Akhirnya, kajian oleh Jupiter mendapati penulisan blog adalah sama ada antara jantina (Greenspan, 2003). Oleh itu, bukan setakat bilangan penulis blog di bawah umur 20 tahun mencatat bilangan yang banyak, pembahagian antara lelaki dan perempuan menunjukkan penerimaan dan penggunaan blog. Herring et al., (2004b) dalam Huffaker (2005). Jelas, banyak kajian mendapati bahawa hampir separuh daripada semua blog adalah dibina oleh remaja (Huffaker dan Calvert, 2005). Huffaker (2005) mengatakan bahawa blog menawarkan satu cara untuk mempersembahkan dan mengekspresi diri remaja dalam dunia internet. Blog remaja bukan sahaja membenarkan mereka berpeluang untuk berkongsi cerita dan perasaan, tetapi juga menyediakan tapak untuk membuat refleksi tentang pengalaman mereka. Tambahan pula, blog mempunyai potensi untuk menggalakkan celik digital dan huruf, membenarkan remaja untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan penulisan serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi cekap dalam penggunaan teknologi digital. Rajah 2.6 menunjukkan aktiviti dan bentuk komunikasi yang disertai oleh penulis blog remaja.

Teen Bloggers

Blogging teens surpass their non-blogging peers for all but a few online and communicative activities

	Bloggers	Non-Bloggers
Send or read e-mail	96%	87%
Look for entertainment information	94%	82%
Get news or information about current events	84%	74%
Get information about colleges	71%	54%
Get political news	70%	52%
Look for health, dieting or fitness info	42%	29%
Play games online	82%	81%
Look for religious or spiritual information	31%	25%

Rajah 2.6: Aktiviti dalam Talian dan Komunikasi oleh Penulis Blog Remaja


2.5.4 Penggunaan Blog di Malaysia

Blog semakin popular di negara Malaysia, hingga terdapat akta yang digubal iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk mendakwa sesiapa yang menulis sesuatu yang menghina atau bertujuan untuk menghasut dan menimbulkan ketidak selesaan dalam kalangan rakyat atau menggugat ketenteraman dan kestabilan negara dalam laman web terutamanya dalam blog. Walaupun tidak ada statistik atau data yang spesifik tentang jumlah dan corak penggunaan blog oleh rakyat Malaysia, sudah ada usaha untuk mengumpulkan blog yang ditulis oleh rakyat Malaysia. Contohnya, laman blogmalaysia.com (http://blogmalaysia.com) yang menjemput penulis blog atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

blogger Malaysia untuk mendaftarkan blog mereka dan menyatakan jenis blog yang ditulis oleh *blogger* seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.7.




Rajah 2.7: Bilangan Blog yang Berdaftar dengan http://blogmalaysia.com

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dijumlahkan blog mengikut kategori yang berdaftar yang ditunjukkan pada Rajah 2.4, terdapat sebanyak 5158 blog dengan 27 kategori blog. Blog peribadi merupakan blog yang banyak ditulis oleh penulis blog iaitu sebanyak 1845 buah. Penulis blog untuk tujuan pendidikan didapati hanya sebanyak 139 buah. Satu lagi blog yang cuba mengumpulkan blog yang dikendalikan oleh rakyat Malaysia ialah SoPo Sentral di http://sopo-sentral.blogspot.com/, senarai blog adalah mengikut huruf seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.8: Senarai Blog yang Berdaftar dengan http://sopo-sentral.blogspot.com

Kebanyakan blog yang dikendalikan oleh rakyat Malaysia adalah blog peribadi. Blog pendidikan yang berdaftar adalah sebanyak 16 buah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.8. Manakala dalam laman http://bloggersmalaysia. blogspot.com juga disenaraikan blog-blog rakyat Malaysia. Kategori blog peribadi dan blog politik adalah dua kategori blog yang paling banyak dikendalikan oleh rakyat Malaysia.

2.6 Penggunaan Blog dalam Pendidikan

Bagaimana blog digunakan dalam pendidikan? Mengikut Ray (2006), blog dalam pendidikan atau Edublog boleh digunakan untuk komunikasi, sebagai sumber pengajaran, alat kolaboratif dan untuk mempamerkan projek-projek yang dibuat oleh pelajar. Menurut Holzberg (2003) blog boleh meningkatkan pembelajaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memotivasikan pelajar dan menggalakkan kolaborasi dalam kalangan pelajar (*learners*). Clyde (2005) mengatakan bahawa pelajar boleh membentuk dan menyatakan idea mereka dan menerima maklum balas. Pos dan catatan atau komen dalam blog boleh dikemas kini dengan mudah dan cepat. Blog juga menyediakan peluang kepada pendidik untuk melanjutkan pembelajaran dan melibatkan pelajar melangkau ruang dalam bilik darjah sahaja (Downes, 2004). Ellison dan Wu (2008) membincangkan beberapa manfaat penggunaan blog dalam pendidikan. Mereka menyatakan bahawa blog berpotensi meningkatkan kemahiran berfikir secara analitik dan kritikal kerana kemahiran kritikal dalam penulisan adalah fokus aktiviti penulisan blog. Keupayaan mengekspresi diri dalam blog juga meningkatkan perkembangan literasi digital. Tambahan pula, pengintegrasian blog dalam kurikulum mempunyai potensi untuk mengubah pembelajaran daripada suatu yang melibatkan ketetapan masa dan ruang yang hanya berlaku di dalam bilik darjah kepada aktiviti yang luas dan memasukkan isu dan peristiwa yang sebenar di dunia.

Downes (2004) membincangkan 5 penggunaan utama blog dalam pendidikan Pertama, guru-guru menggunakan blog untuk menggantikan laman web kelas. Pendidik menghantar bahan seperti jadual waktu kelas, peraturan, tugasan, notis, cadangan bahan bacaan, dan latihan. Perisian blog memudahkan guru untuk penghantaran pos. Kedua, guru-guru membuat pautan bahan dalam internet yang berkait dengan bahan pengajaran dalam kelas. Contohnya, kita boleh menggunakan blog untuk menghantar pautan dan komen tentang topik yang berbeza-beza. Ketiga, blog digunakan untuk menguruskan perbincangan di dalam kelas. Keempat, sesetengah guru juga menggunakan blog untuk menguruskan seminar kelas dan menyediakan ringkasan pembacaan. Kelima, pelajar diminta untuk menulis blog

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka sendiri sebagai sebahagian daripada kerja kursus mereka. Bryant (2007) mengatakan bahawa terdapat beberapa blog pendidikan yang baik dalam menjejak perkembangan alat sosial di sekolah dan kolej, dan terdapat beberapa buah sekolah telah menggunakan dan mengajar penulisan blog. Beberapa orang guru telah menggalakkan pelajar-pelajarnya menggunakan blog sebagai sesuatu yang mudah, bentuk yang fleksibel untuk portfolio peribadi, dan terdapat guru lain yang menggunakan blog untuk projek dan penjelajahan dan penerokaan ilmu.

Williams dan Jacobs (2004) dalam kajian meneroka penggunaan blog sebagai ruang pembelajaran di institusi pengajian tinggi menyimpulkan bahawa blog mempunyai potensi sebagai teknologi perubahan (*transformational technology*) dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persepsi terhadap blog berbeza-beza, terdapat pelajar yang membenci blog kerana kelemahan atau Bahasa Inggeris mereka tidak baku atau standard, yang lain pula menyukai kerana keasliannya dan keaktifannya (Eastman, 2005). Blog boleh membantu pelajar membuat refleksi tentang pembelajaran mereka dan merupakan sumber yang kaya dengan idea, namun begitu tidak ada banyak blog tentang EFL (*Teaching English As Foreign Language*) (Eastman, 2005).

Terdapat pelbagai faktor dan sebab penggunaan dan pengintegrasian blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Stanley (2006) menyenaraikan sebab penggunaan blog seperti berikut:

i. Menyediakan pembaca sebenar kepada penulisan pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menyediakan latihan membaca yang lebih kepada pelajar
iii. Meningkatkan kepekaan terhadap masyarakat dalam kelas
iv. Menggalakkan pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran
v. Merangsang perbincangan di luar kelas
vi. Mewujudkan portfolio dalam talian (*online porfolio*) atau portfolio maya untuk penulisan pelajar.

Ferdig dan Trammel (2004) pula mendapati terdapat empat kelebihan atau kebaikan dalam penulisan blog. Blog membantu pelajar menjadi pakar kandungan, meningkatkan minat dalam pembelajaran, memberikan pelajar peluang untuk melibatkan diri, dan menyediakan peluang untuk pelajar meneroka pelbagai perspektif sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor kebaharuan teknologi menarik perhatian dan minat pelajar untuk menggunakan blog. Terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa blog akan digunakan dengan baik apabila penulisan blog menjadi tabiat pelajar. Jika pelajar tidak digalakkan menggunakan blog, blog akan cepat dan mudah ditinggalkan oleh pelajar-pelajar.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh *The Pew Internet & America Life Project and National Commission on Writing* (2008) untuk mengetahui pandangan remaja dan ibu bapa terhadap peranan dan impak penulisan dengan menggunakan teknologi di dalam sekolah dan di luar kawasan sekolah melaporkan bahawa 86% remaja percaya bahawa penulisan yang baik penting untuk berjaya dalam hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Remaja banyak menulis, tetapi mereka tidak menganggap penulisan mereka dalam emel, penulisan teks dan sms sebagai penulisan.

Selain itu, penulis blog remaja menulis di luar kawasan sekolah beberapa kali seminggu atau lebih untuk tujuan peribadi berbanding dengan remaja yang tidak menulis blog. 65% penulis blog remaja percaya bahawa penulisan adalah penting untuk berjaya dalam kehidupan pada masa depan, 53% pelajar bukan penulis blog juga berpendapat begitu. Laporan ini juga mengatakan bahawa seramai 98% remaja faham bahawa keupayaan mereka menulis secara berkesan akan memberi kesan kepada prospek masa depan mereka. Corak dan penggunaan blog dalam pendidikan adalah pelbagai. Di Amerika Syarikat, corak dan bentuk penggunaan blog dalam pendidikan di Amerika Syarikat terbahagi kepada dua iaitu; (i) terdapat piawaian teknologi kebangsaan yang digunapakai dalam pendidikan K-12. Pada masa kini, 98% negeri di Amerika Syarikat menggunakan Standard Teknologi Pendidikan Kebangsaan (NETS). (ii) Berpandukan piawaian teknologi, guru-guru bukan sahaja menggunakan teknologi dalam pengajaran, malah meminta pelajar untuk membuat projek dengan menggunakan teknologi. (Wang, 2008). Berikut merupakan beberapa contoh penggunaan blog dalam pendidikan di Amerika Syarikat.

2.7 Penggunaan Blog dalam Penulisan

Penulisan blog menawarkan satu konteks sosial baharu untuk kolaborasi dan interaksi serta membenarkan pelajar-pelajar untuk membina ilmu pengetahuan dengan memberi maklum balas kepada komen antara satu sama yang lain (Richardson, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Barat, banyak kajian telah dibuat tentang penggunaan blog dalam penulisan dan proses pengajaran dan pembelajaran. Pendapat telah dikemukakan tentang penggunaan blog dalam penulisan dan kemahiran menulis. Menurut Nelson dan Fernheimer (2003) blog boleh digunakan sebagai buku karangan maya pelajar di laman web. Manakala, Hurlbert (2005) menyatakan bahawa blog meningkatkan kemahiran menulis, kebolehan menulis dengan lebih baik dan meningkatkan kebolehan mengekspresi diri kita dalam bentuk cetakan. Bernstein (2004) mengatakan bahawa kerap menulis meningkatkan penulisan; menulis untuk pembacaan pembaca meningkatkan penulisan; menulis untuk sesuatu tujuan meningkatkan penulisan; menulis dengan komputer meningkatkan penulisan. Sloan (2005) mengatakan bahawa blog menawarkan peluang yang unik untuk pelajar menulis secara konsisten. Guru-guru boleh menggunakan blog untuk mempromosikan penulisan dan menambah kandungan pelajaran mereka dalam mana-mana disiplin pembelajaran sosial. Perbincangan berbentuk forum dalam talian mewarisi ciri kurang mengugut daripada perbincangan bersemuka, dan memberi peluang kepada pelajar untuk bercakap dengan lebih liberal tentang sesuatu topik tanpa berasa bimbang akan pandangan orang lain.

Tinjauan literatur mencadangkan blog boleh digunakan secara positif untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa dan muzik. Kennedy (2003) melaporkan pengintegrasian blog dalam kelas bahasa Inggeris di sekolah menengah menyediakan pelajar dengan pembaca yang sebenar dan apabila digunakan secara optimum, satu suasana kolaborasi yang membolehkan pelajar memberi dan menerima maklum balas, (Barlett-Bragg, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Blog boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar seperti yang dibincangkan dalam literatur terdahulu (Godwin-Jones, 2003; Hernandez-Ramos, 2004; Johnson 2004; Huffaker, 2005). Manakala Wickersham dan Chambers (2006) juga mencatatkan bahawa penggunaan portfolio elektronik memindahkan tanggungjawab pembelajaran kepada para pelajar, membenarkan mereka untuk melibatkan diri dan komited sepanjang proses pembelajaran dan dengan itu mengekalkan fokus pada suasana pembelajaran berpusatkan pelajar. Di samping itu, mereka menyimpulkan bahawa pembelajaran adalah paling baik dalam konteks untuk memasukkan elemen *hands-on* (melakukannya sendiri oleh pelajar), peluang mengalami sendiri, tingkat penglibatan pelajar yang tinggi, interaksi dengan rakan sebaya, dan komunikasi antara guru dan pelajar.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Ellison dan Wu (2008) pula menyatakan bahawa pelajar lebih berusaha dalam penulisan mereka jika mereka tahu bahawa mereka menulis untuk semua pembaca di internet dan rakan sebaya, daripada untuk guru sahaja. Hakikatnya, blog mendedahkan pelajar kepada bilangan pembaca yang lebih ramai, kita boleh menjangkakan bahawa pelajar mungkin akan lebih berhati-hati dalam penulisan secara dalam talian (daripada menghantar buku karangan kepada guru). Mereka juga memberikan cadangan kepada guru-guru yang ingin mengimplementasi aplikasi komen dalam penggunaan blog dalam pengajaran dan pembelajaran supaya menyediakan panduan kepada pelajar tentang cara memberikan komen secara konstruktif.

Menurut Ellison dan Wu (2008):

> *Primarily, the critical skill of writing is central to the act of blogging. Because the blogging format encourages students to engage with positions*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *divergent from their own, blogging can potentially enhance analytic and critical thinking skills. Students may be more invested in their writing if they know they are writing for an Internet audience and their peers, as opposed to only an instructor (p.105).*

Salah satu usaha awal menceritakan potensi blog dalam bilik darjah ialah artikel Oravec (2002), "*Bookmarking the world*". Oravec membahaskan bahawa perkembangan blog membolehkan pelajar untuk menghasilkan satu suara penulisan dan menjadi lebih analitik dan kritik. Melalui respon yang aktif terhadap bahan dalam internet, pelajar boleh mendefinisikan kedudukan mereka dalam konteks penulisan mereka di samping membentuk perspektif mereka terhadap isu tertentu. Richardson (2005) mengatakan bahawa "*It will move writing as product to writing as conversation or contribution. Because of blogging, writing will take on more meaningful outcomes".* Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa daripada pengalamannya dalam penggunaan blog dengan pelajar di sekolah tinggi, penulisan blog membenarkan pelajar untuk: (i) *Reflect on what they are writing and thinking as they write and think it.* (ii) *Carry on writing about a topic over a sustained period of time, maybe a lifetime*. (iii) *Engage readers and audience in a substained conversation that then leads to further writing and thinking and* (iv) *Synthesized disparate learning experiences and understand their collective relationship and relevance (p.789).*

Terdapat kajian yang mendapati bahawa penggunaan blog adalah sesuai untuk pelajar-pelajar yang tertentu seperti kajian oleh Du dan Wagner (2006) mendapati bahawa "*Weblogs performance was a significant predictor of learning outcome for*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

high and low performing students but not mid-range performers, while traditional coursework was not". Namun, mereka tidak melihat kepada perbezaan antara pembelajaran secara *online* dengan kaedah konvensional, dalam bentuk kertas.

Maklum balas adalah penting dalam proses penulisan. Maklum balas daripada rakan sebaya memudahkan kolaborasi dan interaksi, yang penting dalam pembelajaran bahasa. Penggunaan teknologi adalah berfaedah kerana menggalakkan motivasi, memperjelas proses dan memudahkan interaksi, Arani (2005). Penggunaan blog dapat memudahkan interaksi dan komunikasi serta memberikan maklum balas kepada rakan sebaya tentang hasil penulisan mereka. Arani (2005) mendapati bahawa dua pertiga daripada 40 orang pelajar lebih suka menulis dalam blog daripada penulisan konvensional; kebanyakan pelajar percaya bahawa blog boleh meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka. 15 orang pelajar mengatakan bahawa mereka pasti akan terus menggunakan blog.

The Pew Internet & America Life Project and National Commission on Writing (2008), dalam kajian mereka mendapati bahawa remaja menyatakan bahawa jika mereka meluangkan masa dan tenaga untuk membuat kerja sekolah, mereka mahu membuat kerja sekolah yang mereka minati dan yang berkaitan dengan diri mereka. Remaja juga didapati bermotivasi apabila penulisan mereka boleh memberi kesan yang luas seperti berkongsi secara terbuka di dalam kelas, secara peribadi, dalam bentuk cetakan, atau di dalam internet. Hakikatnya, remaja memberikan respon yang positif terhadap penerbitan dan persembahan mereka kepada pembaca yang disediakan untuk penulisan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa apabila remaja ditanya tentang sama ada kemahiran menulis mereka akan meningkat dengan dua potensi perubahan pada kurikulum sekolah mereka iaitu guru menghabiskan masa yang lebih banyak dalam penulisan di dalam kelas; dan guru menggunakan lebih banyak alat berasaskan komputer (seperti permainan, laman atau program yang membantu penulisan, atau multimedia) untuk mengajar penulisan. Secara keseluruhannya, 82% remaja mengatakan bahawa kelas tambahan penulisan di dalam kelas boleh membantu meningkatkan kebolehan menulis mereka dan 78% berpendapat penggunaan alat berasaskan komputer oleh guru boleh meningkatkan kemahiran menulis mereka.


Dapatan kajian yang diperoleh Caroline Coit menunjukkan bahawa secara purata, kemahiran menulis pelajarnya meningkat dari segi panjang penulisan, struktur, kosa kata dan tatabahasa (Coit, 2006 dalam Zaphiris dan Zacharia, 2006) Interaksi membenarkan pelajar untuk membina ilmu dan menukar makna. Dengan ini menjadikan interaksi lebih menarik dan mendatangkan kepuasan (Bibeau, 2001 dalam Waltonen-Moore et al., 2006).

Trinder et al., (2008) meringkaskan bahawa proses penulisan disokong oleh blog, melalui blog pelajar membincangkan isu dan idea dan berkomunikasi dengan rakan sebaya dan pakar dari seluruh dunia. Blog merupakan contoh yang baik untuk pembinaan pengetahuan secara kolaboratif dengan pelajar terlibat dengan rakan sebaya mereka dalam memberi ulasan tentang idea-idea dan membuat refleksi melalui blog.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Console et al., (2006) pelajar boleh mendapatkan pemahaman dan pengetahuan daripada "pakar lain" melalui blog, mereka dapat menyemak pemahaman tentang konsep atau membandingkan sumber yang diperoleh melalui interaksi dengan rakan sebaya, serta berkongsi draf dan kritikan rakan sebaya dengan rakan sekerja dan tutor. Dari perspektif ini, interaksi pelajar dengan orang lain berlaku dan ini mewujudkan satu rangkaian sumber pengetahuan yang tidak diarah oleh guru-guru serta membolehkan mereka menghasilkan suatu produk yang tidak dapat dihasilkan jika menulis secara sendirian, (Nelson, 2004).



Rajah 2.9: Penggunaan Blog dalam Penulisan Jurnal

Rajah 2.9 menunjukkan bagaimana penggunaan blog untuk penjurnalan boleh meningkatkan pengalaman menulis secara dinamik pelajar. Dalam keadaan ini pelajar menulis untuk pembaca yang lebih ramai dan dapat menerima maklum balas daripada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Sorotan Kajian Lepas

Persekitaran bahasa memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa kedua seseorang murid. Keadaan sedemikian dialami oleh pelajar bukan Melayu ketika belajar Bahasa Melayu. Persekitaran bahasa murid-murid bukan Melayu didominasi oleh bahasa ibunda. Bahasa tersebut digunakan sebagai bahasa harian terutama ketika berkomunikasi dengan individu atau kelompok daripada bangsa yang sama. Bahasa ibunda bukan sahaja digunakan di luar kawasan sekolah malah pada masa kelas Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Pada masa pelajaran bahasa Melayu sedang diajar oleh guru, penggunaan bahasa ibunda masih berleluasa. (Farid dan Ajid, 1981; Zamri dan Zarina, 2001). Pelajar bukan Melayu mempunyai sikap negatif dan kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu terutamanya ketika belajar di dalam dan di luar kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Jamaludin dan Zamri (1999) mendapati persepsi pelajar terhadap penulisan karangan adalah positif tetapi corak pengajaran guru yang berbentuk atau bersifat satu hala agak mengecewakan para pelajar. Menurut mereka lagi guru kurang membantu mereka untuk melakukan penulisan. Peluang berbincang dengan guru dan rakan sedarjah amat terbatas. Biggs (1999) menyatakan bahawa amat penting untuk menghasilkan pembelajaran yang berkualiti, maka pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar akan menggalakkan pelajar meneroka sendiri perkara yang hendak dipelajari dan secara tidak langsung meningkatkan daya kreativiti pelajar dalam mengarang.

Ferdig dan Trammell (2007) dalam kajian mereka mendapati bahawa c*hildren take a greater interest in writing when they know that it will be published for the*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

whole world to see. Hasil daripada kajian, mereka telah membuat kesimpulan tentang penggunaan blog dalam kemahiran menulis ekspositori dalam kalangan pelajar sekolah rendah seperti berikut:

i. Secara umum sikap terhadap penulisan bertambah baik
ii. Kualiti hasil penulisan meningkat.
iii. Pelajar kekal bermotivasi dalam 9 minggu projek *blogging*, disebabkan mereka bersemangat apabila mendapat komen baharu daripada rakan kolej mereka.

Kajian tentang penggunaan e-dialog dalam penulisan jurnal oleh Siti Hamin Stapa dan Intan Safinasi (2001) mendapati bahawa penggunaan dialog e-mel dalam penulisan jurnal telah membantu meningkatkan kemahiran menulis subjek dari segi kualiti dan kuantiti dalam empat aspek kualiti penulisan iaitu keberkesanan keseluruhan, kandungan, bahasa dan kosa kata. Selain kualiti hasil penulisan, didapati kuantiti penulisan subjek juga meningkat.

Brescia dan Miller (2006) dalam kajian Delphi yang dibuat tentang bentuk pengajaran yang mengintegrasikan aplikasi blog di kolej mendapati bahawa dapatan daripada data yang dikumpul memberikan contoh yang jelas tentang kepercayaan pelbagai fakulti tentang penulisan blog menyokong pembelajaran pelajar. Kebaikannya berfokus kepada konsep refleksi, aplikasi dan penglibatan. Semua ini merupakan kunci kejayaan pengajaran di peringkat kolej. Lebih-lebih lagi penulisan blog dilihat sebagai elemen yang membawa pelajar kembali menjadi pakar kandungan dan pelajar tidak berasa malu dalam proses pembelajaran. Pelajar boleh memberikan respon kepada tugasan di dalam kelas atau perbincangan atau penilaian oleh rakan sebaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian juga mendapati bahawa tujuh ciri penulisan blog dalam pengajaran di kolej. Ciri-cirinya adalah seperti berikut:

i) *weblogging has its greatest instructional potential for those who maintain a weblog throughout their college careers, using it as a knowledge log and personal content management system* (mean 4.51),

ii) *It provides opportunities to take what is learned in the classroom and express it to those in the public eye – just as they will have to do in the real world* (mean 4.38),

iii) *outside of the 'safe' environment of the classroom* (mean 4.25),

iv) *Leverages teaching to outside class hours* (mean 4.22),

v) *Students can "blow off steam"* (mean 4.10), vi) *Students' free writing allows a clearing the mind to do more formal writing* (mean 4.07), and

vi) *Interactivity: students can comment, ask questions* (mean 4.01). (p.48)

Pemerhatian bahawa pelajar boleh "*blow off steam*" sebagai contoh, adalah satu bentuk ekspresi yang membenarkan pelajar untuk menerima bahan baharu, idea, dan pemikiran, memproses dan seterusnya memberikan maklum balas atau membuat sintesis terhadap bentuk pemikiran baharu ini (Brescia dan Miller, 2006).

Wu (2005) mendapati 78% respondennya tidak tahu tentang apa itu blog. 66% pelajar berpendapat bahawa adalah mudah untuk membina blog mereka sendiri. 66% pelajarnya berasa senang membina blog dengan menggunakan *Blogger.com*. 91% pelajar mengatakan bahawa mereka akan merujuk kamus dan menanya apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menulis dalam blog. 85% pelajar mengatakan bahawa menerbitkan artikel dalam blog adalah satu idea yang baik, manakala hanya 32% pelajarnya yang menjemput rakan sedarjah untuk membaca blog mereka. Antara alasan yang diberi adalah tidak yakin untuk berkongsi idea dengan rakan dan berasa artikel yang dipos dalam blog tidak cukup baik. Dalam kajian Ferdig dan Trammell (2007), beliau mengatakan bahawa penggunaan blog secara kolaborasi meningkatkan sikap pelajar terhadap penulisan, motivasi untuk menulis, kualiti dan kuantiti penulisan meningkat. Blog boleh memanjangkan masa menulis pelajar iaitu pelanjutan masa penulisan tanpa kekangan mengikut jadual waktu seperti yang berlaku di sekolah. Penulisan pelajar boleh mengenai sebarang topik dan pelbagai projek yang merentasi kurikulum boleh dilaksanakan.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Jefferson dan Arena (2008) mengatakan bahawa:

> *Language learning through blogging doesn't "simply happen"; it happens only if learners and educators apply themselves to delevoping semantic webs taking all into another level of understanding of the language being studied and the vast, fascianating world surrounding them (p.5).*

Menurut mereka, sebenarnya terdapat banyak cara pelajar menjadi cekap selepas menulis blog bukan hanya setakat kemahiran bahasa mereka. Melalui penulisan blog, wacana dalam bilik darjah bahasa dapat bercambah, dan pelajar bukan saja menjadi penutur yang lebih baik dalam bahasa asing, tetapi menjadi generasi internet (*netizens*) yang celik literasi abad ke-21. Impak positif blog dalam kelas bahasa adalah mendedahkan pelajar kepada kepentingan pembelajaran bahasa sebagai alat komunikasi. Pelajar boleh belajar tentang kebudayaan yang berbeza, membina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman yang komprehensif tentang perbezaan budaya, dan menghayati idea tentang faedah-faedah kepelbagaian. Penulisan blog menggalakkan "ketulenan/keaslian" (*authenticity*) yang dicari-cari guru, "*authenticity*" yang membuatkan pelajar terus dan kekal dalam pembelajaran bahasa dan membolehkan pelajar menimba pengalaman yang kaya daripada pelbagai budaya.

Chin dan Zhu (2006) dalam kajian penggunaan blog dalam penulisan karangan bahasa Cina oleh 402 pelajar kolej di Singapura, mendapati hanya 50% pelajar mengatakan bahawa kadang kala mereka melayari laman web Bahasa Cina dan 38% orang pelajar mengatakan bahawa mereka tidak pernah melayari laman web Bahasa Cina. Manakala, 91.53% pelajar ditemuduga mengatakan bahawa adalah susah untuk menulis dalam Bahasa Cina dan apabila ditanya tentang sebabnya, lebih daripada 50% daripada mereka mengatakan bahawa kesusahan adalah disebabkan kurang pendedahan dan kurang penggunaan bahasa Cina dalam situasi sebenar. Tinjauan mereka sebelum kajian mendapati, 24.9% atau 100 orang pelajar suka menulis blog mereka dalam bahasa Cina dan 75.5% atau 302 orang pelajar tidak suka berbuat begitu. Selepas kajian penggunaan blog, pelajar menunjukkan peningkatan minat dalam penulisan blog dalam Bahasa Cina dan penulisan karangan Bahasa Cina iaitu dari 100 orang ke 128 orang pelajar dan 156 orang pelajar melahirkan minat dalam penulisan karangan Bahasa Cina. Namun demikian masih terdapat 272 dan 241 orang pelajar tidak menunjukkan perubahan dalam minat terhadap kedua-dua jenis penulisan. Peningkatan ini sudah cukup signifikan untuk membuktikan bahawa penulisan blog boleh digunakan sebagai satu pendekatan pengajaran yang efektif dalam memupuk minat dan motivasi pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terkinarslan (2008) mengatakan bahawa blog boleh menjadi alat yang efektif untuk pelajar yang mahu melatih dan memahirkan kemahiran mereka dalam penulisan di samping menyumbang kepada pencarian maklumat dan kemahiran meninjau literatur berkaitan semasa menulis.

Sun (2006) dalam kajian kesnya tentang kesan penggunaan blog untuk maklum balas rakan sebaya dalam kelas pelajar tingkatan dua di Hong Kong mendapati bahawa markah draf pertama dan draf kedua telah disenaraikan dan dibuat perbandingan. Sun (2006) mendapati lebih kurang 80% pelajar telah menunjukkan kemajuan dalam kedua-dua karangan tersebut. Hasil analisis statistik inferens yang dilakukan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan. Dengan erti kata lain, terdapat peningkatan yang signifikan dalam markah karangan daripada draf pertama kepada draf ketiga dalam kedua-dua buah karangan. Galina (2006) dalam soal selidik yang ditadbirkan mendapati bahawa 82% pelajarnya bersetuju atau sangat bersetuju bahawa penulisan dan penerbitan dalam talian adalah berguna. Begitu juga dengan item penulisan karangan dalam talian adalah berguna.

Kajian oleh Dickey (2004) mendapati semua pelajar yang ditemu bual mempunyai pandangan yang positif terhadap penggunaan blog manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Rezaee dan Oladi (2008) mendapati bahawa persepsi tentang blog berbeza-beza kerana majoriti pelajar melihat blog sebagai satu platform untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dan menyampaikan pemikiran mereka, peluang untuk pelajar yang introvet iaitu yang tidak berinteraksi atau terlibat dalam perbincangan kelas mempamerkan keupayaan mereka, tanpa timbul perasaan takut mereka akan dikecam. Pelajar beralih kepada pemahaman yang lebih kompleks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang kreativiti dalam penulisan, mereka belajar cara baharu untuk meningkatkan kreativiti seperti menggunakan fon yang berbeza, huruf besar dalam teks supaya dapat berinteraksi dengan rakan sebaya secara lebih kreatif. Akhir sekali, prestasi kemahiran menulis adalah yang tertinggi.

Armstrong dan Retterer (2008) mendapati bahawa 100% pelajar memberi respon bahawa mereka berasa lebih selesa menulis dalam bahasa Sepanyol pada akhir semester, 76.9% pelajar mengatakan bahawa mereka suka menulis blog. Churchill (2009) mendapati 83% pelajar bersetuju bahawa blog memudahkan dan menyumbang kepada pembelajaran mereka, mengakses dan membaca blog pelajar lain menyumbang paling banyak kepada proses pembelajaran pelajar. Apabila ditemu bual, pelajar mengatakan bahawa membaca hasil kerja pelajar lain membolehkan mereka belajar perkara baharu daripada perspektif pelajar lain dan melihat perkembangan pelajar lain.

Armstrong et al., (2004) mendapati bahawa walaupun peluang untuk berkomunikasi antara satu sama lain diwujudkan, tidak ada pelajar yang menggunakan aplikasi "komen" dalam blog. Pelajar berpuas hati hanya sekadar memaparkan pembelajaran mereka kepada pelajar lain tanpa berbicara antara satu sama lain. Kajian Chan dan Ridgway (2006) tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan blog dalam ESL (*Teaching English As Second Language*) menjelaskan bahawa salah satu sebab pelajar menyatakan blog kurang mesra pengguna mungkin disebabkan sifat blog yang terbuka kepada capaian umum; pelajar dalam budaya hidup orang Cina adalah tidak biasa menyatakan pendapat mereka di dalam kelas apatah lagi di khalayak ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian oleh William dan Jacob (2004), mereka mendapati bahawa dua pertiga daripada peserta kajian bersetuju bahawa MBA blog membantu pembelajaran mereka hanya 12% tidak bersetuju. Kajian oleh Campbell (2003) mendapati pelajar mengakui nilai blog dalam menyediakan peluang untuk pembelajaran tetapi mereka rata-rata mengatakan bahawa mereka kurang mempunyai masa untuk memanfaatkan penggunaan blog dalam pembelajaran.

Dalam kajian oleh Tekinarslan (2008) tentang pengalaman pelajar sarjana muda dalam penggunaan blog, kebanyakan pelajarnya mengatakan bahawa blog membantu mereka dalam penulisan, pencarian maklumat, kemahiran membuat tinjauan literatur, juga aplikasi blog yang mudah digunakan, dan mudah untuk menghantar tugasan secara elektronik. Di samping itu, apabila ditemu bual, pelajar mengatakan bahawa penggunaan blog banyak menyumbang kepada kemahiran menulis, terdapat sebilangan pelajar mengatakan bahawa menghantar tugasan melalui blog menggalakkan mereka untuk lebih bertanggungjawab dalam penyediaan tugasan yang lebih berkualiti kerana tugasan mereka boleh dibaca oleh sesiapa sahaja.

Selain itu, sampel kajian Tekinarslan (2008) juga melahirkan pandangan tentang kesulitan yang dihadapi dengan penggunaan blog dalam pembelajaran. Antaranya, peluang untuk mengakses internet di luar kampus. Sebilangan besar pelajar mengadu bahawa tugasan berbentuk elektronik atau digitial seperti blog adalah tidak memudahkan pelajar yang tidak mempunyai peluang yang mencukupi untuk mengakses internet di luar makmal komputer.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ryan (2007) dalam kajiannya tentang kesan *Web-Based Social Networks* terhadap pencapaian dan persepsi pelajar tentang kolaborasi di peringkat sekolah menengah mendapati bahawa penggunaan *social networks* seperti blog, wikis dan forum dalam talian tidak meningkatkan pencapaian pelajar tetapi mempunyai kesan terhadap persepsi pelajar tentang kolaborasi.

Armstrong dan Retterer (2008) dalam kajian kes mereka terhadap pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol sebagai bahasa kedua mendapati 100% pelajar iaitu seramai 16 orang merasakan mereka lebih selesa menulis dalam bahasa Sepanyol pada akhir semester dan 100% pelajar mengatakan bahawa mereka berasa lebih yakin akan keupayaan untuk memanipulasi bentuk kata kerja dalam bahasa Sepanyol. 84.5 % pelajar suka menggunakan blog dalam penulisan bahasa Sepanyol. 69% pelajar mengatakan bahawa mereka menulis dengan lebih banyak kerana mereka menulis secara dalam talian.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan tentang penggunaan blog dalam pendidikan dan penulisan antaranya ialah Song dan Chan (2008) mengkaji persepsi dan pengalaman penggunaan blog pelajar universiti di Malaysia. Daripada sebanyak 118 orang pelajar, 57.8% mengatakan bahawa mereka berminat menggunakan blog kumpulan sebagai satu mod untuk belajar. 63.5% pelajar gemar belajar dan membaca blog. 60.6% bermotivasi untuk membuat kajian lanjut sebelum menulis blog, 67.4% bermotivasi untuk menganalisis komen yang ditulis oleh ahli kumpulan daripada menerimanya begitu sahaja. 70.2% bermotivasi untuk menyuarakan pendapat mereka dalam blog yang sebelum ini berasa tidak selesa untuk berbuat demikian dalam pertemuan bersemuka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nurulha (2004) mengkaji penggunaan blog oleh pelajar sarjana muda TESL(*Teaching English as Second Language*), mendapati bahawa pelajar berasa selesa dan yakin mengekspresi diri dengan menggunakan Bahasa Inggeris dalam penulisan blog dan hasil soal selidik dan temu bual mendapati penggunaan forum dalam talian (*online forum*) sangat berguna dalam pembelajaran bahasa dan dapat meningkatkan tahap keyakinan pelajar.

Mah dan Er (2009) mendapati bahawa berdasarkan respon yang diberikan oleh subjek kajian, blog didapati adalah lebih berguna daripada mudah digunakan oleh pelajar dalam kelas ESL. Oleh itu, kajian mereka mencadangkan penggunaan blog dalam kelas ESL. Di samping itu, pelajar mengatakan bahawa adalah berguna menulis blog kerana secara langsung mempengaruhi niat mereka untuk menulis blog. Pelajar diploma adalah lebih suka menggunakan kaedah penulisan dalam talian daripada kertas dan pen untuk tugasan menulis. Dengan reka bentuk instruksional yang sesuai, blog boleh diimplementasikan di dalam bilik darjah untuk menggantikan kaedah konvensional "*chalk-and-talk*" kerana ia mudah digunakan.

Kajian tentang penggunaan blog untuk pelajar yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ESL) di Malaysia oleh Ezihaslinda mendapati 100% pelajar bersetuju bahawa menulis jurnal membantu mereka membaiki tahap bahasa Inggeris dan 96% suka menulis jurnal dengan menggunakan blog. 65-96% pelajar akan memastikan struktur tatabahasa dan kosa kata diberi perhatian khusus apabila menulis jurnal. Apabila ditemu bual, 91% pelajar memilih untuk menulis jurnal dalam blog daripada buku latihan (Ezihaslinda, 2007). Satu lagi kajian yang dibuat di Malaysia oleh Nadzrah (2007) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menggunakan bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inggeris secara konstruktif apabila berinteraksi dalam talian menggunakan blog, seperti berbincang, memberikan pandangan dan menulis. Penulisan secara *online* memberikan pelajar persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan *authentic*. Menggunakan blog sebagai salah satu aktiviti penulisan didapati menggalakkan dan menambahbaikkan kemahiran berfikir dan kemahiran menulis pelajar-pelajar (Nadzrah, 2007). Dalam satu kajian lain yang dilakukan oleh Nadzrah (2009), kajiannya mendapati bahawa blog sebagai alat untuk pembelajaran bahasa menyediakan platform untuk menggunakan bahasa secara aktif. Pelajar berupaya memotivasikan diri mereka untuk menggunakan bahasa yang dipelajari, dan mampu untuk membina autonomi dalam pembelajaran bahasa. Boleh dirumuskan bahawa pelajar bahasa boleh memperoleh manfaat daripada aktiviti bahasa yang dijalankan dalam blog kalau mereka terlibat secara aktif sebagai *blogger* dan tidak sebagai pembaca yang pasif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nadzrah dan Kemboja (2008) dalam kajian mereka penggunaan blog dalam penulisan oleh mahasiswa tahun pertama dan kedua mendapati 91% pelajar berpendapat menulis dengan blog adalah menarik dan menyeronokkan; 85% mahasiswa ingin terus menulis dengan blog setelah tamat kursus yang diambil. Kesemua pelajar berpendapat menggunakan blog sebagai alat penulisan dalam kelas adalah idea yang baik. 91% pelajar mengatakan bahawa apabila menggunakan blog, mereka dapat menulis dengan lebih baik. Pelajar sedar akan keperluan untuk menyemak tatabahasa sebelum menghantar tugasan (65%) kerana menyedari bahawa apabila menulis secara *online*, laman web mereka adalah terbuka kepada bacaan umum, jadi mereka akan cuba untuk menulis dengan menggunakan tatabahasa dan struktur ayat yang betul. Di samping itu, 97% pelajar juga menyatakan bahawa mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat menulis secara efektif dan secara kreatif (80%) walaupun kemahiran bahasa mereka terhad. Tambahan pula, 97% pelajar mengatakan bahawa blog adalah platform menulis yang berguna kerana mereka menggunakan blog untuk berkongsi idea dengan rakan-rakan secara *online* dan 90% pelajar menjemput rakan mereka untuk membaca blog mereka. Apabila berkongsi idea dengan rakan, pelajar lebih suka rakan-rakan mereka memberikan komen dan maklum balas kerana mereka percaya bahawa, dengan membaca komen yang diterima, mereka boleh meningkatkan kebolehan menulis (96%).

Shahrinaz (2009) melakukan kajian terhadap kebolehterimaan pelajar tahun akhir di sebuah universiti swasta di Malaysia tentang penggunaan blog. Hasil kajian mendapati bahawa jangkaan pencapaian, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan memudahkan keadaan akan meningkatkan kemungkinan penggunaan blog sebagai alat pembelajaran dalam kalangan pelajar tetapi korelasi untuk setiap varian adalah agak rendah iaitu di bawah 40% kecuali memudahkan keadaan. Sepanjang semester, terdapat beberapa orang pelajar yang enggan menggunakan blog dalam membuat tugasan mereka walaupun markah diperuntukkan. Data soal selidik pula menunjukkan 46.43% orang pelajar berpendapat penulisan blog sebagai suatu tugasan adalah membebankan dan 28.57% pelajar berpendapat bahawa penulisan blog membazirkan masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Rumusan

Daripada hasil tinjauan literatur yang dibuat, didapati blog merupakan satu aplikasi Web 2.0 yang begitu popular. Blog merupakan satu aplikasi yang membolehkan sesiapa sahaja menyampaikan pandangan dalam talian yang dahulunya hanya dapat dilakukan oleh mereka yang mempunyai kemahiran tertentu dan tahu tentang bahasa pengaturcaraan. Oleh itu, peluang terbuka luas kepada sesiapa sahaja yang mempunyai capaian internet untuk menyatakan pandangan dan maklumat mereka dalam laman web. Blog juga telah diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Remaja dan pelajar khususnya telah menggunakan blog untuk pelbagai tujuan di luar bilik darjah tetapi tidak untuk tujuan pendidikan. Oleh itu, adalah wajar untuk guru-guru mengintegrasikan penggunaan blog dalam penulisan agar dapat membimbing pelajar-pelajar untuk menggunakan aplikasi dalam laman web untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran yang mampu meningkatkan kemahiran menulis dan kemahiran menggunakan komputer serta internet dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan satu kajian yang melibatkan pembangunan dan penilaian blog. Dalam pembangunan blog, model pembangunan yang digunakan ialah Model ADDIE dan kaedah eksperimental digunakan untuk penilaian terhadap penggunaan blog. Bab ini akan menerangkan reka bentuk kajian berhubung dengan penilaian terhadap blog yang dibangunkan. Manakala reka bentuk kajian yang melibatkan kaedah pembangunan blog akan diterangkan dalam Bab 4.

Dalam kajian berhubung dengan penilaian terhadap penggunaan blog, 100 orang pelajar bukan Melayu Tingkatan 4 dipilih secara secara rawak mudah (*random assigned*) dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 50 orang pelajar dalam kumpulan kawalan dan 50 orang pelajar dalam kumpulan rawatan (Pelajar yang mendapat A, B dan C dalam PMR 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian penilaian blog dari segi pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis adalah kajian berbentuk kuantitatif. Kaedah kajian eksperimental digunakan untuk menguji pencapaian pelajar dalam uji pra dan ujian pasca. 100 orang sampel kajian dipilih secara rawak mudah (*random assigned*) dibahagikan ke dalam kumpulan pelajar kawalan dan kumpulan pelajar rawatan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.1

Jadual 3.1: Reka bentuk kajian eksperimental ujian pra dan ujian pasca.

(Randomized Subjects, Pre-Test – Post-Test Control Group Design)

	Kumpulan	Ujian Pra	Pembolehubah Tak Bersandar	Ujian Pasca
(R)	Rawatan	Y1	X	Y2
(R)	Kawalan	Y3	-	Y4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian berhubung dengan penilaian blog ini, pembolehubah tak bersandar ialah penggunaan blog dan pembolehubah bersandar ialah markah karangan dan kemahiran menulis pelajar.

Reka bentuk kajian eksperimental digunakan dalam kajian ini disebabkan penilaian blog yang dilakukan adalah untuk mengkaji keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan terhadap pelajar-pelajar bukan Melayu dalam aspek pencapaian dan kemahiran menulis sebelum dan selepas menggunakan blog dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. Menurut Sidek (2002) reka bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian eksperimental dijalankan bertujuan untuk menyiasat hubungan sebab dan kesan dengan mendedahkan satu atau lebih rawatan dan membandingkan keputusan kepada satu atau lebih kumpulan kawalan yang tidak menerima sebarang rawatan. Oleh sebab itu, reka bentuk kajian ini sesuai digunakan dalam menjalankan penilaian terhadap keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan dengan melihat hubungan sebab dan kesan yang melibatkan satu rawatan kepada satu kumpulan kawalan yang tidak menerima sebarang rawatan.

3.3 Sampel dan Pensampelan

Sampel kajian merupakan 100 orang pelajar yang mendapat gred A, B dan C dalam PMR 2008 dan Bahasa Melayu bukan bahasa ibunda mereka. Pelajar-pelajar ini dipilih kerana pelajar yang mendapat gred A, B dan C mempunyai kemahiran menulis asas dan sederhana. Pelajar yang mendapat gred D dan E tidak dipilih kerana akan mengganggu kajian yang dibuat kerana tahap penguasaan Bahasa Melayu yang lemah dan masalah disiplin yang boleh mengganggu proses pelaksanaan blog dalam penulisan karangan. Bilangan pelajar bukan Melayu Tingkatan 4 ialah 203 orang. Bilangan sampel pelajar Tingkatan 4 yang dipilih untuk kajian eksperimental =100 orang.

Sampel kajian seramai 100 orang dibahagikan secara rawak mudah (*random assigned*) kepada 50 orang dalam kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional dalam penulisan karangan, manakala 50 orang pelajar dalam kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rawatan yang menggunakan blog dalam penulisan karangan. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan keputusan Peperiksaan PMR 2008.


Jadual 3.2: Sampel Pelajar Pra Kajian

Gred Bahasa Melayu	Pelajar Kumpulan Kawalan	Pelajar Kumpulan Rawatan
A	8	12
B	24	17
C	18	21
Jumlah	50	50

100 orang pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan berasaskan senarai nama pelajar dalam kelas. Pelajar diberikan nombor dari nombor satu hingga ke nombor 100. Bilangan kelas yang terlibat dalam kajian ialah 3 kelas iaitu kelas 4Y, 4U dan Kelas 4K. Kemudian, pelajar-pelajar ini dimasukkan ke dalam kumpulan kawalan atau ke dalam kumpulan rawatan secara kaedah rawak mudah (*random assigned*) yang dilakukan dengan perisian yang ditawarkan secara percuma di laman web iaitu di alamat http://www.randomizer.org seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.1:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1: Paparan Kaedah Rawak Mudah

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data penilaian blog adalah (3) iaitu 1 set ujian dan 2 borang soal selidik.

1. **Satu Set Ujian Penulisan Karangan Pra dan Pasca**

   Pelajar akan menulis sebuah karangan pada ujian pra dan ujian pasca yang bertajuk:

   Penyakit demam denggi yang berpunca daripada nyamuk aedes merupakan ancaman yang membimbangkan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan merebaknya penyakit ini dan langkah-langkah bagi menanganinya.

Tajuk ini merupakan tajuk karangan yang diuji dalam Peperiksaan SPM 2008.

2. Dua Borang Soal selidik – borang soal selidik merangkumi beberapa aspek

A. Pandangan tentang penulisan karangan yang meliputi 4 konstruk iaitu Penggunaan Bahasa (6 soalan), Kepentingan Penulisan (4 soalan), Masalah Yang Dihadapi (9 soalan) dan Komen tentang Penulisan Karangan (8 Soalan) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3: Dimensi /Konstruk dan Item-Item Soal Selidik

Soalan Kajian	Dimensi/ Konstruk	Bilangan Soalan	Item	Ujian Statistik
Apakah pandangan pelajar-pelajar bukan Melayu tentang penulisan karangan Bahasa Melayu?	Penggunaan Bahasa	6 soalan	12, 14, 21, 24, 25, 26	Deskriptif Frekuensi dan Peratus
	Masalah Yang Dihadapi	9 soalan	7, 8, 11, 19, 27, 28, 29, 30, 32	
	Kepentingan Penulisan	4 soalan	6, 10, 16, 31	
	Komen tentang Penulisan	8 soalan	9, 13, 15, 17, 18, 20, 22, 23	

B. Pandangan tentang penggunaan blog dalam penulisan yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian petama merupakan soalan berbentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fakta (Ya atau Tidak), pelajar diminta menandakan pilihan mereka dan bahagian kedua merupakan soalan berbentuk terbuka; pelajar bebas menulis pandangan mereka tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan pada ruang yang disediakan.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data terbahagi kepada peringkat seperti di bawah.

(ii) Soal Selidik Set 1 dan Ujian Pra

Borang soal selidik set pertama iaitu tentang Pandangan pelajar tentang penulisan karangan diedarkan sebelum dan selepas penggunaan blog dalam penulisan karangan. Hanya pelajar dalam kumpulan rawatan akan diberikan borang soal selidik ini untuk meninjau pandangan mereka tentang penulisan karangan sebelum kajian dijalankan. Manakala ujian pra dijalankan dengan semua sampel kajian diberikan masa 1 jam 30 minit untuk menulis karangan. Kertas jawapan semua pelajar dikutip dan disemak. Penyemakan dilakukan oleh pengkaji dan disahkan oleh Ketua Panitia Bahasa Melayu Pn. Zaharah Bt. Ali (Sila Rujuk Lampiran H).

(iii) Soal Selidik Set 1, Soal Selidik Set 2 dan Ujian Pasca

Proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dengan kaedah konvensional untuk kumpulan pelajar kawalan dan penulisan karangan dengan menggunakan blog untuk kumpulan pelajar rawatan dijalankan selama 6 minggu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas sesi penggunaan blog dalam penulisan karangan dan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dengan kaedah konvensional selama 6 minggu, ujian pasca dengan tajuk karangan yang sama ditadbirkan sekali lagi bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Pelajar dalam kumpulan kawalan dan rawatan diberi masa 1 jam 30 minit untuk menulis karangan dalam ujian pasca.

Pelajar kumpulan rawatan akan menjawab dua set borang soal selidik iaitu yang pertama ialah pandangan pelajar tentang penulisan karangan dan yang kedua ialah pandangan pelajar tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan.

Pandangan pelajar tentang penulisan karangan dan pandangan pelajar tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan dianalisis untuk menjawab persoalan kajian yang kedua dan yang ketiga. Ujian pasca dan ujian pra penulisan karangan pula disemak dan dianalisis untuk menjawab persoalan kajian yang keempat dan kelima. Ujian pasca pelajar disemak oleh pengkaji dan disahkan oleh Ketua Panitia Bahasa Melayu, Pn. Zaharah Bt. Ali (Sila Rujuk Lampiran H).

3.6 Prosedur Penganalisisan Data

Prosedur penganalisisan data terbahagi kepada beberapa peringkat. Pada peringkat awal, analisis dibuat terhadap data yang dikutip daripada kajian rintis untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item-item atau konstruk-konstruk dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

borang soal selidik. Analisis deskriptif juga dibuat untuk mengetahui tahap penggunaan blog dalam kalangan pelajar.

Peringkat seterusnya adalah penyemakan ujian pra yang telah diambil oleh pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Markah yang diperoleh oleh setiap pelajar dicatat dan kemahiran menulis (ayat yang gramatis, ejaan yang betul dan penggunaan tanda bacaan yang tepat) disemak dengan menyenaraikan bilangan kesalahan ayat, ejaan dan tanda bacaan yang dilakukan oleh pelajar dalam ujian pra.

Seterusnya, blog yang telah dibangunkan dianalisis bagi mengenal pasti ciri dan elemen dalam blog yang sesuai untuk diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Analisis juga dibuat terhadap penulisan karangan pelajar dalam blog dan penggunaan aplikasi yang terdapat dalam blog untuk pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

Pada peringkat seterusnya, analisis terhadap data yang dikumpul daripada pelajar kumpulan rawatan melalui pentadbiran borang soal selidik tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan blog dalam penulisan karangan. Berikutnya, analisis juga dijalankan terhadap data yang dikumpul melalui pentadbiran borang soal selidik tentang persepsi pelajar terhadap penulisan karangan sebelum dan selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan. Kedua-dua analisis dibuat secara deskriptif.

Penyemakan karangan pelajar dalam ujian pasca dijalankan bagi menilai kemahiran menulis setiap pelajar dalam ujian pasca seperti mana yang dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semasa ujian pra. Setelah penyemakan selesai, analisis data dijalankan secara inferens untuk melihat keberkesanan penggunaan blog terhadap pencapaian markah karangan pelajar dan kemahiran menulis pelajar. Ujian statistik yang digunakan ialah ujian-*t* dua kumpulan sampel tidak bersandaran (*Independent Samples Test*) untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara min skor ujian pra pelajar kumpulan kawalan dengan pelajar kumpulan rawatan. Selain itu, ujian-*t* yang sama juga digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan signifikan min skor kemahiran menulis pelajar dari segi ayat yang gramatis, ejaan yang betul dan penggunaan tanda bacaan yang sesuai) antara pelajar kumpulan kawalan dengan pelajar kumpulan rawatan.

Pemarkahan karangan ujian pra dan ujian pasca adalah mengikut Skema Pemarkahan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Perak (meliputi aspek isi karangan, bahasa yang meliputi kelancaran, kepelbagaian jenis ayat, keindahan bahasa, wacana dan kosa kata), pengolahan dan penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul) dan penilaian tentang kemahiran menulis hanya melihat kepada aspek ayat yang gramatis, ejaan dan penggunaan tanda bacaan sahaja.

3.7 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan reka bentuk kajian berhubung dengan penilaian blog dan pembangunan blog dengan model ADDIE. Penilaian dibuat terhadap keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan Bahasa Melayu dari aspek pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis. Sampel kajian merupakan 100 orang pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bukan Melayu Tingkatan 4 di SMK Yuk Kwan, Batu Gajah. Tiga instrumen kajian yang digunakan iaitu 2 set borang soal selidik dan 1 set ujian penulisan. Set pertama adalah untuk meninjau persepsi pelajar tentang penulisan karangan sebelum dan selepas penggunaan blog dalam penulisan karangan dan set kedua adalah tentang persepsi pelajar tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan selepas penggunaan blog. Data yang dikutip dianalisis secara deskriptif dan inferens.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

PEMBANGUNAN


4.1 Pendahuluan

Model yang digunakan dalam pembinaan blog ialah Model ADDIE iaitu terdiri daripada 5 fasa iaitu Analisis, Reka bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.1. (Gram, 2009).

Blog dibangunkan dengan menggunakan Model ADDIE untuk dijadikan satu platform penulisan karangan untuk pelajar-pelajar tingkatan 4. Langkah-langkah berikut diikuti dalam mereka bentuk laman blog yang beralamat http://smkyukkwan.blogspot.com yang digunakan sebagai pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1: Model ADDIE

4.2 Analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis – Menurut Castagnolo (2007) fasa Analisis merupakan fasa yang paling penting. Fasa ini mengenal pasti bahagian atau keperluan latihan dengan mengambil kira pandangan pakar subjek, kumpulan sasaran, objektif dan matlamat latihan yang ingin disampaikan. Oleh itu, dalam fasa Analisis, analisis tentang aplikasi blog yang ditawarkan di internet dilakukan. Perbandingan ciri-ciri yang ditawarkan seperti blog yang dibangunkan sama ada proses pembangunan blog sama ada mesra pengguna atau tidak dan kesesuaian blog untuk dijadikan platform penulisan karangan. Dalam fasa ini juga, langkah-langkah yang terlibat dalam pembinaan blog dikenalpasti. Pandangan pakar dan pengguna blog terutamanya para pendidik yang telah mengintegrasikan blog sebagai satu kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Analisis dibuat untuk mengenal pasti aplikasi blog yang sesuai digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis turut dijalankan tentang tahap pengetahuan dan keupayaan pelajar dalam memahami langkah-langkah yang terlibat dalam pembinaan blog dan bahasa yang digunakan. Hal ini adalah disebabkan kebanyakan perkhidmatan pembinaan blog yang ditawarkan adalah dalam Bahasa Inggeris. Perkhidmatan pembinaan blog yang ditawarkan oleh Blogger.com merupakan satu-satunya perkhidmatan pembinaan blog yang menawarkan 50 jenis bahasa yang boleh dipilih oleh pengguna dalam pembinaan blog. Walau bagaimanapun, satu manual atau panduan pembinaan blog langkah demi langkah untuk membantu pelajar dalam proses pembinaan blog telah disediakan untuk memudahkan proses pembinaan blog oleh pelajar-pelajar (sila rujuk Lampiran F). Hal ini adalah kerana blog masih merupakan satu perkara yang baharu kepada para pelajar. Perkhidmatan pembinaan blog yang ditawarkan secara percuma oleh Blogger.com telah dipilih kerana perkhidmatan ini menyediakan antara muka dalam versi Bahasa Melayu di samping sokongan daripada sorotan literatur yang mengatakan bahawa *Blogger.com* mudah digunakan, mesra pengguna dan sesuai untuk pendidik yang ingin mengintegrasikan blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Barlett-Bragg, 2003; Eastment, 2005; Campbell, 2005; Huette, 2006; PC World.com 2007; Bachand, 2009).

Selain itu, satu blog lain telah dibina sebagai platform untuk mendapatkan pengalaman menggunakan blog untuk penulisan yang beralamat http://karanganbm.blogspot.com. Blog ini dibina pada Januari 2009 dan sudah mempunyai 20 orang pengikut blog. Tujuannya adalah supaya penyelidik sendiri mengetahui selok-belok penggunaan blog dengan lebih menyeluruh sebelum meminta pelajar membina blog mereka dengan ciri dan elemen yang telah dikenalpasti sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Chris (2006) mengatakan bahawa sesiapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bercadang atau berhasrat untuk menggunakan blog dengan pelajar, mereka perlu membiasakan diri dengan prosedur penggunaan blog dengan perkhidmatan pembinaan blog yang akan digunakan seperti perkhidmatan pembinaan blog yang ditawarkan oleh Blogger.com terlebih dahulu.



Rajah 4.2: Contoh Laman Blog karanganbm.blogspot.com

Chris (2006) mengatakan bahawa pelajar boleh berinteraksi dengan pelajar lain dalam blog menggunakan nama pengguna yang direka; nama samaran ini boleh melindungi identiti seseorang pelajar. Penggunaan nama samaran atau tanpa nama banyak mengurangkan kebimbangan pengguna melakukan kesilapan dalam talian.

Menurut Krause (2003) *Blogger.com* didakwa merupakan aplikasi perkhidmatan blog percuma yang paling mudah untuk digunakan dan adalah percuma (Richardson, 2004). Dengan *Blogger.com*, pengguna boleh membina blog dengan hanya mengambil masa kurang daripada lima minit. Menurut Oravec (2002), *Blogger.com* digambarkan sebagai "*Push-Button Publishing for the People*" dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beliau mendakwa bahawa "*Blogger.com* menawarkan kuasa untuk berkomunikasi secara segera dengan membenarkan pengguna untuk mengepos pemikiran mereka ke laman web apabila mereka ingin berbuat demikian". Oleh itu, *Blogger.com* merupakan salah satu alat penulisan blog yang paling boleh dipercayai dan berguna untuk pelajar (Stanley, 2005) dan banyak pendidik dan pelajar lebih suka menggunakan *Blogger.com* untuk penulisan blog mereka (Oravec, 2002).

Penulisan karangan dipilih kerana bersesuaian dengan sifat dan ciri-ciri penggunaan blog untuk membolehkan sesiapa sahaja menerbitkan penulisan mereka tentang apa sahaja yang diminati kepada seluruh pembaca yang melayari internet. Di samping itu, menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai daripada kemahiran mendengar, bertutur dan membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum kajian rintis dijalankan, item-item dalam borang soal selidik yang diadaptasikan dihantar kepada seorang guru cemerlang Bahasa Melayu untuk dinilai kesahan dan kesesuaian item-item dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar tingkatan 4.

Setelah mendapat pengesahan daripada Guru Cemerlang (Ida Yusniati Bt. Md. Yusuf- rujuk lampiran B), kajian rintis dijalankan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian iaitu borang soal selidik (item-item diadaptasi daripada borang soal selidik Drexler et al., (2007)). Sebanyak 200 borang soal selidik diedar kepada sampel kajian rintis dan dikutip. Bilangan borang soal selidik yang berjaya dikutip adalah sebanyak 137 daripada pelajar Tingkatan 4 SMJK Yuk Choy (pelajar bukan Melayu seperti sampel kajian). Setelah dianalisis borang soal selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut, Indeks Kebolehpercayaan kajian rintis yang diperoleh ialah alfa Cronbach .78.

Menurut Chua (2006) dalam statistik kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali alfa Cronbach, nilai alfa .65 hingga .95 dianggap memuaskan kerana nilai yang terlalu rendah menunjukkan keupayaan item-item instrumen kajian mengukur konsep dalam kajian adalah rendah manakala nilai alfa yang terlalu tinggi pula mungkin menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain, dan menggunakan item-item yang bertindih antara satu sama lain adalah tidak diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Fasa Reka Bentuk

Reka bentuk – Dalam fasa ini, blog direka dengan dengan mengambil kira ciri-ciri yang sesuai (nama dan alamat blog, aplikasi seperti pembilang (*counter)*, arkib, ulasan, pautan dan label) untuk dimasukkan ke dalam blog bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Nama blog dan alamat blog didaftarkan dengan menggunakan perkhidmatan pembinaan blog iaitu Blogger.com. Nama blog untuk kelas ialah SMK Yuk Kwan Batu Gajah, Perak manakala alamat blog ialah http://smkyukkwan.blogspot.com. Aplikasi pembilang (*counter)* dimasukkan untuk mengetahui jumlah pengunjung yang mengunjungi blog. Arkib blog pula menyenaraikan tarikh dan masa setiap hasil penulisan yang dipos. Oleh itu, guru dapat mengesan masa dan tarikh pelajar menghantar tugasan mereka. Label pula merupakan ciri dalam blog yang digunakan untuk memudahkan pelajar dan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengorganisasikan penulisan mengikut kategori yang tertentu. Hal ini memudahkan pencarian sesebuah tajuk penulisan.

Blog menawarkan elemen catatan atau komen. Ciri atau elemen ini membolehkan guru, rakan sebaya dan pengunjung blog yang lain memberikan komen kepada penulis blog. Aplikasi ini menggalakkan pelajar memberi maklum balas terhadap hasil penulisan rakan sebaya dan menggalakkan perbincangan. Ciri ini amat berguna untuk menggalakkan interaksi antara pelajar dengan pelajar dan antara pelajar dengan guru, terutamanya kepada pelajar yang segan bertanya secara bersemuka atau apabila berada di dalam kelas. Pelajar boleh bertanya soalan, mengemukakan pendapat dan memberikan komen tanpa perlu rasa bimbang kerana tidak bersemuka dengan guru atau pelajar lain. Pelajar akan berasa lebih selesa atau lebih berani mengemukakan pandangan dan memberikan komen. Hal ini dinyatakan oleh Drexler et al., (2007) iaitu "*the novelty wears off quickly. It was actually the feedback that seemed to generate the greatest enthusiasm*."

4.4. Fasa Pembangunan

Fasa Pembangunan– Dalam fasa ini, pendaftaran blog dilakukan dengan menggunakan nama smkyukkwan sebagai alamat blog. Alamat penuh blog yang telah didaftar dengan menggunakan Blogger.com ialah http://smkyukkwan.blogspot.com Dalam blog ini, terdapat nama sekolah iaitu SMK Yuk Kwan, Batu Gajah, Perak. Ciri-ciri yang telah dikenalpasti pada peringkat reka bentuk dibangunkan dan diletakkan dalam laman blog. Antara ciri yang dimasukkan ialah pembilang (*counter*) bilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelawat, profil penulis blog, arkib blog, senarai blog yang diikuti, label penerbitan penulisan, pautan ke laman web atau laman blog yang berkait dengan pembelajaran Bahasa Melayu amnya dan penulisan karangan khasnya.

Pada kebiasaannya, beberapa aplikasi asas atau standard boleh dilihat dalam mana-mana blog yang terdapat dalam laman web. Sebagai contoh, setiap blog mempunyai alamat khas dan nama blog walaupun perkhidmatan pembinaan blog yang digunakan berbeza. Aplikasi pautan atau *link* digunakan untuk membuat pautan antara blog dengan laman blog lain atau laman web yang dibaca oleh setiap penulis blog. Daripada pautan yang dibuat oleh penulis blog, kita dapat mengetahui minat penulis blog serta laman web yang diminati dan dikunjunginya. Manakala aplikasi komen pula menyediakan peluang berkomunikasi dan berinteraksi antara penulis blog dengan penulis blog yang lain atau pengunjung blog yang ingin memberikan pandangan atau menyampaikan pendapat mereka atau berkongsi maklumat dengan penulis blog. Rajah 4.3 menunjukkan anatomi sebuah blog.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3: Anatomi Blog

Setelah mengenal pasti ciri-ciri dan aplikasi blog yang sesuai digunakan dalam laman blog pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan, maka pembangunan blog dimulakan dengan mendaftar alamat dan nama blog dengan Blogger.com seperti paparan berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4: Laman Blogger.com

Dengan klik pada butang REKA-LAH BLOG, langkah demi langkah proses pendaftaran blog perlu diikuti hingga terbina sebuah laman blog (rujuk Panduan Pendaftaran Blog Langkah demi Langkah yang dilampirkan pada bahagian Lampiran1). Pendaftaran nama blog iaitu SMK Yuk Kwan Batu Gajah Perak dilakukan dengan alamat blog iaitu http://smkyukkwan.blogspot.com seperti yang dipaparkan pada Rajah 4.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5: Contoh Paparan Blog SMK Yuk Kwan Batu Gajah Perak

4.5 Fasa Pelaksanaan

Pelaksanaan – Blog yang dibina ini menjadi tapak untuk memuatkan tugasan yang perlu dilaksanakan dan diselesaikan oleh pelajar. Blog ini juga akan dikunjungi pelajar kumpulan rawatan (*treatment group*) yang menggunakan blog untuk penulisan karangan mereka. Sementara itu, pelajar-pelajar menghasilkan penulisan mereka di dalam blog masing-masing. Pelajar-pelajar digalakkan memasukkan elemen multimedia seperti grafik, gambar, carta, jadual dan lain-lain untuk menjadikan hasil penulisan mereka lebih menarik serta dapat menggambarkan isi kandungan hasil penulisan mereka. Pelajar-pelajar juga diperkenalkan kepada laman-laman blog yang memuatkan contoh karangan dan isi pengajaran tentang penulisan karangan seperti yang telah disedikan oleh blog http://smkyukkwan.blogspot.com. Pelajar-pelajar diminta melayari blog ini untuk melihat dan membaca hasil penulisan rakan sebaya mereka dan memberikan pandangan serta komen tentang hasil penulisan rakan sebaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Fasa Penilaian

Penilaian – Penilaian dibuat pada semua peringkat atau tahap pembangunan blog. Aplikasi-aplikasi yang terdapat di dalam perkhidmatan pembinaan blog adalah seperti cara menerbitkan penulisan, cara menggunakan komen, membuat pautan dan memuat naikkan gambar atau grafik diuji dan dinilai sepanjang proses menggunakan blog yang beralamat http://karanganbm.blogspot.com. Tujuannya adalah supaya segala masalah teknikal yang timbul dapat dikenal pasti dan diatasi. Dengan ini proses pembinaan blog SMK Yuk Kwan, Batu Gajah, Perak akan dapat dilakukan dengan lebih lancar dan boleh digunakan serta memenuhi keperluan reka bentuk instruksional. Penilaian juga dijalankan tentang keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan Bahasa Melayu, pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis pelajar seperti yang telah diperincikan dalam Bab 3.

4.7 Rumusan

Proses pembangunan blog menggunakan model ADDIE kerana model ini sesuai memudahkan dan memenuhi keperluan reka bentuk instruksional pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dengan blog. Proses penilaian dapat dilakukan sepanjang masa untuk mengenal pasti kekurangan dan masalah pada setiap fasa dan menambahbaikkan dapat dijalankan sehingga hasil yang memuaskan diperoleh. Model ADDIE menjadi panduan dalam menentukan ciri dan elemen dalam blog yang sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, pembangunan blog dengan menggunakan perkhidmatan percuma yang ditawarkan oleh *Blogger.com* amatlah mudah. Guru dan pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah dalam proses pembangunan blog untuk penulisan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainur

BAB 5

DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian bagi penyelidikan yang telah dijalankan. Dapatan kajian ini bertujuan untuk menjawab tiga persoalan kajian berikut iaitu:-

i) Apakah ciri dan elemen dalam blog yang sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

ii) Apakah persepsi pelajar a) tentang penggunaan blog dalam penulisan dan b) terhadap penulisan karangan sebelum dan selepas menggunakan blog.

iii) Adakah terdapat perbezaan antara pelajar dalam dua aspek berikut:

   a. Pencapaian markah karangan pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

   b. Kemahiran menulis (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian pertama membincangkan dapatan kajian yang berhubung dengan pembangunan blog sebagai platform penulisan karangan pelajar-pelajar bukan Melayu dan persepsi pelajar tentang penggunaan blog serta terhadap penulisan karangan sebelum dan selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan. Dapatan kajian tentang persepsi pelajar dalam aspek penggunaan blog dan penulisan karangan dianalisis secara deskriptif seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian iaitu untuk mengetahui presepsi pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap penggunaan blog dan penulisan karangan Bahasa Melayu.

Data pada bahagian kedua pula dianalisis menggunakan statistik inferens untuk melihat keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan dalam aspek pencapaian markah karangan pelajar dan kemahiran menulis pelajar. Data yang dipungut dianalisis secara kuantitatif dan akan dipersembahkan mengikut persoalan kajian.

Pada akhir kajian, bilangan sampel kajian yang berjaya mengikuti keseluruhan proses penggunaan blog dalam penulisan karangan seramai 84 orang pelajar daripada bilangan asal pelajar iaitu seramai 100 orang. Hal ini disebabkan berlaku keciciran sampel kajian. Antara sebab keciciran berlaku ialah penglibatan pelajar dalam kajian ini adalah secara sukarela dan tidak diwajibkan. Pada akhir kajian, jumlah sampel kajian adalah seramai 84 orang iaitu 42 orang daripada kumpulan kawalan dan 42 orang daripada kumpulan rawatan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1: Bilangan Sampel Pelajar Pasca Kajian

Gred Bahasa Melayu	Pelajar Kumpulan Kawalan	Pelajar Kumpulan Rawatan
A	8	11
B	22	13
C	12	18
Jumlah	42	42

5.2 Dapatan Kajian Blog yang beralamat http://smkyukkwan.blogspot.com

Ciri utama yang ditekankan dalam penggunaan blog untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran adalah aplikasi catatan atau komen yang membolehkan berlakunya interaksi antara pelajar, interaksi antara guru dengan pelajar dan interaksi antara pelajar dengan pengunjung blog yang lain di luar bilik darjah dan dalam keadaan yang kurang mengancam. Ciri ini ditunjukkan pada Rajah 5.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.1 Paparan Aplikasi Komen dalam Blog

Rajah 5.1 menunjukkan berlakunya interaksi antara guru dengan pelajar dalam blog kelas yang beralamat http://smkyukkwan.blogspot.com. Sementara itu, interaksi dan komunikasi juga berlaku antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan pengunjung blog lain yang memberikan pandangan dan komen tentang hasil penulisan karangan pelajar seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.2 Paparan Interaksi Antara Pelajar Kumpulan Rawatan dan Antara Pelajar dengan Pengunjung Blog melalui Aplikasi Komen

Menurut Achterman (2006); Godwin-Jones (2003) dan Ray (2006), dalam Tekinarslan (2008), blog mempunyai potensi untuk digunakan sebagai medium sokongan untuk komunikasi, alat kolaborasi, dan sumber pengajaran dalam bidang pendidikan. Ackerman (2006) mengatakan bahawa mengedit, dan menggunakan aplikasi komen dalam blog adalah terbukti berguna kepada pelajar. Sampel dalam kajian juga turut memberikan pandangan yang sama tentang aplikasi komen dalam blog yang banyak membantu mereka dalam pembelajaran. Beberapa pandangan pelajar tentang aplikasi catatan atau komen dalam blog ditunjukkan pada Jadual 5.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 5.2: Pandangan tentang Aplikasi Catatan atau Komen

Responden Kajian 1: Penggunaan blog dalam kelas penulisan karangan Bahasa Melayu amat berkesan dan menarik. Pada pendapat saya, penggunaan blog membolehkan saya berkongsi idea dengan orang lain di dunia siber. Malahan, komen kawan dan rakan sedarjah saya juga banyak memanfaatkan saya.
Responden Kajian 2: Dengan adanya blog, ia memudahkan saya untuk menulis karangan. Ia juga membantu saya untuk dapatkan komen daripada rakan-rakan lain. Saya juga dapat merujuk karangan rakan saya yang lebih baik daripada saya. Ia juga membantu saya untuk menguasai Bahasa Melayu dengan berkesan lagi.

Pelajar-pelajar kumpulan rawatan yang menggunakan blog dalam penulisan karangan diajar langkah demi langkah cara mendaftarkan blog mereka dengan *Blogger.com.* Bagi sebilangan pelajar yang tidak mempunyai akaun emel, mereka diminta untuk mendaftar dan mendapatkan alamat emel terlebih dahulu sebelum dapat meneruskan proses pendaftaran blog. Walaupun begitu, proses pendaftran tidak menghadapi masalah. Rajah 5.3 menunjukkan antara blog yang dibina oleh pelajar-pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.3: Contoh Blog Pelajar-Pelajar Kumpulan Rawatan

Penulisan karangan oleh pelajar dilakukan dengan mengepos karangan mereka dalam blog mereka sendiri. Pendekatan ini digunakan kerana menurut Martindale dan Wiley (2004) "*My experience is that a sense of ownership and full control over one's blog is important in supporting the blogging process."* Oleh sebab itu, pelajar-pelajar diajar untuk membina blog mereka sendiri kerana pelajar perlu mempunyai autonomi dalam mengendalikan blog mereka sendiri dalam menyokong aktiviti penulisan karangan dalam blog.

Selain itu, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran diposkan untuk rujukan pelajar-pelajar tentang sesuatu isu atau tajuk karangan. Penggunaan kata yang menarik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan peribahasa yang sesuai untuk sesuatu tajuk karangan juga disediakan. Di samping itu, penggunaan bahasa pada papan iklan yang kurang tepat juga dikemukakan agar pelajar peka akan kesalahan bahasa yang digunakan. Berikut merupakan beberapa contoh bahan pengajaran dan pembelajaran yang dimuatkan dalam blog http://smkyukkwan.blogspot.com



Rajah 5.4: Contoh Isi Kandungan Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan dalam Blog http://smkyukkwan.blogspot.com

Hasil pemeriksaan karangan pelajar dalam ujian pra didapati bahawa pelajar menghadapi masalah pemerengganan, pembinaan ayat yang gramatis dan kesalahan ejaan yang lebih banyak berbanding dengan tanda bacaan. Pelajar-pelajar juga didapati kurang faham akan elemen yang diperlukan dalam penulisan isi karangan dalam setiap perenggan. Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran dalam blog memberi tumpuan kepada aspek ini. Rajah 5.5 menunjukkan kaedah penulisan isi karangan yang dimuatnaikkan ke dalam blog untuk rujukan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebiasaannya penulisan isi karangan meliputi 3 elemen utama iaitu:
1. Ayat Topik / Isi Utama/ Fakta
2. Huraian isi
3. Contoh

Dalam karangan, tidak semestinya ketiga-ketiga elemen ini disusun mengikut urutan ayat topik (isi) -- huraian --contoh. Anda boleh bermula dengan huraian--contoh --ayat topik atau ayat topik --huraian --contoh--




Rajah 5.5 Teknik Pengembangan Isi Karangan

Kebanyakan pelajar menghadapi masalah dalam aspek menyambung ayat dan membuat pemerengganan. Pelajar sering menggunakan kata hubung yang tidak tepat serta tidak tahu membuat pemerengganan karangan yang betul. Boleh dikatakan hampir 99% pelajar menghadapi masalah pemerengganan karangan kerana didapati bahawa dalam setiap perenggan isi karangan, pelajar menulis beberapa isi dalam satu perenggan. Hal ini adalah disebabkan mereka tidak tahu cara menyatakan isi dan membuat huraian dengan cara yang betul. Oleh yang demikian, cara menyambungkan ayat dan membuat perenggan, serta cara menghurai isi karangan diposkan ke dalam blog untuk membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam aspek ini. Contoh ini dapat dilihat pada Rajah 5.6

.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kemahiran Pemerengganan Karangan

Kebanyakan pelajar menghadapi masalah untuk mengembangkan isi karangan. Mereka mempunyai idea tidak idea itu tidak berkembang. Kebiasaannya pelajar akan menulis dua atau tiga ayat untuk satu isi karangan dan diikuti dengan isi yang kedua. Hal ini menyebabkan di dalam satu perenggan terdapat 2 atau 3 isi karangan dan isi bercampur aduk.

contoh 1: karangan tentang pencemaran
Masalah pencemaran disebabkan orang ramai yang suka membakar sampah-sarap secara terbuka. Mereka membuang sampah-sarap ke dalam sungai dan menebang pokok.

contoh 2: Pencemaran alam berpunca daripada sikap orang ramai yang tidak bertanggungjawab. Mereka suka membuang samapah-sarap di merata-rata. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil tindakan terhadap mereka dengan mengenakan denda.

Dicatat oleh iching di 14:12 0 ulasan
Label: Perenggan

Kemahiran Menyambung Ayat

Sesuatu penulisan yang baik memerlukan kemahiran untuk menyambung ayat agar dapat menggambarkan idea dan pemikiran secara sistematik dan logik. Kata penghubung memainkan peranan untuk menyambungkan ayat dan menggabungkan idea dan pemikiran dalam bentuk teks supaya menjadikan hasil penulisan bermakna dan difahami.

Antara kata penghubung yang boleh digunakan adalah seperti berikut:
1) tambahan - dan, juga, selain itu, sebenarnya, lebih-lebih lagi dll

contoh ayat: Pelajar harus terlibat dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah. Selain itu, pelajar juga perlu melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat agar dapat menjadi rakyat yang berguna.

2) perbandingan - selari dengan, sama dengan, jika dibandingkan dengan dll

contoh ayat: Taraf hidup rakyat di negara itu telah meningkat. Jika dibandingkan dengan taraf hidup mereka sepuluh tahun dahulu, kini mereka sudah mampu memiliki rumah sendiri.

3) perbezaan - tetapi, sebaliknya, berbeza dengan, walaupun, walau bagaimanapun, namun demikian, walau bagaimana sekalipun.

contoh ayat: Usahanya untuk membangunkan kawasan itu menemui jalan buntu. Walau bagaimanapun, dia masih tidak berputus asa untuk meneruskan usahanya itu.

4) contoh - misalnya, contohnya, sebagai contoh, sebagaimana yang ditunjukkan, biarlah kita ambil contoh, mari kita mengambil contoh, seperti yang, apa yang dimaksudkan(ialah..), seperti yang dipaparkan/ditunjukkan /disiarkan dll


khazanahmelayu.mmu.edu.my
Portal Pendidikan Utusan
Berita Harian Online
Kamus Dewan
Karyanet :: Penjana Gedung Digital Ilmiah Bahasa Malaysia
Bahasa Malaysia SPM

Arkib Blog
2010 (2)
2009 (31)
November (2)
Oktober (11)
September (12)
Ogos (2)
Karangan 1 : Rencana
Tugasan 1
Julai (3)
Februari (1)

Tajuk Penulisan
bahasa (3)
Cuti (1)
isi karangan (4)
karangan (1)
kuiz (1)
Lagu Melayu (1)
novel (1)
pedahuluan karangan (1)
pelajar (2)
Pembelajaran (1)
pembetulan (6)
pencemaran (1)
Pengenalan (1)
penulisan (3)
Perenggan (1)
Tatabahasa (2)
tugasan (3)
tv (1)
web (1)

Rajah 5.6: Kemahiran Menyambung Ayat dan Pemerengganan Karangan

Aspek ejaan juga diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan dengan blog. Beberapa kesilapan mengeja yang biasa dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan ditunjukkan pada Rajah 5.7.



SELASA, JULAI 28, 2009

Kesalahan Ejaan

Perkataan-perkataan yang selalu disalah eja oleh pelajar

stesyen - stesen

fax - faks
paspot - pasport
pensil - pensel
bowling - boling
ejen - agen
displin - disiplin
bandaraya - bandar raya
mee - mi
istihar - isytihar
atlit - altet
cendikiawan - cendekiawan
protin - protein
kolestrol - kolesterol
komisyen - komisen
sulong - sulung
sessi - sesi
raksaksa - raksasa
taukeh - tauke
komersil - komersial
ibubapa - ibu bapa

Dicatat oleh iching di 14:13 0 ulasan
Label: Tatabahasa

Laman Pembelajaran Bahasa Melayu

Utusan Online
Keputusan kalimah Allah: KDN failkan notis rayuan
2 min yang lalu

ALAM DUNIAKU
E-Buku Kenapa Ayat Ini Salah? Terbit 21 Januari 2010
5 beberapa jam yang lalu

-Abdul Ghalib Yunus, Munsyi Dewan -
Siri 309 –Murid atau pelajar
22 beberapa jam yang lalu

LAMAN BLOG CIKGU TAN C L
Sajak Harga Remaja, Antologi Harga Remaja (Buku Teks Komsas Tingkatan 4 yang Terbaharu)
1 hari yang lalu

惑恩惜福 BUMI GEMILANG
Prinsip Meritokrasi Untuk Masuk Ke IPTA Kekal
4 beberapa hari yang lalu

CEMERLANG BAHASA MELAYU SPM
SALAM MAAL HIJRAH 1431
2 beberapa minggu yang lalu

Kelas Bahasa Malaysia
Kenal Muka Buku (Facebook) ?
4 beberapa minggu yang lalu

BAHASA MELAYU 1
'HANGUS" TEMA INI.
2 beberapa bilan yang lalu

Minda Bahasa
Kenali Semarak Api

Rajah 5.7 Kesalahan Ejaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, penulisan karangan pelajar akan disemak dan dibaiki serta diposkan dalam blog kelas iaitu http://smkyukkwan.blogspot.com supaya dapat dibaca oleh pelajar-pelajar dalam kumpulan rawatan. Tujuannya adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar lebih memahami kesilapan dan kelemahan hasil karangan mereka. (sila rujuk lampiran C)

Selain penulisan karangan mengikut tajuk-tajuk yang diberikan oleh guru, pelajar-pelajar juga diberi kebebasan untuk menulis cerita, nukilan, sajak, atau penulisan berkaitan dengan pengalaman atau peristiwa yang berlaku pada diri mereka. Hal ini adalah disebabkan bahawa untuk menggalakkan pelajar-pelajar menulis, pelajar-pelajar harus memilih apa yang ingin ditulis oleh mereka. Graves (2003) dalam bukunya *Writing: Teachers and Children at Work* mengatakan bahawa pelajar perlu memilih kebanyakan daripada tajuk penulisan mereka, selalu mendapat maklum balas daripada guru dan rakan sebaya. Pelajar didapati lebih berminat untuk menulis apa yang diminati daripada penulisan karangan yang bersifat lebih formal dan melibatkan usaha yang lebih banyak untuk memikirkan isi karangan, pemilihan kata dan pembinaan ayat. Jadual 5.3 dan Jadual 5.4 menunjukkan dua hasil penulisan bebas pelajar.

Jadual 5.3 Contoh Tajuk Penulisan Bebas Pelajar yang Bernama Amelia (sebahagian)

Tuesday, September 8, 2009

Badan Pengawas Sekolah Badan pengawas sebagai institusi unggul dalam sistem persekolahan telah wujud buat sekian lama. Peranan utama badan ini adalah membantu pihak sekolah dalam memelihara disiplin pelajar agar wujud suatu suasana yang kondusif untuk proses pembelajaran dan pengajaran.Justeru, badan pengawas memainkan peranan penting dalam sistem persekolahan kita. Biasanya badan pengawas dianggotai oleh pelajar-pelajar yang terpilih.Mereka terdiri daripada segolongan pelajar yang mempunyai perwatakan yang terpuji. Umumnya, pengawas dianggap sebagai pelajar mithali yang dapat dijadikan contoh oleh pelajar-pelajar lain dari pelbagai segi, baik aspek sahsiah, tingkah laku, mahupun dalam tutur kata. Pendek kata, mereka merupakan pemimpin pelajar yang mempamerkan ciri-ciri kepemimpinan melalui teladan. Namun begitu, keberkesanan pengawas sekolah dalam menjaga disiplin pelajar mula dipersoalkan sejak akhir-akhir ini. Hal ini demikian kerana masalah disiplin di kalangan para pelaja tidak pernah berkurang. **Posted by aMeLiA at 4:46 PM 1 comments**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.4: Contoh Tajuk Penulisan Bebas Pelajar yang Bernama Eternal

Khamis, 2009 September 17

Kisah Kita

"Kasihku...sampai disini, kisah kita,,,jangan tangisi keadaannya..Dengarkan, dengarkan lagu, lagu ini...melodi rintikan hati ini...kisah kita berakhir di januari..." Lagu kegemaranku dimainkan di radio, tatapi rohku bagai terbang ke tempat lain. Apa yang kufikirkan ialah kenangan-kenangan manis antara saya dengannya.

Sudahpun tiga bulan dia meninggalkanku seorang dalam dunia yang kami "create"...Senyumannya, perlakuannya yang lucu, prihatinnya masih kekal dalam hatiku. Mungkin tiada sesiapa lagi di dunia ini yang begitu mengambil berat tentang perasaanku...Semua detik-detik akanku simpan dalam hatiku buat selama-lamanya.

Dia, seorang lelaki yang belajar dalam tingkatan tiga. Senyumannya sentiasa digantung pada mukanya yang kacak. Pada hari pertama kami berkenalan, saya telahpun tertarik terhadapnya. Tetapi, mulutnya celopar, asyik menyangkal apa yang saya cakap. Bertapa marahku...tetapi terdapat suatu perasaan yang aneh dalam hatiku...sedikit manis rasanya...munklin inilah "feel" yang sering mereka cakapkan.

Dicatat oleh eternal di 22:24 2 ulasan

Selain proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dilakukan melalui blog, pada blog kelas disertakan pautan ke laman suratkhabar *online* (contohnya: *Utusan Online dan Berita Harian Online*), blog kamus *online* (contohnya: Kamus Dewan) dan laman pembelajaran bahasa yang lain seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.8.



Rajah 5.8: Pautan ke Laman Pembelajaran Bahasa Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bernstein (2004): *Links make the difference. That's the lesson of Fagerjordian weblogs, which add a network of meaningful connections to extend and restructure weblogs into organis and lasting resources. From Channel Z to Fagerjord to Miller's remembrance agnet, rich linking is the new direction in weblog design.*

Rajah 5.9 merupakan aplikasi Arkib dan Kategori yang terdapat dalam laman blog. Kedua-dua ciri ini penting untuk mengorganisasikan hasil penulisan yang diterbitkan di dalam blog selepas satu jangka masa lama. Aplikasi ini penting untuk mengemaskinikan hasil penulisan yang diterbitkan agar mudah untuk merujuk kembali apa yang telah ditulis. Bernstein (2004) turut menyatakan bahawa:

> *Categories make a difference, by providing topical archives. That's important, because categories help isolate some posts of lasting value. But category pages just postpone the original weblog crisis, because eventually the category pages themselves fill up. Categories are great.*



Rajah 5.9: Arkib dan Kategori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah seorang pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan telah menulis tentang pandangannya apabila mendapat tahu dirinya telah terpilih untuk menggunakan blog dalam penulisan karangan. Penulisan pelajar yang bernama Eternal tentang perasaan dan pandangan tentang penulisan karangan dengan blog adalah seperti berikut:

Jadual 5.5: Pandangan Pelajar Penggunaan Komputer

Selasa, 2009 September 15

Emm...sebenar pada saat yang saya mendapat tahu bahawa saya dan beberapa rakan lain dari kelas saya telah dipilih untuk menulis karangan dalam blog, saya berasa sangat risau kerana saya ini sebenarnya tidak tahu apa-apa tentang komputer. Tiada pengalaman menulis blog, tiada alamat e-mel, tiada blog, tidak ada "face book"...mustahil saya dipilih...
Selepas saya menghadiri kelas penulisan dalam blog, saya mendapati ia amat berguna. Selain dapat meningkatkan tahap penulisan saya, saya juga dapat mempelajari tentang cara-cara menggunakan program-program komputer. Pada zaman yang canggih ini, orang yang tidak tahu menggunakan komputer dianggap sebagai orang pelik yang ketinggalan zaman. Lagipun, komputer merupakan pembantu yang baik bagi golongan pekerja. Tidak rugi kami belajarnya sajak kecil lagi.
Sekarang, saya berasa sangat rugi kerana pada umur 16 baru saya belajar sedikit ilmu tentang komputer sahaja. Bukannya tiada komputer di rumah, tetapi malas dan kononnya tiada orang mengajar saya untuk menggunakan.Tetapi kini, komputer telahpun menjadi kawan baik saya, sehari tak menggunakannya, rasa semacam sahaja...haha..

Dicatat oleh eternal

Melalui hasil penulisan pelajar tentang penggunaan komputer dalam pembelajaran mendapati bahawa ramai lagi pelajar tidak tahu memanfaatkan komputer untuk pembelajaran walaupun mereka mengetahui kepentingan memiliki kemahiran untuk menggunakan komputer pada masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Dapatan berhubung dengan Persepsi Pelajar tentang Penulisan Karangan

Dapatan kajian tentang persepsi pelajar ini diperoleh daripada pentadbiran borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu persepsi pelajar terhadap penulisan karangan yang meliputi 4 konstruk utama iaitu Penggunaan Bahasa, Masalah Yang Dihadapi, Kepentingan Penulisan dan Komen tentang penulisan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5.6 dan persepsi pelajar tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan. Borang soal selidik bahagian pertama iaitu persepsi pelajar terhadap penulisan karangan menggunakan skala Likert 5 mata iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Setuju, Setuju dan Sangat Setuju manakala soalan tentang penggunaan blog berbentuk fakta (Ya atau Tidak). Soal selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai alfa Cronbach .83.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.6: Taburan Konstruk dan Bilangan Soalan dalam Soal Selidik

Bil	Konstruk	No. Item	Bilangan Item
I	Penggunaan Bahasa	12,14,21,24,25,26	6
II	Masalah Yangd Dihadapi	7,8,11,19,27,28,29,30,32	9
III	Kepentingan penulisan	6,10,16,31	4
IV	Komen tentang penulisan	9,13,15,17,18,20,22,23	8
	Jumlah		27

5.3.1 Penggunaan Bahasa

Persepsi pelajar tentang penggunaan bahasa ditunjukkan pada Jadual 5.7. Analisis persepsi pelajar-pelajar kumpulan rawatan terhadap konstruk penggunaan bahasa dalam Bahasa Melayu mendapati bahawa sebelum menggunakan blog sebanyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

40.5% pelajar bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah mengeja sesuatu perkataan tetapi selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan didapati 28.6% pelajar berpendapat mereka menghadapi masalah untuk mengeja.

Jadual 5.7: Penggunaan Bahasa

Item-Item Konstruk Penggunaan Bahasa	PRA		PASCA		BEZA (+/-)
	Setuju		Setuju		
	Jum	%	Jum	%	%
1.Saya menghadapi masalah untuk mengeja sesuatu perkataan	17	40.5	12	28.6	-11.9
2.Penggunaan tanda bacaan yang betul penting dalam penulisan karangan	28	66.7	6	14.3	-52.4
3.Ketika menulis, saya lebih mementingkan struktur ayat yang betul daripada isi karangan	15	35.7	12	28.6	-7.1
4.Ketika menulis, saya akan memastikan ayat saya adalah betul	23	54.8	27	64.3	9.5
5.Saya tidak menghadapi masalah menggunakan tanda bacaan ketika menulis karangan	12	28.6	18	42.9	14.3
6.Saya tidak melakukan kesalahan ejaan yang banyak	12	28.6	16	38.1	9.5

Hal ini disebabkan dalam blog disediakan "Kamus Dewan *Online"* yang membolehkan pelajar menyemak ejaan sesuatu perkataan. Bilangan pelajar yang mengatakan bahawa mereka tidak banyak melakukan kesalahan ejaan juga bertambah daripada 28.6 % ke 38.1%. Hal ini kerana dalam komen guru ada mengatakan kesilapan ejaan sama ada kesilapan itu berpunca daripada kesilapan menaip atau kerana kesilapan mengeja ditunjukkan dalam hasil penulisan karangan pelajar dalam blog.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis deskriptif juga menunjukkan bahawa sebelum menggunakan blog, sebanyak 66.7% pelajar kumpulan rawatan berpendapat bahawa penggunaan tanda bacaan yang betul penting dalam penulisan karangan tetapi selepas kajian hanya 14.3% pelajar yang berpendapat penggunaan tanda bacaan yang betul penting dalam penulisan karangan. Hal ini selaras dengan pandangan bahawa mereka menghadapi masalah menggunakan tanda bacaan ketika menulis karangan sebelum menggunakan blog. Sebanyak 28.6% yang berpendapat mereka tidak menghadapi masalah menggunakan tanda bacaan walau bagaimanapun peratus ini telah bertambah kepada 42.9% yang berpendapat mereka tidak menghadapi masalah menggunakan tanda bacaan ketika menulis karangan.

Pelajar-pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan berpendapat bahawa pembinaan ayat yang betul penting dalam penulisan karangan dengan 64.3% pelajar yang berpendapat begitu daripada 54.8% sebelum menggunakan blog dalam penulisan karangan. Di samping itu, 35.7% pelajar bersetuju bahawa mereka lebih mementingkan struktur ayat yang betul daripada isi karangan sebelum menggunakan blog dalam penulisan karangan, dan angka ini telah menurunkan ke 28.6%. Hal ini kerana dalam penggunaan blog, keupayaan dan kemampuan pelajar menyampaikan isi karangan adalah lebih penting daripada ayat yang betul.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa selepas menggunakan blog dalam penulisan, pelajar kurang menghadapi masalah ejaan dan tidak menghadapi masalah dalam penggunaan tanda bacaan. Manakala tentang struktur ayat pula, walaupun bilangan pelajar yang mengatakan bahawa mereka lebih mementingkan struktur ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada isi karangan berkurang tetapi bilangan pelajar yang mengatakan bahawa mereka akan memastikan struktur ayat mereka betul meningkat. Galina (2006) dalam kajiannya mendapati bahawa apabila pelajar diminta menilai kemahiran bahasa mereka sendiri, tidak ada seorang pelajar pun yang memberikan gred cemerlang dalam aspek penulisan iaitu 18% mengatakan Sangat Baik, 41% mengatakan Baik dan 41% tahap Serdehana. Dalam ujian kosa kata pula, yang mengatakan Sangat Baik 29%, Baik 29% dan Sederhana adalah 42%.

5.3.2. Kepentingan Penulisan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kumpulan rawatan berpendapat bahawa penulisan karangan adalah penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Seramai 71.4% pelajar berpendapat bahawa penulisan karangan adalah penting sebelum menggunakan blog dalam penulisan karangan manakala peratusan ini meningkat ke 76.2% setelah menggunakan blog dalam penulisan karangan. Pelajar juga berpendapat bahawa penulisan karangan dapat membantu menguasai Bahasa Melayu yang mana ini dapat dilihat daripada peningkatan peratus dari 61.9% ke 78.6%. Manakala bagi item markah karangan mempengaruhi pencapaian dalam Bahasa Melayu pula peratusnya meningkat dari 61.9% ke 76.2%. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam item menulis dengan banyak dapat membaiki penulisan. Ini ditunjukkan dengan peratusan yang menurun daripada 64.3% ke 57.1%. Salah satu sebab mengapa pelajar mempunyai persepsi tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah disebabkan Program Karangan Seratus yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri yang mengkehendaki pelajar untuk menyalin 100 buah karangan contoh dalam buku karangan mereka. Pelajar telah banyak menulis tetapi bukan menulis karangan mereka sendiri tetapi menyalin contoh karangan sebanyak 100 buah. Oleh sebab itu, persepsi pelajar bahawa menulis banyak membaiki hasil penulisan menurun. Jadual 5.8 menunjukkan persepsi pelajar tentang kepentingan penulisan karangan.

Jadual 5.8: Kepentingan Penulisan Karangan

Item-Item Kepentingan Penulisan Karangan	PRA		PASCA		BEZA (+/-)
	Setuju		Setuju		
	Jum	%	Jum	%	%
1. Penulisan karangan adalah penting	30	71.4	32	76.2	4.8
2. Penulisan karangan dapat membantu saya menguasai Bahasa Melayu.	26	61.9	33	78.6	16.7
3. Markah karangan akan mempengaruhi pencapaian saya dalam Bahasa Melayu.	26	61.9	32	76.2	14.3
4. Menulis dengan banyak dapat membaiki hasil penulisan saya.	27	64.3	24	57.1	-7.2

Carpeton (2006) dalam Prakata "*The National Commission on Writing" bertajuk Words Have No Borders: Students Voices on Immigration, Language and Culture* mengatakan bahawa:

> *In "The Neglected 'R': The Need for A Writing Revolution," the report issued by the Commission in 2003, we stated: "If students are to make knowledge their own, they must struggle with the details, wrestle with the facts, and rework raw information and dimly understood concepts into*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

language they can communicate to someone else. In short, if students are to learn, they must write."

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh *The Pew Internet & American Life Project and National Commission on Writing* (2008) untuk mengetahui pandangan remaja dan ibu bapa terhadap peranan dan impak penulisan dengan menggunakan teknologi di sekolah dan di luar kawasan sekolah melaporkan bahawa, 86% remaja percaya bahawa penulisan yang baik penting untuk berjaya dalam hidup. Remaja banyak menulis, tetapi mereka tidak menganggap penulisan mereka dalam emel, penulisan teks dan sistem pesanan ringkas (sms) sebagai penulisan. Perkara ini disebabkan remaja percaya bahawa penulisan yang baik adalah kemahiran yang penting untuk berjaya dan lebih banyak pengajaran penulisan di sekolah dapat membantu mereka.

Laporan itu juga mengatakan bahawa 47% penulis blog remaja menulis di luar kawasan sekolah beberapa kali seminggu atau lebih untuk tujuan peribadi berbanding dengan remaja yang tidak menulis blog. 65% penulis blog remaja percaya bahawa penulisan adalah penting untuk berjaya dalam kehidupan pada masa depan, 53% pelajar yang tidak menulis blog juga berpendapat begitu. Laporan ini juga mengatakan bahawa seramai 98% remaja faham bahawa keupayaan mereka menulis secara berkesan akan memberi kesan kepada prospek masa depan mereka. Umumnya, pelajar-pelajar mempunyai persepsi bahawa penulisan karangan adalah penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Masalah Yang Dihadapi

Pelajar kumpulan rawatan berpendapat bahawa mereka menghadapi masalah ketika menulis karangan. Hasil daripada analisis deskriptif mendapati bahawa hanya 23.8% pelajar bersetuju bahawa mereka tidak menghadapi masalah ketika menulis karangan dan bilangan ini berkurang ke 11.9%. Hal ini adalah kerana penulisan karangan dengan menggunakan blog adalah terbuka kepada bacaan umum. Oleh sebab itu, bilangan pelajar yang mengatakan bahawa mereka menghadapi masalah dalam penulisan menurun kerana mereka menghasilkan penulisan yang berkualiti dalam blog. Sebanyak 21.4% pelajar tidak memerlukan bantuan dalam penulisan sebelum menggunakan blog dan bertambah ke 26.2% selepas menggunakan blog. Hal ini pula adalah disebabkan pelajar memerlukan bimbingan dan bantuan dalam menggunakan blog dalam penulisan karangan yang merupakan satu platform baharu penulisan karangan. Bantuan dan bimbingan adalah berkait dengan cara menerbitkan hasil karangan dalam blog.

Sebelum menggunakan blog seramai 28.6% pelajar bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah untuk memulakan ayat yang pertama, angka ini meningkat ke 45.2% selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan. 47.6% pelajar berharap mereka mempunyai masa yang lebih ketika menulis di sekolah sebelum menggunakan blog dan peratusan ini meningkat kepada 50% setelah menggunakan blog. Antara sebabnya ialah pelajar kurang mahir untuk menaip dan memerlukan masa untuk menaip karangan mereka untuk diposkan ke dalam blog mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum menggunakan blog, seramai 40.5% pelajar kumpulan rawatan berpendapat bahawa adalah sukar bagi mereka menumpukan perhatian terhadap isi dan bahasa ketika menulis. Selepas menggunakan blog, 31.0% pelajar yang mengatakan bahawa mereka sukar menumpukan perhatian terhadap isi dan bahasa ketika menulis. Pelajar adalah bebas untuk memilih tajuk penulisan karangan mereka dalam blog, jadi pelajar tidak hanya menulis tajuk yang telah ditetapkan oleh guru.

Pelajar perlu berfikir lama ketika hendak mula menulis. Sebelum menggunakan blog, seramai 47.6% pelajar mengatakan bahawa mereka perlu berfikir lama ketika hendak mula menulis, angka ini meningkat ke 59.5% selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan. Hal ini adalah disebabkan karangan yang ditulis oleh pelajar dapat dibaca oleh sesiapa sahaja yang berkunjung ke laman blog pelajar. Oleh sebab itu, pelajar didapati perlu berfikir lama ketika hendak menulis kerana ingin memastikan penulisannya tidak mengandungi kesilapan dan kesalahan yang banyak.

Pelajar masih menghantar buku karangan walaupun menggunakan blog dalam penulisan karangan. Didapati sebelum dan selepas menggunakan blog, pandangan pelajar tetap sama iaitu seramai 21.4% pelajar yang bersetuju bahawa mereka menghantar buku karangan tepat pada masanya. Semasa menulis karangan dalam buku karangan, pelajar kurang membuat rujukan. Penulisan mereka banyak bergantung kepada pengetahuan sedia ada dan perbincangan dengan rakan sebaya atau bimbingan daripada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulisan karangan melibatkan pembinaan ayat yang betul dan gramatis, seramai 31.0% pelajar kumpulan rawatan berpendapat bahawa membina ayat yang betul adalah masalah utama dalam penulisan karangan mereka. Bilangan ini bertambah sedikit kepada 33.3%. Pelajar dipengaruhi oleh struktur ayat bahasa ibunda yang menyebabkan membina ayat yang betul menjadi masalah utama mereka dalam penulisan karangan.

Masalah yang dihadapi ini sebenarnya dapat diatasi dengan menggunakan blog dalam penulisan karangan kerana blog memberikan kebebasan kepada pelajar untuk menulis, namun masih tetap diselia oleh guru. Di samping itu juga, tidak ada penetapan masa untuk menulis serta blog memberikan bantuan kepada pelajar menerusi pelbagai sumber pembelajaran yang terdapat dalam laman web.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulisan karangan menggunakan blog memberikan motivasi kepada pelajar untuk menulis dan memenuhi kehendak dan keperluan pelajar dalam penulisan sebagaimana kajian yang dijalankan oleh *The Pew Internet & American Life Project and National Commission on Writing* (2008), yang mendapati bahawa jika remaja meluangkan masa dan tenaga untuk membuat kerja sekolah, mereka mahu kerja sekolah yang mereka minati dan berkaitan dengan diri mereka. Remaja juga didapati bermotivasi apabila penulisan mereka boleh memberikan kesan luas seperti berkongsi secara terbuka di dalam kelas, secara peribadi, dalam bentuk cetakan, atau di dalam internet. Hakikatnya, remaja memberikan respon yang positif terhadap penerbitan dan persembahan hasil kerja mereka kepada pembaca. Cuma pelajar perlu membiasakan diri dan meningkatkan kemahiran menaip agar dapat menulis karangan dengan lebih lancar menerusi blog.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.9: Masalah Yang Dihadapi

Item-Item Masalah Yang Dihadapi	PRA		PASCA		BEZA (+/-)
	Setuju		Setuju		
	Jum	%	Jum	%	%
1.Saya tidak menghadapi masalah ketika menulis karangan	10	23.8	5	11.9	-11.9
2.Saya dapat menulis dengan lancar tanpa banyak bantuan	9	21.4	11	26.2	4.8
3.Saya menghadapi masalah memulakan ayat yang pertama	12	28.6	19	45.2	16.6
4.Saya berharap saya mempunyai masa yang lebih ketika menulis di sekolah	20	47.6	21	50.0	2.4
5.Adalah sukar untuk saya menumpukan perhatian terhadap isi dan bahasa ketika menuils	17	40.5	13	31.0	-9.5
6.Saya perlu berfikir lama ketika hendak mula menulis	20	47.6	25	59.5	11.9
7. Saya dapat menulis dalam masa yang ditetapkan.	18	42.9	14	33.3	-9.6
8.Saya menghantar buku karangan tepat pada masanya	9	21.4	9	21.4	0
9.Membina ayat yang betul adalah masalah utama dalam penulisan karangan saya	13	31.0	14	33.3	2.3

5.3.4 Komen tentang Penulisan Karangan

Komen pelajar-pelajar kumpulan rawatan tentang penulisan karangan didapati agak berbeza. Jika sebelum penggunaan blog dalam penulisan karangan, sebanyak 45.2% pelajar berpendapat bahawa penulisan karangan adalah membosankan, tetapi selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan pelajar-pelajar kumpulan rawatan berpandangan bahawa penulisan karangan adalah membosankan hanya 31.0% iaitu berkurang sebanyak 14.2%. Penulisan karangan dengan menggunakan blog membolehkan pelajar memasukkan grafik dan mewarnakan teks mereka serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan pelbagai fon tulisan. Hasil penulisan mereka juga menjadi kemas bagi pelajar yang mempunyai tulisan yang kurang kemas di samping penulisan karangan mereka menjadi lebih menarik.

Sebelum menggunakan blog, sebanyak 61.9% pelajar berpendapat bahawa mereka memerlukan ilham ketika hendak menulis karangan dan angka ini menurun ke 50.0% apabila menggunakan blog. Begitu juga dengan item menulis karangan dengan menggunakan komputer, sebelum penggunaan blog didapati hanya 33.3% pelajar yang suka menulis karangan menggunakan komputer tetapi selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan didapati bilangannya telah bertambah ke 52.4%.

Bagi item suka menulis karangan di sekolah, pencapaian karangan dan suka menulis pada masa lapang, dan berbincang dengan rakan-rakan semasa menulis karangan menunjukkan penurunan iaitu penurunan sebanyak 4.7% untuk suka menulis karangan di sekolah, penurunan sebanyak 11.9% untuk suka menulis pada masa lapang dan 7.1% untuk berbincang dengan rakan-rakan semasa menulis karangan. Keadaan ini disokong oleh dapatan kajian oleh *The Pew Internet & American Life Project and National Commission on Writing* bahawa pelajar tidak menulis di sekolah melainkan diminta untuk berbuat begitu.

Walau bagaimanapun, dalam kajian *The Pew Internet & American Life Project and National Commission on Writing* (2008) mendapati remaja suka menulis, kebanyakan laporan menyatakan bahawa tugasan menulis di sekolah adalah sukar, tetapi mereka berasa puas apabila penulisan mereka itu dihargai kerana menunjukkan bahawa mereka mampu menyampaikan idea secara berkesan dan cekap. Bilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang suka menulis karangan di sekolah hanyalah sebanyak 19.0% sebelum menggunakan blog dalam penulisan dan 14.3% selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan.

Penulisan karangan di sekolah adalah terlalu formal dan pelajar kurang diberi masa untuk berbincang dan merancang penulisan karangan. Pada kebiasaannya, guru-guru akan membincangkan isi-isi karangan dan meminta pelajar menulis karangan tanpa memberikan peluang kepada pelajar untuk berbincang tentang cara penulisan karangan yang baik dari segi teknik dan taktik yang boleh digunakan. Penulisan karangan di dalam kelas lebih mementingkan isi karangan yang mampu dijana oleh pelajar. Hal ini disokong oleh persepsi pelajar bahawa mereka menghadapi masalah untuk memberikan perhatian terhadap isi dan bahasa ketika menulis dalam konstruk Masalah Yang Dihadapi. Jadual 5.10 menunjukkan komen pelajar tentang penulisan karangan.

Jadual 5.10: Komen tentang Penulisan Karangan

Item-Item Komen tentang Penulisan Karangan	PRA		PASCA		BEZA (+/-)
	Setuju		Setuju		
	Jum	%	Jum	%	%
1. Menulis karangan adalah membosankan.	19	45.2	13	31.0	-14.2
2. Saya suka menulis karangan di sekolah.	8	19.0	6	14.3	-4.7
3. Pencapaian penulisan karangan saya adalah baik.	9	21.4	8	19.0	-2.4
4. Saya suka menulis pada masa lapang.	8	19.0	3	7.1	-11.9
5. Saya selalu berbincang dengan rakan-rakan semasa menulis karangan	15	35.7	12	28.6	-7.1
6. Saya memerlukan ilham ketika hendak menulis.	26	61.9	21	50.0	-11.9
7. Saya suka menulis menggunakan komputer.	14	33.3	22	52.4	19.1
8. Saya perlu mencari bahan untuk membantu saya menulis	23	54.8	24	57.1	2.3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5 Persepsi Pelajar tentang Penggunaan Blog dalam Penulisan Karangan

Pelajar dalam kumpulan rawatan iaitu pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan diminta menyatakan persepsi mereka tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan. Borang soal selidik dengan 10 item soalan berbentuk fakta (Ya atau Tidak) dan satu ruang terbuka disediakan agar pelajar bebas menyatakan pandangan mereka tentang penggunaan blog dalam penulisan seperti dalam Jadual 5.11.

Jadual 5.11: Persepsi tentang Penulisan Karangan Menggunakan Blog

Soalan	Pernyataan	Ya		Tidak	
		Bil	%	Bil	%
1	Adakah anda berasa mudah untuk membina blog menggunakan Blogger.com	31	73.8	21	26.2
2	Adakah anda bersetuju bahawa blog adalah alat yang berguna untuk anda berkongsi idea dengan orang lain di dunia siber?	37	88.1	5	11.9
3	Adakah anda suka menggunakan blog dalam penulisan karangan Bahasa Melayu	29	69.0	13	31.0
4	Adakah anda menjemput kawan dan rakan sedarjah anda untuk membaca blog anda?	12	28.6	30	71.4
5	Adakah kawan dan rakan sedarjah anda menghantar komen dalam blog anda?	19	45.2	23	54.8
6	Adakah anda bersetuju bahawa penulisan artikel anda dalam blog adalah idea yang baik?	33	78.6	9	21.4
7	Adakah anda berasa penggunaan blog boleh membantu anda dalam penulisan karangan Bahasa Melayu anda?	34	81.0	8	19.0
8	Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan blog dalam kelas Bahasa Melayu adalah idea yang baik?	32	76.2	10	23.8
9	Ketika menulis artikel untuk blog anda, adakah anda merujuk kepada kamus atau menanya orang lain apabila anda tidak tahu bagaimana menyatakan idea anda dalam Bahasa Melayu?	29	69.0	13	31.0
10	Adakah anda akan terus menggunakan blog dalam penulisan karangan Bahasa Melayu?	33	78.6	9	21.4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan *Blogger.com* untuk pembangunan blog hasil daripada tinjauan literatur yang dilakukan telah memudahkan proses pembinaan blog oleh pelajar-pelajar. Seramai 73.8% pelajar berpendapat adalah senang menggunakan Blogger.com untuk membina blog. Tinjauan yang dibuat oleh Wu (2005) juga mendapati seramai 66% pelajarnya berasa senang membina blog dengan menggunakan perkhidmatan *Blogger.com*. 69.0% pelajar suka menggunakan blog dalam penulisan karangan Bahasa Melayu dan 81.0% pelajar berasa penggunaan blog boleh membantu mereka dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. 76.2% pelajar berpendapat bahawa penggunaan blog dalam kelas Bahasa Melayu adalah idea yang baik. Dickey (2004), mendapati bahawa semua pelajar yang ditemu bual mempunyai pandangan yang positif terhadap penggunaan blog.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Secara umumnya, pelajar mempunyai pandangan yang positif tentang penggunaan blog dalam penulisan karangan. Pelajar-pelajar didapati kurang menjemput kawan dan rakan sedarjah untuk membaca blog mereka, hanya 28.6% berbuat demikian. Dapatan yang sama diperoleh oleh Wu (2005) yang mana dalam kajiannya, hanya 32% pelajarnya yang menjemput rakan sedarjah untuk membaca blog mereka. Antara alasan yang diberi adalah tidak yakin untuk berkongsi idea dengan rakan dan berasa artikel yang dipos dalam blog tidak cukup baik.

Di samping itu, hanya 45.2% pelajar menyatakan bahawa rakan sedarjah mereka menghantar komen dalam blog mereka. Keadaan ini juga berlaku dalam kajian yang dibuat oleh Armstrong et al., (2004) yang mendapati bahawa walaupun peluang untuk berkomunikasi antara satu sama lain diwujudkan, tidak ada pelajar yang menggunakan aplikasi "komen" dalam blog. Pelajar berpuas hati hanya sekadar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memaparkan apa yang telah dipelajari oleh mereka kepada pelajar lain tanpa berbicara antara satu sama lain. Kajian oleh Chan dan Ridgway (2006) tentang presepsi pelajar terhadap penggunaan blog dalam TESL (*Teaching English As Second Language*) menjelaskan bahawa salah satu sebab pelajar menyatakan blog kurang mesra pengguna disebabkan sifat blog yang terbuka kepada capaian umum; pelajar dalam budaya hidup orang Cina adalah tidak biasa menyatakan pendapat mereka di dalam kelas apatah lagi di khalayak ramai.

Selain itu, pelajar berpendapat penggunaan blog dalam penulisan adalah idea yang baik, dan dapat membantu mereka dalam penulisan karangan Bahasa Melayu iaitu sebanyak 81%. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Song dan Chan (2008) iaitu seramai 57.8% pelajar mengatakan bahawa mereka suka menggunakan blog sebagai satu kaedah pembelajaran. Begitu juga dengan dapatan Galina (2006) dalam soal selidik yang ditadbirkan menyokong dapatan kajian yang dijalankan iaitu 82% bersetuju dan sangat bersetuju bahawa penulisan dan penerbitan dalam talian adalah berguna. Begitu juga untuk item penulisan karangan dalam talian. Kajian oleh Wu (2005) juga mendapati bahawa 85% pelajarnya percaya penghantaran artikel dalam blog adalah idea yang baik.

Sebanyak 69.0% pelajar mengatakan bahawa mereka akan merujuk kamus atau menanya orang lain apabila mereka tidak tahu bagaimana menyatakan idea mereka dalam Bahasa Melayu. Kajian Wu (2005) mendapati 91% pelajarnya mengatakan bahawa mereka akan merujuk kamus dan menanya kepada orang lain. Sebanyak 78.6% pelajar yang mengatakan bahawa mereka akan terus menggunakan blog dalam penulisan karangan. Namun begitu, terdapat pelajar yang tidak begitu suka akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan blog dalam penulisan karangan iaitu sebanyak 31%. Hal ini disebabkan mereka mempunyai masalah untuk menaip karangan dengan papan kekunci berbanding dengan menulis dengan pen dan kertas yang didapati lebih pantas daripada menaip. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Williams dan Jacobs (2004) iaitu dua pertiga daripada peserta bersetuju bahawa MBA (Master of Business Adminstration) blog membantu pembelajaran mereka hanya 12% tidak bersetuju. Kajian oleh Campbell (2003) mendapati pelajar mengakui nilai blog dalam menyediakan peluang untuk pembelajaran tetapi mereka rata-rata mengatakan bahawa mereka kurang mempunyai masa untuk memanfaatkan penggunaan blog dalam pembelajaran. Kajian Arani (2005) mendapati dua pertiga daripada 40 orang pelajar lebih suka menulis dalam blog daripada penulisan konvensional; kebanyakan pelajar percaya bahawa blog boleh meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka; 15 orang pelajar mengatakan bahawa mereka pasti akan terus menggunakan blog.

Dalam kajian oleh Tekinarslan (2008) tentang pengalaman pelajar sarjana muda dalam penggunaan blog, kebanyakan pelajarnya mengatakan bahawa blog membantu mereka dalam penulisan, pencarian maklumat, kemahiran membuat tinjauan literatur, juga aplikasi blog yang mudah digunakan, dan mudah untuk menghantar tugasan secara elektronik. Di samping itu, apabila ditemu bual, pelajar mengatakan penggunaan blog banyak menyumbang kepada kemahiran menulis. Terdapat sebilangan pelajar mengatakan bahawa menghantar tugasan melalui blog menggalakkan mereka untuk lebih bertanggungjawab dalam penyediaan tugasan yang lebih berkualiti kerana tugasan mereka boleh dibaca oleh sesiapa sahaja di dunia ini. Pandangan yang lebih kurang sama dengan pandangan yang dikemukakan oleh responden kajian seperti yang ditunjukkan di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden Kajian 1:

Pada pendapat saya, penggunaan blog dalam kelas penulisan karangan Bahasa Melayu sangat sesuai. Malah, ia boleh digunakan sebagai salah satu kaedah dalam pengajaran Bahasa Melayu. Dari blog yang pernah saya lawati, saya dapat mengenali format terbaru, perkataan terbaru, soalan-soalan novel dan komsas. Saya dapat belajar lebih melalui penggunaan blog dan melawati blog serta laman web yang berkenaan. Kesimpulannya, saya berharap bahawa penggunaan blog boleh digunakan dalam pembelajaran Bahasa.

Responden Kajian 2:

Saya sangat gembira, kerana cikgu saya mengajar saya membina blog untk penulisan karangan Bahasa Melayu di dalam sekolah bilik komputer. Apabila saya menulis blog dapat menulis dengan lancar tanpa banyak bantuan, boleh mendapat banyak ilmu dan perkataan Bahasa Melayu. Selain itu, boleh membincangkan kawan-kawan blog dan memberi komen yang baik memberi kawan-kawan. Menulis blog dapat membantu saya menguasai Bahasa Melayu.

Responden Kajian 3:

Saya telah pelajari pelbagai perkataan yang menarik. Saya semakin suka menulis blog. Setiap minggu saya akan menulis dalam blog saya sekurang-kurangnya satu kali. Saya juga menghadapi beberapa masalah untuk mengguna perkataan yang betul, dan saya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> belajar menggunakan kamus on-line. Blog adalah sebuah idea yang baik dan canggih untuk menulis karangan. Saya berharap pada suatu hari nanti, pengetua akan memaklumkan wajar untuk menulis blog (ha-ha).

Selain itu, responden kajian dalam Tekinarslan (2008) juga melahirkan pandangan tentang kesulitan yang dihadapi dengan penggunaan blog dalam pembelajaran. Antaranya, peluang untuk mengakses internet di luar kampus. Sebilangan besar pelajar mengadu bahawa tugasan berbentuk elektronik atau digital seperti blog adalah tidak memudahkan pelajar yang tidak mempunyai peluang yang mencukupi untuk mengakses komputer di luar makmal komputer. Manakala sampel kajian penggunaan blog dalam penulisan karangan Bahasa Melayu mempunyai pandangan yang agak berbeza, mereka lebih menyatakan masalah seperti sensitiviti, masalah menatap lama pada skrin komputer dan sudah biasa dengan kaedah penulisan karangan menggunakan kertas dan pen. Pandangan responden kajian disertakan di bawah.

Responden Kajian 4:

> Penggunaan blog untuk menulis karangan merupakan cara yang baik kerana kelihatan kemas. Tetapi, saya tidak begitu suka kerana mata saya akan sakit dan juga penat jika saya menggunakan komputer dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, saya perlu berwaspada ketika menulis blog. Kata-kata dan ayat-ayat yang sensitif terhadap agama dan budaya perlu dielakkan ketika menggunakan blog. Namun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

saya dapat mendapat cara penggunaan bahasa, perkataan, sambungan ayat melalui membaca blog rakan saya.

Responden Kajian 5:

Agak sukar untuk menulis karangan dalam blog kerana tidak boleh mengguna komputer ketika hari sekolah. Menulis blog memang berasa seronok apabila orang lain memberi komen kepada saya, tetapi agak sukar untuk menaip perkataan-perkataan satu demi satu daripada menulis. Tulis satu karangan pun menghabiskan masa saya selama 1 jam.

Responden Kajian 6:

Saya lebih suka menulis karangan dalam kertas kerana lebih mudah dan sudah biasa dengan cara menulis karangan ini.

Kesimpulannya, penggunaan blog mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar berpendapat penggunaan blog dalam penulisan karangan boleh membantu mereka dalam penguasaan Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, pelajar suka dan mempunyai persepsi yang positif terhadap penulisan karangan dengan menggunakan blog. Di samping itu, kebanyakan pelajar mengatakan bahawa mereka akan terus menggunakan blog dalam penulisan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Keberkesanan Penggunaan Blog dalam Penulisan Karangan

Dapatan kajian pada bahagian ini adalah dapatan yang diperoleh untuk menjawab dua hipotesis kajian berhubung dengan keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan terhadap pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis pelajar. Hipotesis kajian yang dijawab adalah seperti berikut:

Hipotesis Kajian

Hipotesis Alternatif

H_{A1}: Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian markah karangan pelajar-pelajar bukan Melayu yang menggunakan blog dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

HA2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran menulis (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) pelajar yang menggunakan blog dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

Hipotesis Nol

H_{01}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian markah karangan pelajar yang menggunakan blog dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{02}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran menulis (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) pelajar yang menggunakan blog dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

5.4.1 Penilaian Keberkesanan Penggunaan Blog terhadap Pencapaian Markah Karangan

Penilaian hipotesis pertama melibatkan ujian-*t* untuk dua kumpulan responden tak bersandar (*Independent Sampels-Test*) dalam menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan kawalan dan rawatan dari segi pencapaian markah karangan, diukur dengan menggunakan markah ujian pasca karangan pelajar kumpulan kawalan dan rawatan. Dalam menganalisis data, aras signifikan .05 ($p < .05$) ditetapkan iaitu membenarkan ralat sebanyak 5%, sesuai dengan statistik inferens dalam kajian sains sosial. Ujian kesignifikanan digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara min markah karangan pelajar kawalan dan rawatan untuk menjawab hipotesis kajian seperti berikut:

Hipotesis Kajian

Hipotesis Nol

H_{01}: Tidak terdapat perbezaan signifikan min pencapaian markah karangan pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. $\mu_1 = \mu_2$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis Alternatif

H_{A1}: Terdapat perbezaan signifikan min pencapaian markah karangan pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. $\mu_1 \neq \mu_2$ (tanpa arah – ujian dua-hujung)

Sebelum menjalankan penilaian terhadap hipotesis kajian, analisis dibuat untuk memastikan bahawa pencapaian markah karangan dalam kumpulan kawalan adalah tidak berbeza dengan pencapaian markah karangan dalam kumpulan rawatan sebelum penggunaan blog dalam penulisan karangan dijalankan. Analisis dengan menggunakan ujian-*t* untuk dua kumpulan sampel tak bersandar (*Independent Samples Test*) terhadap pencapaian markah pelajar dalam ujian pra dilakukan. Keputusan penilaian pencapaian min markah karangan pelajar dalam ujian pra ditunjukkan pada Jadual 5.12:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.12: Penilaian Pencapaian Min Markah Karangan Pelajar (PRA KAJIAN)

	Ujian Pra	N	Mean	Std Dev.	Std. Error of Mean
Pencapaian Markah Karangan	Kumpulan Kawalan	42	29.55	15.396	2.376
	Kumpulan Rawatan	42	29.05	17.008	2.624

Levene's Test Equality of Variances	*t*-test for Equality of Means					
Pencapaian Markah Karangan	F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Std. Error
	0.167	0.684	0.141	82	0.888	3.540

*p<.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian –*t* untuk dua kumpulan tidak bersandar (*Independent Samples-t test)* dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian markah karangan pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum kajian dijalankan. Pelajar kumpulan kawalan merupakan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional dalam penulisan karangan manakala pelajar kumpulan rawatan menggunakan blog dalam penulisan karangan. Hasil penilaian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian min markah karangan pelajar kumpulan rawatan (M=29.05, SD=17.008) dengan pelajar kumpulan kawalan (M=29.55, SD=15.396), dengan *t* (82) = 0.141, *p* =0.888. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian markah karangan pelajar kumpulan kawalan dengan pelajar kumpulan rawatan. Dengan ini, terbukti bahawa tidak terdapat perbezaan min pencapaian markah karangan pelajar kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan sebelum kajian dijalankan.

Seterusnya penilaian dibuat terhadap pencapaian markah karangan dalam ujian pasca untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang telah menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. Keputusan ditunjukkan pada Jadual 5.13

Keputusan Ujian –*t* untuk dua kumpulan sampel tidak bersandar (*Independent Samples-t test*) mendapati terdapat perbezaan pencapaian markah karangan pelajar kumpulan rawatan (M=40.86, SD=22.57) dan pelajar kumpulan kawalan (M=29.45, SD=19.14), dengan *t* (82) = -2.483, *p* =0.015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.13: Penilaian Pencapaian Markah Karangan (PASCA KAJIAN)

	Ujian Pasca	N	Mean	Std Dev.	Std. Error of Mean
Pencapaian Markah Karangan	Kumpulan Kawalan	42	29.45	19.416	2.996
	Kumpulan Rawatan	42	40.86	22.570	3.483

	Levene's Test Equality of Variances		*t-test for Equality of Means*			
Pencapaian Markah Karangan	F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Std. Error
	2.100	0.151	-2.483	82	0.015	4.594

*p<.05

Keputusan menunjukkan bahawa terdapat kesan penggunaan blog terhadap pencapaian markah karangan pelajar kumpulan rawatan. Pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan mempunyai pencapaian markah yang lebih baik daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. Kajian Fredig et al., (2007) juga mendapati bahawa penggunaan blog secara kolaborasi membantu meningkatkan sikap pelajar terhadap penulisan, motivasi untuk menulis, kualiti dan kuantiti penulisan pelajar meningkat.

5.4.2 Penilaian Keberkesanan Penggunaan Blog dalam Aspek Kemahiran Menulis

Sebelum menjalankan penilaian terhadap hipotesis kajian, analisis dibuat untuk memastikan bahawa kemahiran menulis pelajar dalam kumpulan kawalan adalah tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbeza daripada pelajar dalam kumpulan rawatan. Analisis menggunakan ujian-*t* untuk dua kumpulan sampel tak bersandar (*Independent Smaples Test*) terhadap kemahiran menulis pelajar dalam ujian pra dilakukan. Kemahiran menulis yang dimaksudkan ialah kemahiran membina ayat yang gramatis (ayat), ejaan yang betul (ejaan) dan penggunaan tanda bacaan yang sesuai (tanda bacaan). Analisis dibuat terhadap tiga aspek kemahiran menulis seperti yang telah dinyatakan. Keputusan ditunjukkan pada Jadual 5.14.

Jadual 5.14: Penilaian Kemahiran Menulis Pelajar (PRA KAJIAN)

Ujian Pra		N	Mean	Std Dev.	Std. Error of Mean
Ayat	Kumpulan Kawalan	42	12.21	5.715	0.882
	Kumpulan Rawatan	42	12.57	5.204	0.803
Ejaan	Kumpulan Kawalan	42	3.40	2.430	0.375
	Kumpulan Rawatan	42	2.38	3.987	0.612
Tanda bacaan	Kumpulan Kawalan	42	2.40	3.005	0.464
	Kumpulan Rawatan	42	2.88	2.255	0.348
Kemahiran Menulis	Kumpulan Kawalan	42	18.02	7.514	1.159
	Kumpulan Rawatan	42	18.83	8.361	1.290

	Levene's Test Equality of Variances		t-test for Equality of Means			
	F	Sig.	T	Df	Sig. (2-tailed)	Std. Error
Ayat	1.204	0.276	-0.299	82	0.765	1.193
Ejaan	3.089	0.083	0.003	82	0.974	0.721
Tanda bacaan	1.660	0.201	-0.822	82	0.414	0.580
Kemahiran menulis	0.274	0.602	-0.467	82	0.642	1.735

**p<.05*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian –*t* untuk dua kumpulan sampel tidak bersandar (*Independent Samples-t test)* dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi kemahiran menulis pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum kajian dijalankan. Hasil pengujian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran menulis kumpulan rawatan (M=18.83, SD=8.361) dan pelajar kumpulan kawalan (M=18.02, SD=7.514), dengan t (82) = -0.467, p =0.642. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kemahiran menulis pelajar kumpulan kawalan dengan pelajar kumpulan rawatan. Dengan ini, terbukti bahawa tidak terdapat perbezaan kemahiran menulis pelajar kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan sebelum kajian dijalankan.

Seterusnya, penilaian hipotesis kedua melibatkan ujian-*t* untuk dua kumpulan sampel tak bersandar (*Independent Samples-Test*) dalam menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pelajar kumpulan kawalan dan rawatan dari segi kemahiran menulis (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) selepas kajian dijalankan. Dalam menganalisis data, aras signifikan .05 (p< .05) ditetapkan iaitu membenarkan ralat sebanyak 5%, sesuai dengan statistik inferens dalam kajian sains sosial. Ujian kesignifikanan digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara min kemahiran menulis (ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul) pelajar kumpulan kawalan dan pelajar kumpulan rawatan.

Aspek kemahiran menulis yang diuji adalah merupakan kemahiran pelajar dalam membina ayat yang gramatis, kemahiran mengeja dan kemahiran menggunakan tanda bacaan. Analisis dibuat secara berasingan untuk ketiga-tiga aspek dalam kemahiran menulis dan pembolehubah kemahiran menulis pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan gabungan daripada ketiga-tiga aspek kemahiran menulis yang diuji seperti yang telah dinyatakan. Analisis kemahiran menulis adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5.15.

Jadual 5.15: Penilaian Kemahiran Menulis (PASCA KAJIAN)

	Ujian Pasca	N	Mean	Std Dev.	Std. Error of Mean
Ayat	Kumpulan Kawalan	42	11.05	5.517	0.851
	Kumpulan Rawatan	42	7.76	3.348	0.517
Ejaan	Kumpulan Kawalan	42	3.60	2.632	0.406
	Kumpulan Rawatan	42	2.62	1.738	0.268
Tanda bacaan	Kumpulan Kawalan	42	2.26	2.369	0.366
	Kumpulan Rawatan	42	1.86	1.317	0.203
Kemahiran menulis	Kumpulan Kawalan	42	16.90	8.630	1.322
	Kumpulan Rawatan	42	12.24	4.195	0.647

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Levene's Test Equality of Variance			t-test for Equality of Means			
	F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Std. Error
Ayat	7.438	0.008	3.300	82	0.001	0.996
Ejaan	4.475	0.037	2.005	82	0.048	0.487
Tanda bacaan	13.169	0.000	0.968	82	0.336	0.418
Kemahiran menulis	15.696	0.000	3.152	82	0.002	1.481

**p<.05*

Bagi aspek Ayat dalam Kemahiran Menulis didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan (M=7.76, SD=3.348) dan pelajar kumpulan kawalan (M=11.05, SD=5.517), dengan t (82) =3.300, p=0.001. Aspek Ejaan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan (M=2.62, SD=1.738) dan pelajar kumpulan kawalan (M=3.60, SD=2.632),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan t (82) =2.005, p=0.048. Manakala bagi aspek Tanda Bacaan pula didapati gagal untuk membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan (M=1.86, SD=1.317) dan pelajar kumpulan kawalan (M=2.26, SD2.369) dengan t (82) = 0.968, p=0.336. Bagi pembolehubah kemahiran menulis, ujian *–t* untuk dua kumpulan sampel tidak bersandar (*Independent Samples-t test*) untuk menjawab hipotesis iaitu sama ada terdapat perbezaan signifikan kemahiran menulis pelajar yang menggunakan blog dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. Keputusan menunjukkan bahawa kemahiran menulis pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan adalah lebih baik daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. Hasil penilaian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran menulis pelajar kumpulan rawatan dengan pelajar kumpulan kawalan, dengan t (82) = 3.151, p =0.002. Keputusan secara keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat kesan penggunaan blog terhadap kemahiran menulis pelajar kumpulan rawatan. Pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan mempunyai kemahiran menulis yang lebih baik daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

Dapatan kajian yang diperoleh adalah selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh *The Pew Internet & American Life Project and National Commission on Writing* (2008), yang mana dapatan mendapati kemahiran menulis remaja meningkat dengan dua cara perubahan pada kurikulum sekolah mereka iaitu (i) guru menghabiskan masa yang lebih banyak dalam penulisan di dalam kelas; dan (ii) guru menggunakan lebih banyak alat berasaskan komputer (seperti permainan, laman atau program yang membantu penulisan, atau multimedia) untuk mengajar penulisan. Secara keseluruhannya, 82% remaja mengatakan bahawa kelas tambahan penulisan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kelas boleh membantu meningkatkan kebolehan menulis mereka dan 78% berpendapat penggunaan alat berasaskan komputer oleh guru boleh meningkatkan kemahiran menulis mereka.

Dapatan kajian yang diperoleh juga menyokong dapatan Zaphiris dan Zacharia (2006) iaitu secara purata, kemahiran menulis pelajarnya meningkat dari segi panjang hasil penulisan, struktur, kosa kata dan tatabahasa.

5.5. Rumusan

Bab ini melaporkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Tiga jenis dapatan kajian dilaporkan iaitu laporan dapatan kajian daripada (i) pembangunan blog berkenaan dengan ciri dan elemen dalam blog yang sesuai untuk diguna pakai dalam menjadikan blog sebagai platform penulisan karangan, (ii) persepsi pelajar terhadap penulisan karangan dan penggunaan blog dalam penulisan. (iii) penilaian terhadap keberkesanan penggunaan blog dari aspek pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis.

Dapatan kajian daripada pembangunan blog sebagai platform penulisan karangan mendapati antara ciri dan elemen yang sesuai adalah aplikasi komen yang begitu ditekankan dalam tinjauan literatur yang dibuat tentang penggunaan blog dalam pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi komen penting kerana membolehkan interaksi, perbincangan dan komunikasi berlaku di luar bilik darjah antara guru dengan pelajar, pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan pengguna internet di seluruh dunia. Selain itu, aplikasi pautan yang membolehkan pelajar melayari laman-laman yang kaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan sumber maklumat tentang penulisan karangan secara khasnya dan pembelajaran Bahasa Melayu secara amnya.

Seterusnya, persepsi pelajar tentang penulisan karangan selepas menggunakan blog ditinjau. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dalam bentuk jumlah dan peratus. Tinjauan dibuat dalam beberapa aspek penulisan karangan iaitu penggunaan bahasa, kepentingan penulisan, masalah yang dihadapi dan komen tentang penulisan. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar berkenaan dengan penulisan karangan sebelum dan selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan adalah berbeza. Manakala pelajar mempunyai persepsi yang positif dan menerima penggunaan blog dalam penulisan sebagai kaedah yang mampu membantu mereka dalam penulisan karangan seterusnya membantu mereka dalam penguasaan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis inferens pula digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian markah karangan pelajar dan kemahiran menulis pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional. Hasil analisis inferens dengan menggunakan ujian *–t* untuk dua kumpulan sampel tak bersandaran menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian markah pelajar rawatan iaitu pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan dengan pelajar kawalan yang mengikuti kaedah konvensional dalam penulisan karangan.

Pelajar kumpulan rawatan memperoleh pencapaian markah karangan yang lebih baik daripada pelajar kumpulan kawalan. Begitu juga halnya dengan kemahiran menulis, didapati terdapat perbezaan signifikan dalam aspek kemahiran menulis antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar kumpulan rawatan dengan pelajar kumpulan kawalan. Kemahiran menulis pelajar dalam kumpulan rawatan iaitu pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan didapati adalah lebih baik daripada pelajar yang menggunakan kaedah konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN PENUTUP

6.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan ringkasan kajian yang telah dijalankan, perbincangan tentang dapatan kajian, implikasi hasil kajian dan kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh para penyelidik pada masa akan datang.

6.2 Ringkasan dan Perbincangan Dapatan

Secara ringkasnya, didapati bahawa pelajar-pelajar kumpulan rawatan mempunyai persepsi yang berbeza tentang penulisan karangan terutamanya tentang penggunaan bahasa, masalah yang dihadapi dan komen tentang penulisan karangan sebelum dan selepas menggunakan blog dalam penulisan karangan. Namun begitu, persepsi mereka tentang kepentingan penulisan karangan dalam mempengaruhi penguasaan dan pencapaian dalam Bahasa Melayu adalah konsisten.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi konstruk penggunaann bahasa (1), hanya sebilangan kecil pelajar bersetuju dengan item-item dalam konstruk penggunaan bahasa seperti tidak melakukan kesalahan ejaan yang banyak, tidak menghadapi masalah menggunakan tanda bacaan ketika menulis karangan dan menghadapi masalah untuk mengeja sesuatu perkataan. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang mendapati bahawa pelajar-pelajar bukan Melayu melakukan banyak kesalahan bahasa semasa menulis karangan (Luginy@Rosliah, 2001; Samsudin, 2004; Tan, 2004).

Bagi konstruk masalah yang dihadapi (2), hampir 90% daripada pelajar berpendapat bahawa mereka menghadapi masalah ketika menulis karangan dan mereka memerlukan bantuan. Kebanyakan pelajar perlu berfikir lama ketika hendak mula menulis dan tidak dapat menulis dalam masa yang ditetapkan juga tidak dapat menghantar buku karangan tepat pada masanya. Persepsi pelajar-pelajar ini adalah selaras dengan pandangan Kamaruddin (1988) yang mengatakan bahawa dalam penulisan, guru menghadapi masalah kerana murid-murid perlu menampilkan idea sendiri dengan bantuan guru dan murid tidak pula berusaha untuk menulis karangan dengan baik. Bantuan dapat disampaikan kepada para pelajar melalui penggunaan blog kerana guru menyediakan pautan ke laman blog dan laman web yang menyediakan pelbagai informasi dan bantuan untuk menolong pelajar dalam penulisan karangan. Seperti kata Oravec (2002) "*through actively responding to Internet materials, students can define their positions in the context of others'writing as well as outline their own perspectives on particular issues*".

Sementara itu, konstruk kepentingan penulisan (3) memperlihatkan secara keseluruhannya pelajar bersetuju bahawa penulisan karangan adalah penting,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulisan karangan dapat membantu menguasai Bahasa Melayu, markah karangan mempengaruhi pencapaian dalam Bahasa Melayu dan menulis dengan banyak dapat membaiki hasil penulisan. Pandangan ini adalah selaras dengan pemberatan markah yang diperuntukkan dalam Kertas Bahasa Melayu SPM iaitu sebanyak 130 markah untuk 2 soalan karangan yang wajib dijawab oleh pelajar-pelajar.

Seseorang ilmuan menjadi tersohor disebabkan sumbangan yang tersurat dalam bentuk penulisan yang dinilai oleh rakan sepakaran kemudian diterbitkan. Kita mengenali Al-Ghazali, Ibnu Sina, Gelileo, da Vinci serta Einstein kerana sumbangan kesarjanaan mereka menerusi penulisan bermutu tinggi (Zaini, 2007). Walau bagaimanapun, bilangan pelajar yang bersetuju dengan item menulis dengan banyak dapat membaiki hasil penulisan mereka telah berkurang sebanyak 7.1%, iaitu sebanyak 57.1% pelajar bersetuju bahawa menulis dengan banyak dapat membaiki hasil penulisan mereka daripada 64.3% sebelum penggunaan blog dalam penulisan karangan. Hal ini adalah disebabkan pada masa pentadbiran borang soal selidik selepas pelajar menggunakan blog dalam penulisan karangan, pelajar akan menghadapi peperiksaan akhir tahun, jadi tumpuan pelajar adalah pada persediaan untuk menghadapi peperiksaan dan membuat ulangkaji. Oleh sebab itu, pelajar yang berpendapat bahawa menulis banyak dapat membaiki hasil penulisan telah menurun sedikit.

Pandangan ini adalah berbeza daripada pandangan Hulbert (2005) yang mengatakan bahawa dengan penulisan, seseorang yang menulis banyak, akan menjadi lebih baik dalam penulisan. Tidak ada gantian kepada melatih menulis. Walaupun sesetengah orang dilahirkan dengan bakat menulis lebih daripada orang lain, tetapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebanyakan orang boleh menjadi penulis yang lebih baik sekadar melalui latihan. Bernstein (2004) juga mengatakan bahawa kerap menulis mampu meningkatkan penulisan, memupuk tabiat menulis dengan kerap adalah langkah pertama yang begitu penting. Begitu juga dengan pandangan Risinger (1987) bahawa majoriti guru percaya bahawa pelajar yang menulis banyak berjaya menghasilkan penulisan yang lebih baik.

Akhir sekali, iaitu yang ke (4) konstruk komen pelajar tentang penulisan karangan. Pelajar didapati tidak suka menulis di sekolah, menganggap karangan adalah membosankan serta pencapaian karangan mereka adalah tidak memuaskan. Pandangan ini adalah selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji iaitu pelajar-pelajar bukan Melayu didapati tidak berminat dalam pembelajaran bahasa Melayu dan penulisan karangan (Chin, 2000; Habibah, Abdul Rashid dan Yahaya, 2003; Zamri dan Mohamed, 2006).

6.2.1 Pembangunan Blog

Pembangunan blog http://smkyukkwan.blogspot.com menggunakan model ADDIE melalui lima fasa iaitu fasa Analisis, fasa Reka bentuk, fasa Pembangunan, fasa Pelaksanaan dan fasa Penilaian.

Dalam fasa Analisis, secara ringkasnya analisis yang dijalankan adalah meliputi analisis keperluan membina satu platform penulisan karangan baharu untuk pelajar. Hasil daripada tinjauan literatur mendapati bahawa penulisan karangan merupakan kemahiran bahasa yang paling sukar dikuasai dan pelajar-pelajar bukan Melayu khususnya menghadapi masalah penulisan karangan Bahasa Melayu (Chin,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2000; Habibah, Abdul Rashid dan Yahaya, 2003; Zamri dan Mohamed, 2006). Platform penulisan karangan dalam blog membantu pelajar dari segi menyediakan sumber rujukan, pelajar berpeluang untuk membaca hasil penulisan rakan sebaya yang sukar hendak dilakukan jika pelajar menulis dalam buku karangan dan menggalakkan perbincangan dan interaksi serta komunikasi antara guru dengan pelajar, antara pelajar dengan rakan sebaya dan antara pelajar dengan pembaca blog.

Analisis turut dijalankan untuk membuat pemilihan terhadap perkhidmatan pembinaan blog yang paling sesuai dijadikan platform penulisan karangan pelajar. Analisis dibuat dengan meninjau pandangan pakar dan guru yang telah mengintegrasikan blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan langkah-langkah yang terlibat dalam pembinaan blog yang ditawarkan oleh perkhidmatan pembinaan blog dalam laman web. *Blogger.com* telah dipilih platform penulisan karangan kerana mesra pengguna, langkah pembinaan blog yang mudah dan yang paling penting *Blogger.com* menawarkan pemilihan sebanyak 50 jenis bahasa termasuk Bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan pengguna dalam membina blog mereka.

Analisis turut dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa pelajar dalam Bahasa Melayu. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa pelajar tidak akan menghadapi masalah ketika membina laman blog dengan menggunakan Blogger.com. Walaupun guru menunjukkan langkah demi langkah proses pembinaan blog, satu manual panduan pembinaan blog langkah demi langkah turut disediakan untuk membantu pelajar yang tidak dapat mengikuti proses pembinaan yang ditunjukkan oleh guru pada skrin projektor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa seterusnya ialah fasa Reka bentuk. Dalam fasa ini, reka bentuk laman blog dipilih daripada templat yang tersedia dalam perkhidmatan yang ditawarkan. Dalam fasa ini, reka bentuk yang utama adalah mengenal pasti susun letak aplikasi-aplikasi dalam blog termasuk aplikasi pembilang (*counter*), pautan ke laman web atau laman blog yang berkait dengan pembelajaran Bahasa Melayu, arkib blog, kategori pos, label dan profil penulis blog.

Pada fasa Pembangunan, nama blog, alamat blog, dan aplikasi-aplikasi dalam blog dan susun atur yang sudah direka bentuk pada fasa reka bentuk dibangunkan untuk dijadikan platform pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu oleh sampel kajian. Manakala pada fasa pelaksanaan, pelajar-pelajar ditunjukkan langkah demi langkah proses pembinaan blog bersama dengan manual panduan membina blog langkah demi langkah. Proses pembinaan walaupun keseluruhannya lancar namun terdapat beberapa orang pelajar yang memerlukan bantuan kerana tidak memiliki alamat emel yang diperlukan untuk pendaftaran nama dan alamat blog. Kebanyakan penulisan karangan oleh pelajar dilakukan pada masa lapang mereka. Pada waktu proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dengan blog, guru banyak mendedahkan pelajar kepada laman-laman pembelajaran bahasa yang terdapat dalam internet, hasil penulisan karangan pelajar dalam blog, kesilapan dan kesalahan bahasa pelajar dalam penulisan karangan terutamanya dari aspek ayat, ejaan dan tanda bacaan.

Secara ringkasnya, proses pembinaan blog dengan menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh *Blogger.com* adalah mudah dan tidak menghadapi masalah yang tidak dapat diatasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara ciri dan elemen blog yang dikenalpasti sesuai untuk digunakan dalam penulisan karangan ialah komen. Komen merupakan elemen yang penting dalam penulisan karangan menggunakan blog. Hal ini adalah disebabkan, melalui komen ini pelajar berinteraksi dengan guru, rakan sebaya serta pembaca blog mereka. Pelajar mendapat maklum balas, cadangan dan pandangan daripada pihak lain terutamanya rakan sebaya mereka. Maklum balas, cadangan dan pandangan ini membolehkan pelajar membuat refleksi dan terlibat secara aktif dalam perbincangan.

Selain itu, aplikasi *link*/pautan membolehkan pelajar mengakses laman pembelajaran bahasa lain yang telah disediakan. Laman-laman ini kaya dengan pelbagai input bahasa yang dapat menolong pelajar dalam penulisan karangan. Rujukan dapat dilakukan dengan mudah dan cepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, elemen arkib/kategori yang membolehkan hasil penulisan dikategorikan mengikut jenis, tajuk, dan kata kunci. Elemen arkib/kategori ini menyimpan hasil penulisan pelajar dan mengkategorikan hasil penulisan pelajar. Segala hasil penulisan pelajar akan disimpan secara sistematik dan mudah dirujuk kembali apabila diperlukan dengan melakukan carian mengikut kata kunci atau kategori yang telah dibuat.

Penilaian dilakukan bermula dari fasa analisis hingga ke fasa penilaian. Fasa penilaian melibatkan penilaian terhadap penggunaan blog dalam penulisan karangan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam penggunaan blog. Pelajar yang menghadapi masalah untuk memuatnaikkan karangan mereka atau kurang mahir menaip, dan yang tidak mempunyai talian internet di rumah diminta menaip

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karangan mereka di rumah dan disimpan dalam pemacu pena (*thumb drive)* untuk dimuatnaikkan di sekolah.

6.2.2 Pengujian Keberkesanan Penggunaan Blog

Pengujian dilakukan untuk melihat keberkesanan penggunaan blog dalam penulisan karangan terhadap pencapaian markah karangan pelajar dan kemahiran menulis.

6.2.2.1 Pencapaian Markah Karangan

Berpandukan data yang diperoleh, didapati bahawa pencapaian markah karangan pelajar yang menggunakan blog dalam penulisan karangan meningkat manakala pelajar yang menggunakan kaedah konvensional tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan. Kajian Fredig et al., (2007) juga mendapati bahawa penggunaan blog secara kolaborasi membantu membaiki sikap pelajar terhadap penulisan, motivasi untuk menulis, kualiti dan kuantiti penulisan pelajar meningkat.

Penggunaan blog didapati mampu meningkatkan pencapaian markah karangan pelajar, hal ini adalah disebabkan blog membolehkan pelajar mengakses dan membaca blog pelajar lain. Berbanding dengan kaedah konvensional, pelajar tidak berpeluang untuk membaca penulisan pelajar lain. Pandangan ini disokong oleh kajian oleh Churchill (2009) yang mendapati bahawa 83% pelajar bersetuju bahawa blog memudahkan dan menyumbang kepada pembelajaran mereka, mengakses dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca blog pelajar lain menyumbang paling banyak kepada proses pembelajaran pelajar. Apabila ditemu bual, pelajar mengatakan bahawa membaca hasil kerja pelajar lain membolehkan mereka belajar perkara baharu daripada perspektif pelajar lain dan melihat perkembangan dan kemajuan yang dicapai pelajar lain. Dengan itu, pelajar-pelajar berjaya meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang penulisan. Ini selaras dengan dapatan kajian Gray dan Xiaoli (2000) yang mendapati penggunaan internet dalam pembelajaran dapat mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar. Selain itu, pelajar juga boleh memperoleh maklumat yang disalurkan melalui Internet sebagai sumber tambahan (Gandhi, 2001).

Kajian Ezihaslinda (2007) juga mendapati bahawa 100% pelajar bersetuju bahawa menulis jurnal membantu mereka membaiki tahap bahasa Inggeris dan 96% pelajar suka menulis jurnal menggunakan blog dan 91% pelajar memilih untuk menulis jurnal dalam blog daripada buku latihan. Dapatan ini dikukuhkan oleh pendapat Graves dalam bukunya *Writing: Teacher and Children at Work* (2003) yang menyokong bahawa pelajar perlu memilih kebanyakan topik penulisannya, mendapat maklum balas yang tetap daripada guru dan rakan sebaya, kerap menulis, "menerbitkan" hasil penulisan mereka dalam beberapa bentuk.

Apa yang disarankan oleh Graves mampu direalisasikan dengan penggunaan blog dalam penulisan karangan kerana selain menggunakan blog untuk menulis tajuk-tajuk karangan yang diberikan oleh guru, pelajar adalah bebas untuk memilih topik penulisan yang diminatinya. Selain itu, penulisan blog memudahkan guru dan rakan sebaya memberikan komen atau maklum balas tentang hasil penulisan pelajar. Pelajar boleh menulis pada bila-bila masa sahaja dan tidak menulis untuk semakan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja. Di samping itu, pelajar dapat menerbitkan penulisan mereka di laman web dalam pelbagai bentuk dan gaya. Hal ini menjadikan penulisan mereka lebih menarik. Selain itu, penggunaan blog juga mendedahkan pelajar-pelajar kepada penguasaan literasi abad ke-21 iaitu kemahiran yang pelbagai bukan setakat kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

6.2.2.2. Kemahiran Menulis Pelajar (ayat yang gramatis, tanda bacaan dan ejaan yang betul)

Kemahiran menulis perlu dikuasai dengan baik jika ingin memperoleh pencapaian markah karangan yang baik. Kemahiran menulis yang dikaji hanya melibatkan penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dari segi kemahiran menulis pelajar dalam kumpulan rawatan berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan.

Didapati bahawa penggunaan blog sememangnya dapat meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Hal ini dibuktikan dengan dapatan hasil kajian tentang kemahiran menulis pelajar kumpulan rawatan yang menggunakan blog dalam penulisan karangan. Dapatan kajian mendapati bahawa kemahiran menulis pelajar kumpulan kawalan adalah tetap sama iaitu tidak ada peningkatan yang signifikan sebelum dan selepas kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan blog dalam penulisan karangan dapat meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rezaee dan Oladi (2008) yang mendapati bahawa persepsi pelajar tentang penggunaan blog adalah berbeza-beza, tetapi prestasi kemahiran menulis pelajar adalah yang tertinggi. Kajian Ezihaslinda (2007) mendapati bahawa pelajar akan memastikan struktur tatabahasa dan kosa kata diberi perhatian khusus apabila menulis jurnal. Beberapa orang pengkaji telah mencadangkan bahawa blog dan penulisan blog boleh menggandakan jumlah masa yang diluangkan oleh pelajar untuk penulisan, melaksanakan penulisan merentasi kurikulum, menggalakkan penulisan di luar bilik darjah, menggunakan teknologi untuk meningkatkan penulisan (Fredig dan Trammell, 2004). Di samping itu, blog boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar seperti yang dibincangkan dalam literatur terdahulu (Godwin-Jones, 2003; Hernandez-Ramos, 2004; Johnson, 2004; Huffaker, 2005).

6.3 Implikasi Dapatan Kajian

Terdapat beberapa implikasi kajian ini terhadap pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan di sekolah, iaitu terhadap (i) Guru dan (ii) Pelajar. Penggunaan blog menyediakan satu platform baharu untuk penulisan karangan. Pelajar dapat menunjukkan hasil penulisan mereka untuk bacaan orang lain selain guru. Di samping itu, pelajar berpeluang untuk menulis topik dan tajuk penulisan yang diminati selain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menulis tajuk yang telah ditetapkan oleh guru atau untuk tujuan menjawab soalan peperiksaan.

6.3.1 Guru

Aplikasi digital baharu yang muncul pada masa kini membolehkan pengguna internet untuk menyebarkan idea dan pengalaman mereka secara digital, pengguna internet telah menjadi pengguna yang aktif dan berupaya terlibat dalam aktiviti di laman web dengan begitu mudah sekali.

Sesiapa sahaja yang ada akses internet boleh menerbitkan dan menyebarkan hasil penulisan dan maklumat, berkongsi idea dan pandangan tanpa melalui proses mengedit atau mendapatkan kelulusan untuk menerbitkan hasil penulisan. Dapatan kajian mendapati pelajar berminat untuk menulis dalam blog kerana mereka berpeluang membaca karangan pelajar lain dan mendapatkan komen dan pandangan daripada rakan sebaya mereka yang sebelum ini tidak berlaku semasa penulisan karangan secara konvensional.

Oleh sebab itu, guru perlu mendidik pelajar-pelajar cara untuk memilih, menapis, dan menilai maklumat yang diterbitkan di dalam laman web. Guru juga perlu mendidik pelajar-pelajarnya agar sentiasa mempersoalkan dan menilai maklumat yang diperoleh daripada menerimanya secara pasif sebagai maklumat yang betul dan sah. Oleh sebab itu, guru sendiri perlu ada kemahiran dalam mengendalikan maklumat dalam laman web agar dapat mendidik pelajar-pelajar untuk berkongsi idea dan menerbitkan sesuatu hasil penulisan dalam laman web secara betul. Guru tidak boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lagi hanya bergantung kepada sumber yang diperoleh daripada buku teks dan risalah kerana terdapat sesetengah maklumat dan informasi yang terkini dan lebih relevan boleh diperoleh daripada laman web.

Penulisan pelajar tidak lagi hanya untuk penyemakan guru sahaja. Penulisan karangan dengan menggunakan blog telah memindahkan tanggungjawab menulis, menentukan apa yang ingin ditulis, bahasa yang digunakan, gaya penulisan kepada tanggungjawab pelajar itu sendiri. Namun, ini tidak bermaksud guru boleh melepaskan tangan. Guru harus memantau dan memberikan panduan kepada pelajar jika mereka menghadapi masalah sama ada masalah penulisan atau masalah menggunakan blog.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Penyeliaan hasil penulisan oleh guru dapat dijalankan dengan lebih mudah lagi. Guru dapat menyelia hasil penulisan pelajar pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan syarat ada rangkaian internet. Dengan menggunakan aplikasi *Really Simple Syndication* (RSS), guru dapat membaca semua hasil penulisan karangan pelajar dalam kelas malah mengetahui masa hasil karangan pelajar dipos ke dalam blog. Guru tidak perlu lagi mengutip buku karangan dan menandakan nama pelajar yang tidak menghantar latihan karangan mereka serta mengurangkan penggunaan kertas. Selain itu, guru dapat menggalakkan pelajar-pelajar belajar daripada rakan sebaya mereka. Guru sendiri dapat meningkatkan kemahiran penggunaan komputer dan internet.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.2 Pelajar

Penulisan karangan menggunakan blog menyebabkan pelajar terlibat dengan aktif dalam penulisan mereka. Pelajar tidak lagi bergantung kepada isi-isi karangan yang diberikan oleh guru, sebaliknya pelajar berpeluang untuk menulis tajuk yang diminatinya bukan semata-mata tajuk yang diberikan oleh guru atau tertumpu pada tajuk skop peperiksaan. Pelajar dapat melayari laman-laman web dan blog penulisan yang lain untuk mendapatkan idea dan rujukan. Input bahasa yang diperoleh pelajar adalah meluas dan tidak terbatas. Pelajar dapat melakukannya pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Dapatan hasil kajian mendapati bahawa penulisan karangan menggunakan blog dapat menggalakkan komunikasi dan perbincangan antara pelajar dengan guru dan pelajar dengan rakan sebaya. Pelajar berpeluang untuk membaca dan memberi komen terhadap hasil penulisan rakan lain. Membaca hasil penulisan pelajar lain amat sukar dilakukan jika pelajar menulis karangan dalam buku karangan sebaliknya penulisan karangan dalam blog memudahkan pelajar untuk membaca hasil penulisan rakan yang lain dan meningkatkan interaksi dengan rakan lain melalui aplikasi komen. Interaksi membenarkan pelajar untuk membina ilmu dan makna. Oleh itu, interaksi menjadi lebih menarik dan mendatangkan kepuasan (Bibeau, 2001 dalam Waltomen-Moore, Stuart, Newton, Oswald, dan Varonis, 2006).

Sebenarnya, pelajar melakukan aktiviti penulisan pada setiap masa, sama ada menghantar emel, menghantar sms, berbual dengan rakan dalam talian seperti *online chatting*. Apa yang lebih penting adalah bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulisan seperti yang dinyatakan ini. Pelajar mempunyai pilihan bahasa yang digunakan dalam penulisan secara tidak formal ini. Pastinya pelajar akan memilih bahasa ibunda masing-masing dalam komunikasi atau penulisan jenis ini. Oleh hal yang demikian, blog sememangnya boleh menjadi satu platform yang mewujudkan peluang dan keperluan untuk menggunakan bahasa yang dipelajari. Apabila digunakan dalam penulisan karangan, pelajar berpeluang untuk membaca teks dan karangan yang ditulis oleh rakan sebaya mereka. Di samping itu, peluang untuk membaca teks dalam Bahasa Melayu juga akan bertambah. Dapatan kajian juga mendapati bahawa walaupun selepas tamatnya tempoh kajian, masih terdapat pelajar bukan Melayu yang terus menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan harian mereka.

6.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian tentang penggunaan blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia masih amat terhad. Lebih banyak kajian perlu dijalankan untuk mengkaji keberkesanannya dalam pelbagai mata pelajaran.

Kajian ini hanya melihat persepsi pelajar bukan Melayu terhadap penulisan karangan dan persepsi pelajar terhadap penggunaan blog dalam penulisan karangan serta menguji keberkesanan penggunaan blog terhadap pencapaian markah karangan dan kemahiran menulis pelajar. Oleh sebab itu, kajian lanjut yang boleh dijalankan adalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I) Mengkaji fungsi blog sebagai portfolio yang memuatkan segala aktiviti pembelajaran atau hasil penulisan pelajar. Walaupun dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menyedari kesalahan dan kesilapan mereka semasa penulisan karangan menggunakan blog, penulisan karangan hanya dijalankan untuk satu jangka masa terhad. Apakah reaksi dan implikasi penggunaan blog dalam penulisan karangan selepas tamat tempoh kajian? Sama ada pelajar akan terus menggunakan blog dalam penulisan karangan? Penulisan merupakan satu proses pembelajaran yang mengambil jangka masa yang lama dan harus dijalankan secara berterusan. Oleh sebab itu, penulisan karangan dengan menggunakan blog boleh bermula apabila pelajar menjejakkan kaki ke peringkat sekolah menengah hinggalah tamat pengajian tingkatan lima atau tingkatan enam dalam jangka masa selama 5 atau 6 tahun. Kajian berbentuk longitudinal dijalankan untuk melihat keberkesanan penggunaan blog dalam jangka masa panjang. Adakah blog mampu membantu pelajar mengenal pasti segala kelemahan mereka dan merancang untuk belajar dengan lebih baik pada tahun hadapan dan adakah pelajar akan dapat mengekalkan minat pelajar untuk terus menggunakan blog sebagai salah satu aktiviti pembelajaran mereka?

II) Pelajar-pelajar di negara kita terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang dan berada di merata daerah dan negeri, kajian boleh dijalankan untuk meninjau atau mewujudkan kolaborasi antara pelajar berlainan kaum dari kawasan bandar dengan luar bandar menggunakan blog untuk belajar bersama-sama merentasi sempadan geografi dan kategori sekolah. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar bukan Melayu mendapat komen daripada pelajar dan pembaca blog lain yang terdiri daripada latar belakang yang pelbagai. Peluang untuk berinteraksi dengan penutur jati merupakan satu kelebihan utama penggunaan blog dalam penulisan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

